



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)

SHAH ALAM, 15 APRIL 2014 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Dato' Dr. Seri Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
(Menunaikan Umrah)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Diana Binti Shuwardi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Shazrin bin Dzahari
Encik Ramli bin Shafiai
Bentara

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmanir rahim. Assalammualikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat yang pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor ke-13 pada hari yang ketujuh 15 April 2014 dimulakan dengan bacaan doa.

I DOA

II PERTANYAAN-PERTANYAAN

Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua. Saya jemput Kota Anggerik. Tidak hadir. Soalan 109 telah dijawab bersekali dengan soalan 51. Ijok.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Maaf Tuan Speaker sebenarnya belum dijawab.

TUAN SPEAKER: Belum dijawab.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Belum dijawab.

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tuan speaker.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker. Kota Anggerik boleh pantas?

TUAN SPEAKER: Baiklah saya benarkan Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, soalan saya ialah soalan 108.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK: PEMBANGUNAN ISLAMIC CITY DI SHAH ALAM

108. Kerajaan pernah bercadang untuk membina Islamic City atau Kota Tamadun di Shah Alam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Kerajaan untuk membangunkan Islamic City tersebut?
- b) Berapakah peruntukan untuk membangunkan Islamic City tersebut?
- c) Bilakah projek ini akan mula dilaksanakan?

TUAN SPEAKER: Kerajaan bagi pihak Sabak.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim.* Y.B Sabak berada di Madinah untuk tugas-tugas rasmi Kerajaan Negeri Selangor. Ok. Mengenai Pembangunan *Islamic City* di Shah Alam. Tuan Speaker, Y.B Kota Anggerik membangkitkan tentang adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Islamic City ataupun Kota Tamadun di Shah Alam dan apakah rancangan dan peruntukan bila projek ini jika dipersetujui dan dilaksanakan. Pihak MBSA telah mengadakan satu bengkel Pembangunan Islamic City pada 27hb. Mei 2013 di Hotel Saujana Hyatt dan telah dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor bagi pihak Majlis dan telah mengadakan bengkel Pusat Bandar Shah Alam pada 23hb. Oktober untuk mendapatkan pandangan dan cadangan pemilik-pemilik tanah berhubung pembangunan Pusat Bandar Shah Alam yang akan diselaraskan dengan konsep pembangunan *Islamic City*.

Ada beberapa pertemuan hasil daripada dua perjumpaan tersebut. Iaitu Shah Alam mempunyai keupayaan dan yang jika kita ingin menterjemahkan konsep pembangunan *Islamic City* dan antara perkara yang ditekankan adalah menerapkan prinsip keadilan itu memang biasa madani dia bukan perkataan keadilan tetapi prinsip madani iaitu tidak ada persaingan golongan tua dan muda miskin dan kaya. Kedua ekuiti berlandaskan budaya Islam mengikut Al-Quran dan Sunnah dan tidak hanya memberi tumpuan kepada pengalaman luar dan hendaklah dijadikan identiti tempatan.

Tumpuan aktiviti berlandaskan Islam seperti pengelompokan kegiatan perbankan, tujuan kita menjadikan Shah Alam *Islamic Financial City* zakat, kebajikan dan wakaf

dan mengawal sudah tentu mengawal keamanan dan keselamatan. Jadi banyak perkara yang telah dibincangkan. Walau bagaimanapun antara yang menyebabkan Shah Alam ini boleh dianggap dirangka dalam bentuk *Islamic City* ialah kerana masjid sebagai elemen tarikan utama dan sudah dibuat.

Antara yang dicadangkan untuk menjadikan fungsi masjid sebagai pusat ilmiah dan kemajuan komuniti dan beberapa cadangan tentang kesan ekologi yang boleh dilakukan jawapannya semua sudah dibincangkan selain daripada menjadikan kawasan itu *small skill halal hub restaurant* halal dan semua cara-cara urus niaga sudah tentulah ada bercakap tentang urus niaga seperti yang dibuat yang di Bandar Madinah dan Mekah di mana penjualan emas berlaku jadi itu ada cadangan tidak semestinya kita tunjukkan dan masih lagi dalam perbincangan dan ada juga yang membuat beberapa cadangan termasuk mewujudkan Polis Syariah tetapi tidak semestinya boleh dilaksanakan sepenuhnya dan antara perkara yang kita lakukan ialah mengadakan perbincangan dengan Majlis Islam Selangor dan kita ada dua akan membuat menyebarkan kajian-kajian ini untuk mendapat ihsan dan juga mendapat nasihat dari DYMM Tuanku Sultan.

Y.B TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Ada pandangan kalau namanya *Islamic City* nanti ada timbul isu *non Islamic City*. Jadi nama itu mungkin disesuaikan dengan Kota Tamadun atau pun Bandar Madani.

Kedua soal *funding*. Apakah ianya *State funding* atau apa juga *funding* saya pinda MAIS *fund* pembangunan ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Y.B Tuan Speaker, perkataan Y.B Kota Anggerik itu memang masih lagi dalam perbincangan kita. Itu dari keupayaan ini menterjemahkan konsep Mekah boleh dilakukan. Salah satu daripada keupayaan pembangunan ini ialah menterjemahkan konsep wakaf yang mana ianya boleh dilakukan.

Kedua menterjemahkan dari segi apa yang dipanggil *Financial Islamic City* yang mana pembiayaannya ialah dari bank-bank dan institusi kewangan yang akan membina prasarana di sana dan saya rasa yang penting ialah masih lagi dalam perbincangan dan ini juga melibatkan beberapa perkara mengenai *traffic system* di mana kalau dapat MRT, LRT yang melalui kawasan tersebut. Saya nampak perkara ini memakan masa yang agak panjang sekurang-kurangnya 3 atau 5 tahun baru lahirnya satu rancangan yang begitu mantap.

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya yang ke 109.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: INDUSTRI PELANCONGAN DI LEMBAH KLANG

109. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Selangor untuk membangunkan produk-produk pelancongan di tempat-tempat bersejarah di Lembah Klang setiap tahun bermula tahun 2008?
- b) Apakah strategi kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong untuk melawat ke tempat-tempat bersejarah?.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker peruntukan yang ini dilanjutkan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan produk-produk pelancongan tempat-tempat bersejarah di Lembah Klang bagi tahun 2008 sehingga tahun 2013 adalah berjumlah RM859,410 sahaja. Dengan pecahan seperti yang berikut:

Majlis Perbandaran Klang pada 2009 RM130,000. Tahun 2010, RM130,000 juga. 2011 RM37,000. 2012 RM90,000. 2013, RM61,860. Selain daripada itu ini hanya di Klang. Selain daripada itu tumpuan Kerajaan Negeri juga adalah untuk memperkenalkan sejarah di Pekan Batu Arang. Jadi pada tahun 2012 RM100,000 telah dibelanjakan. Pada tahun 2013 RM99,600 sudah dibelanjakan dan tambahan juga terdapat kerja-kerja untuk membaik pulih galeri Sultan Abdul Aziz di Klang dengan pembangunan *budget* RM180,950 sahaja.

Antara strategi untuk menarik lebih ramai pelancong untuk melawat tempat-tempat bersejarah adalah seperti berikut. Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor bekerjasama dengan pihak persatuan pemandu pelancong untuk membuat penambahbaikan ke atas *package* lawatan ke atas *heritage walk* Klang dan juga kawasan Batu Arang.

Keduanya mempromosikan tempat-tempat bersejarah secara meluas samada di dalam mahupun di luar negara semasa siri promosi pelancongan.

Ketiga menggunakan saluran media yang sedia ada mahupun alternatif penggunaan laman web rasmi Tourism Selangor dalam mempromosikan tempat-tempat yang bersejarah yang harus dilawati oleh pelancong-pelancong.

Keempat menganjurkan siri lawatan media dan agensi pelancongan dari dalam dan luar negara bagi memastikan semua maklumat berkaitan tempat-tempat bersejarah ini dapat disampaikan dengan tepat dan berkesan kepada para pelancong.

Kelima mengedarkan risalah pelancongan berkaitan tempat-tempat bersejarah di Negeri Selangor khasnya di Lembah Klang kepada masyarakat umum khasnya bagi membolehkan mereka mendapat maklumat dan merancang percutian mereka.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soal tambahan.

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Saya telah meneliti perangkaan yang disebut oleh Y.B. EXCO tadi dan saya dapati perangkaan itu adalah terlalu sedikit tetapi saya ingin bertanya adakah angka-angka atau peruntukan itu digunakan untuk tujuan iklan atau tidak. Kerana saya lihat sama ada kita hendak mencipta nama menempah nama di persada dunia di dalam perindustrian iklan merupakan satu aspek yang sangat penting. Jadi saya ingin bertanya kepada Y.B EXCO.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Kg. Tunku kerana soalan Kg. Tunku adalah bertumpu kepada, dan saya baca sekali lagi ya pembangunan produk-produk pelancongan jadi apa yang saya telah sebut iaitu RM 859,410 sahaja itu adalah khas untuk pembangunan, untuk menaik taraf membaiki dan sebagainya. Kalau untuk mempromu, program-program atau pun aktiviti promosi itu sudah tentu kita membelanja jauh lebih banyak dalam lima tahun ini kerana satu, kita memang ada iklan dekat beberapa, majalah kapal terbang, pesawat. Sebagai contohnya di *Air Asia* kita juga pernah membuat iklan di beberapa majalah termasuk majalah yang berunsur sejarah antara bangsa seperti majalah *Unesco* dan sebagainya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya memerhati jawapan daripada Yang Berhormat EXCO tentang menarik pelancongan dan strategi yang dikemukakan. Saya juga hendak, ingin, soalan tambahan berkenaan dengan berapa, baru-baru ini berlaku tragedi kehilangan MAS MH 370 dan juga seorang warga kita, warga Cina dicolek di Sabah, ini, akan adakah ini memberi, menjejaskan industri pelancongan yang dilakukan promosi untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri Selangor dan Malaysia ini dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi perkara ini.

Y. B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Sekinchan. Memang tragedi MH 370 membawa kesan yang tidak baik kepada sektor pelancongan, bukan sahaja di Malaysia tetapi tambahan juga semua negeri-negeri pun ada merasai kesan tersebut. Apa yang Kerajaan Negeri telah buat adalah dengan segera untuk, kita telah adakah satu pertemuan atau pun mesyuarat pada awal bulan April untuk menyenaraikan masalah-masalah yang ditemui oleh pihak industri pelancongan. Keduanya juga untuk mengukir strategi dan juga aktiviti-aktiviti yang boleh menambah sedikit atau serba sedikit lebih pelancong-pelancong ke Negeri Selangor kerana apa kita lihat *pattern* atau pun corak adalah memang betul ada, ada syarikat atau pun *tour* dan sebagainya dibatalkan. Namun begitu kita juga mendapat maklumat bahawa ini, bukan untuk jangka masa yang panjang dan kita akan bekerjasama dengan semua pihak termasuk Kementerian Pelancongan dan juga Budaya untuk mencari strategi alternatif pada masa yang sama juga kita akan ada, ah! Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kita juga akan adakan satu mesyuarat dengan semua EXCO-EXCO Negeri bersama dengan Kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Budaya pada akhir bulan ini antaranya khas untuk menangani masalah pelancong-pelancong dari negara China.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Peraturan Tetap 24 (2).

TUAN SPEAKER: Soalan.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Soalan, 110.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(IJOK)**

TAJUK: MASALAH BELIA

110. Masalah belia menganggur dan melibatkan diri dalam aktiviti sosial yang tidak sihat masih ketara di kawasan Ijok khususnya dan Selangor amnya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam program-program pembinaan modal insan sebagai langkah mengatasi masalah ini?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menarik pelabur-pelabur ke kawasan desa seperti Ijok untuk mewujudkan peluang pekerjaan?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Tuan Speaker. Ijok bertanyakan berkaitan dengan rancangan-rancangan Kerajaan Negeri dalam program Pembinaan Modal Insan dalam langkah mengatasi masalah ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, inilah sebabnya kenapa Kerajaan Negeri di bawah pembangunan belia ini menubuhkan satu sekretariat yang dipanggil Penggerak Belia Tempatan yang mana sudah diwujudkan sejak tahun 2010 lagi kerana kita mempunyai matlamat bahawa belia ini adalah satu golongan yang sangat penting kepada negara kita yang mana juga kita melihat perlunya ada satu struktur jawatankuasa di peringkat Negeri Selangor yang melibatkan belia ini supaya belia-belia di Negeri Selangor ini akan dibangunkan dengan cara yang kita rasa ia memberikan impak kebaikan kebanyakan kepada belia dan juga kepada masyarakat itu sendiri. Dengan adanya program ini kita melantik penggerak belia-penggerak belia tempatan di seluruh Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan bermakna kalau satu Pihak Berkuasa Tempatan ada dua puluh empat zon bermakna ada dua puluh empat pengerusi penggerak belia tempatan dan ahli jawatankuasanya dan secara keseluruhan sejumlah 290 Pengerusi Penggerak Belia Tempatan di Negeri Selangor yang telah kita wujudkan. Mereka ini diberikan tanggung jawab untuk menjalankan program-program di bawah pembangunan belia di atas beberapa kategori atau pun fokus program-program yang secara khususnya menjurus kepada program satunya adalah program pendidikan. Yang kedua, program-program kemasyarakatan. Ketiga program kepimpinan. Keempat program kesihatan. Kelima program ekonomi dan ke enam program kebudayaan. Kerana kita melihat semua dengan adanya program-program khusus dengan peruntukan Kerajaan Negeri yang Kerajaan Negeri telah peruntukkan lebih kurang khusus untuk program penggerak belia tempatan di peringkat zon-zon ini sejumlah hampir lebih urang 2.8 juta setiap tahun diperuntukkan kepada mereka ini. Satunya adalah dalam bentuk insentif pada belia-belia dan juga kedua adalah peruntukan untuk mengadakan program-program berdasarkan kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Dengan secara tidak langsungnya kita mengharapkan masalah belia-belia menganggur terutamanya atau pun belia-belia yang mungkin tidak mempunyai hala tuju kita dapat bangunkan belia-belia kita secara menyeluruhnya di Negeri Selangor terutamanya untuk mereka ini terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang lebih baik, yang lebih sihat apabila mereka ini dapat digerakkan sama-sama sama ada menjalankan atau pun terlibat di dalam program-program yang dirancang di peringkat zon, di peringkat PBT mahu pun di peringkat Negeri Selangor itu sendiri. Di samping itu juga melalui kerja sama dengan di bawah *Standco* Pembangunan Modal Insan kita juga melibatkan belia-belia kita ini untuk terlibat tadi di dalam program-program *SPIES* belia contohnya, *SPIES D' Village*, kemudian ada juga program Generasi Idaman Selangor yang mana kita libatkan belia-belia kita ini secara terlibat supaya ada sahaja aktiviti-aktiviti belia mereka dan selain daripada itu juga melalui program-program usahawan yang kita di Negeri Selangor melalui peruntukan-peruntukan yang ada seperti di bawah SkimSel atau pun Mimbar, kita mahu belia-belia kita juga terlibat supaya mereka ada juga sumber-sumber untuk mereka menggunakan sedikit usaha untuk menambah pendapatan dan sebagainya.

Di samping itu di bawah program Keusahawanan, di bawah *Standco* Keusahawanan saya kira juga ada beberapa program yang menjurus di dalam pembangunan usahawan di peringkat, di kalangan belia itu sendiri. Walau bagaimana pun mungkin di bawah *Standco* Belia kita tidak ada peruntukan yang khusus atau pun dana khusus untuk membantu usahawan-usahawan ini daripada segi permulaan untuk mereka berniaga atau pun mereka menjalankan ekonomi-ekonomi untuk diri mereka sendiri. Antaranya, kita telah melihat, ya.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sijangkang, boleh ringkaskan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Okey, sebelum tahun 2008 ada dana peruntukan untuk dana belia yang mana sebahagiannya adalah diberikan sebagai pinjaman lebih kurang dalam satu juta ringgit di bawah tabung usahawan tabung pembangunan belia itu sendiri tetapi akhirnya sumber ini tidak ada pulangan, dan kita lihat tidak memberikan impak yang cukup baik. Sebab itulah Kerajaan Negeri Selangor masih lagi mengkaji bagai mana bentuk-bentuk yang kita boleh bantu belia terutamanya daripada segi dana yang saya lihat dari SkimSel dan juga Mimbar turut terlibat membantu di dalam apa juga aktiviti-aktiviti yang boleh membantu ekonomi belia itu sendiri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Seperti yang kita sedia maklum, dan semalam pun saya dah beri tahu bahawasanya mengikut apa yang dibangkitkan atau pun dijawab oleh Dewan untuk soalan Tuan Lee Chin Cheh pada penggal-penggal yang lepas, kita

TUAN SPEAKER: Soalannya Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ya. Saya hendak beritahu bahawa kita mempunyai lima puluh dua ribu orang belia yang terdiri dari umur lima belas hingga ke tiga puluh lima tahun, jadi soalan yang menganggur. Jadi, soalan saya apakah program-program yang hendak dibuat mempunyai kesan yang besar untuk mengurangkan kadar pengangguran yang terlalu besar, dah macam-macam cerita pasal pelaburan, pasal

TUAN SPEAKER: Okey, masa untuk bertanya sudah cukup.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Jadi, saya hendak tahu.

TUAN SPEAKER: Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Batang Kali. Saya kira ada beberapa program di bawah Negeri Selangor. Contohnya Jom Kerja yang

mana kita juga buka kepada belia-belia untuk kita salurkan. Kesesuaian pekerjaan-pekerjaan yang boleh mereka dapati daripada program tersebut. Itu satu. Yang kedua, juga seperti mana yang

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mencilah sekejap. Pasal program-program Jom Kerja ke tu, yang dimaksudkan peluang-peluang pekerjaan itu. Kalau yang itu saya dapati daripada rekod-rekod yang diberikan kepada kita ini menunjukkan bahawasanya setiap daerah baru sekali aje buat. Satu tahun sekali untuk mencari. Dan impaknya cuma lebih kurang dua ribu orang dan tiga ribu orang sahaja yang dapat kerja. So, saya hendak tahu apakah yang program-program yang diatur ini mempunyai impak besar untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Ya. Terima kasih Batang Kali. Saya katakan bahawa itu adalah sebahagian daripada program-program, yang mana kita hendak melihat supaya belia-belia ini mempunyai peluang pekerjaan. Yang kedua seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tempoh hari program kerjaya teknikal kepada belia-belia kita walau pun mungkin sambutannya pada hari ini tidak begitu memberangsangkan mungkin saya lihat antaranya promosi dan sebagainya yang mana kita boleh perbaiki. Ya. Antara usaha-usaha yang kita libatkan belia-belia terutamanya belia *second chance* dengan izin yang kita lihat peluang mereka untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan ini adalah sangat rendah. Saya sendiri bawah *Standco* Belia kita ada buat perjumpaan dengan bahagian unit pembangunan usahawan di PKNS yang mana mereka juga ada program *matching* untuk kerja, ya, yang ini juga saya kira adalah baik yang mana mungkin kita boleh bersama-sama dengan unit pembangunan usahawan ini yang dipanggil *Quo Work* ini untuk kita *matchkan* atau pun kita buka pendaftaran *data base* kepada belia-belia kita yang mempunyai kemampuan daripada pelbagai sudut kerjaya dan kita akan cuba *linkkan* hubungkan dengan peluang-peluang pekerjaan yang sedia ada. Ini antara beberapa perkara yang saya kira kita boleh gunakan di samping itu saya sendiri masih melihat apakah perkara-perkara lain yang kita boleh bantu, ya, belia-belia kita. Tahun lepas saya sudah memulakan dengan program *incubator*, pusat dandan rambut dan kecantikan dan spa dan jahitan di Kuala Selangor. Tumpuannya adalah pelajar-pelajar *INPENS* yang mana perbelanjaan lebih kurang melibatkan peruntukan seratus lima puluh ribu, seratus tiga puluh hingga seratus lima puluh ribu, dan saya dapati ia sebab walau pun ia sebagai *pilot project* sedikit kejayaan yang mungkin boleh membantu dengan harapan kita kalau ini menambahkan kejayaan yang baik pelajar-pelajar daripada *INPENS* selepas mereka menamatkan pelajaran, kita tempatkan di situ untuk kita bantu mereka daripada segi peluang untuk mereka mula berniaga atau pun berusaha mungkin kita akan tambahkan di beberapa kawasan atau pun daerah yang lain kalau ia memberikan manfaat. Yang penting saya melihat dalam program usahawan atau pun ekonomi kerjaya yang kita hendak berikan peluang kepada belia ini adalah daripada segi sudut pemantauan yang paling utama. Sekian, Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker. Melalui ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor katakan Kerajaan Selangor telah mencipta dua ratus ribu peluang pekerjaan. Tapi, apa yang dibangkitkan tadi, ialah terdapat lima puluh dua ribu pemuda yang menganggur. Soalan saya ialah adakah Kerajaan Selangor akan menganjurkan program *mentor mentee* supaya anak-anak muda di Selangor ini yang telah menyertai pelbagai program yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Selangor ini dapat mencari peluang pekerjaan dan dapat mencari rezeki di negeri Selangor. Kita sedia maklum, semalam telah dibangkitkan oleh Menteri Besar ada satu kerjaya teknikal pada mulanya ada bilangan anak muda, bukan bilangan yang tinggi tapi sampai masa sekarang telah dikurangkan. Bolehkah saya tanya, apakah sebab pengurangan penyertaan anak muda Selangor ini dalam program-program kerjaya teknikal yang disediakan oleh Kerajaan Selangor. Setahu saya penduduk di DUN Teratai memang ada anak muda nak ikuti program-program kita kata kerjaya teknikal sebegini. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Teratai. Sebenarnya Program Kerjaya Teknikal ini kita perkenalkan semasa turun padang Kerajaan Negeri di daerah Hulu Langat. Dan kita sedang memaklumkan mungkin daripada segi promosinya tidak sampai ke peringkat yang *grand*. Cuma program ini seperti mana perancangan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri, kita akan teruskan kerana kita hendak melihat berapa bagaimana respons daripada anak-anak muda ini untuk terlibat dalam kerjaya-kerjaya yang melibatkan teknikal ini kerana imbuhanpun cukup besar, cuma mungkin daripada promosi itu kita kena promosikan lagi. Sebab itu saya di bawah *Standco* Belia ini juga saya memaklumkan juga penggerak belia tempatan kalau boleh kita juga mengambil peluang ini mencari anak-anak muda yang tidak mempunyai pekerjaan, yang mempunyai tetapi berminat dalam bidang kerjaya teknikal yang disebutkan itu untuk mereka juga dilibatkan ditemu duga dan akhirnya mempunyai peluang untuk belajar dan mendapat kerjaya yang dimaksudkan itu. Daripada segi Program Mentor Mentee, Program Inkubator yang kita telah mulakan pada tahun itu, pada asasnya adalah Program Mentor Mentee yang ini bagaimana pengajar dari INPENS itu sendiri kita tempatkan untuk mendidik bekas-bekas pelajar ini untuk mereka mahir dalam bidang kerjaya mereka dan akhirnya kalau mereka keluar ini mereka boleh berupaya sebagai usahawan atau mereka berupaya untuk membina kerjaya yang telah mereka dapatkan latihan semasa mereka berkursus di INPENS. Selain daripada itu juga saya melihat beberapa lagi kursus-kursus yang mungkin boleh kita jadikan ini sebagai asas permulaan yang kita harapkan walaupun mungkin keputusannya kita tidak dapat dalam masa yang terdekat tetapi ini adalah beberapa usaha yang kita cuba usahakan pada waktu ini.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya dapati program-program belia ianya fokus pada PBT ataupun GEMS. Bagaimana usaha kerajaan untuk menyemarakkan Pertubuhan Persatuan Belia? Apakah bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada Persatuan Belia seperti 4P, MOIC ataupun pertubuhan agama IKRAM, ABIM, kemudian persatuan kelab belia sukan dan penggerak seni dan sebagainya? Apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada persatuan ini?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Kota Anggerik. Sebenarnya Program Penggerak Belia Tempatan ini, kita wujudkan Jawatankuasa ini adalah untuk menggerakkan belia-belia tempatan itu sama ada sifatnya adalah belia-belia yang suka berpersatuan ataupun NGO ataupun organisasi ataupun belia-belia yang sifatnya bersendirian untuk bersama-sama kita gerakkan dan kita bantu mereka. Tetapi kita tidaklah mempunyai satu dana yang khusus yang kita boleh berikan kepada mereka walaupun kita sudah memikirkan apakah caranya untuk belia-belia ini sebenarnya di samping, saya boleh katakan setiap tahun lebih daripada seratus belia-belia ini yang memohon peruntukan-peruntukan untuk menjayakan program mereka. Saya tidak nafikan. Tetapi saya lihat juga kelibat mereka termasuk belia-belia yang Kota Anggerik sebutkan tadi. Ya, kita ada beri peluang kepada mereka, kita panggil mereka dalam Program Himpunan Belia tetapi responsnya saya kira pada hari ini mungkin atas dasar di belakangnya adalah *political influences* di situ, mereka tidak berani untuk bersama-sama. Tapi saya rasa kita tidak berputus asa, kita masih lagi mencuba untuk bagaimana kita nak melibatkan belia-belia yang berpersatuan di sana untuk bersama-sama. Akhirnya yang kita nak lihat adalah pembangunan belia itu di negeri Selangor. Jadi daripada segi peruntukan dana itu saya masih lagi fikirkan dan kita mungkin dengan adanya peruntukan RM50 juta pembangunan belia dan usahawan itu kita boleh juga mencorak bagaimana yang kita boleh melibatkan mereka ni untuk diberikan dana. Cuma kekhuatiran kita dengan adanya tabung amanah belia sebelum ini 1 juta akhirnya habis begitu sahaja tanpa mempunyai impak ini adalah perkara yang saya kira perlu kita lihat semula. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 111.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: RIZAB SIMPANAN

111. Negeri Selangor mempunyai rizab simpanan yang tinggi mencecah tiga bilion.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Kerajaan terhadap simpanan tersebut dalam konteks “Merakyatkan Ekonomi Selangor”?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir Rahmannir Rahim.* Puan Speaker, Lembah Jaya membangkitkan isu penggunaan rizab simpanan negeri yang mana dia mahu melihat apakah rancangan-rancangan yang telah dibuat untuk menggunakan simpanan tersebut dalam konteks merakyatkan ekonomi Selangor. Seperti yang Dewan sedia maklum, dalam bajet 2014 kita telah mengumumkan penggunaan rizab sejumlah RM430 juta untuk membiayai pembangunan enam inisiatif yang berikut. Seperti juga yang saya nyatakan dalam Dewan, walaupun kita membentangkan jumlah rizab tersebut untuk digunakan adalah tanggungjawab pentadbiran negeri untuk mengemukakan cadangan-cadangan tersebut untuk dibincangkan dan diluluskan di Dewan seperti apa yang dipanggil bajet tambahan. Perkara-perkara yang kita telah persetujuan ialah RM150 juta dalam pembinaan jambatan ketiga Kelang. Dia dalam proses dan Dewan telah mula berbincang tentang penggunaan dana RM150 juta. Kedua RM100 juta bagi pembinaan rumah mampu milik, *is work in progress* maknanya dia sudah mula bergerak. RM50 juta bagi pembinaan bangunan sekolah dalam perbincangan terdapat beberapa cadangan untuk membina Maahad Tahfiz iaitu Sekolah Menengah Agama yang sangat-sangat diperlukan oleh rakyat yang membuat begitu besar permohonannya. Dan RM50 juta bagi pembangunan usahawan dan pemerksaan belia seperti yang telah dibincangkan. Saya nak mengingatkan Yang Berhormat Batang Kali, daripada segi perangkaan iaitu terdapat dua perangkaan, *the peratus unemployment*, peratus pengangguran di Malaysia ialah kurang daripada 4% bererti semua orang sepatutnya dapat kerja, peratus. Jadi kita tengok antara negara yang mempunyai pengangguran yang rendah ialah Malaysia. Jadi itu memang terlihat sebab warga pendatang asing juga mendapati apabila dia datang ke Malaysia dia akan dapat kerja. Jadi ada masalah dari segi apa yang dikatakan penjagaan ataupun penawaran pekerjaan. Boleh jadi antara sebab-sebabnya warga negara sangat memilih kerja. Itu yang perlu saya ingatkan. Itu ada perbincangan lain. RM50 juta bagi pembangunan desa ini alam *progress*. Saya nampak dia lambat sedikit sebab jawapannya ialah pengalaman pembangunan desa ini telah dilakukan oleh Kementerian Luar Bandar dan Pembangunan Luar Bandar. Daripada kajian saya, saya dapati beribu juta telah digunakan tetapi hasilnya sangat-sangat menyedihkan kalau saya nak gunakan perkataan tu, itu sebab saya tunggu sampai kita ada program yang betul. Saya rasa masalahnya bukan tujuan, masalahnya bukan dana tapi masalahnya ialah pengurusan program-program tersebut. Itu yang saya tunggu walaupun RM50 juta ini sangat kecil dibandingkan dengan jumlah peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, sangat besar. Akhir sekali, yang 30 juta bagi memberdayakan wanita yang telah mula dilaksanakan dan setiap ADUN akan

mempunyai pegawai yang mempunyai inisiatif untuk menggerakkan kumpulan wanita di kawasan-kawasan seluruh negeri. Jadi penggunaan rizab ini akan diteruskan walaupun dia dicadangkan dan diingatkan untuk digunakan dengan cekap dan teratur serta memenuhi, mematuhi segala peraturan kewangan. Itu yang telah kita lakukan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan saya ialah apakah Kerajaan berhasrat untuk menggunakan sedikit rizab ini bagi diagihkan kepada Pejabat-pejabat Daerah. Kerana Pejabat Daerah dan juga di setiap daerah sekarang ini kita hadapi masalah air dan jadi mungkin Pejabat Daerah menggunakan sedikit peruntukan ini peruntukan khas untuk membeli tong-tong air yang telah pun meningkat harganya. Jadi, ini mungkin boleh membantu dalam tempoh segera kerana rakyat bertanya rizab banyak tong air pun tak boleh *supply* ke? Ah ini contoh, jadi mohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Seri Muda dan Puan Speaker. Ada cadangan dan yang kita sudah mula buat kemaskini ialah penggunaan dan di Pejabat Daerah terdapat satu unit iaitu di bawah Penolong Pegawai Daerah Pembangunan. Dulunya Penolong Pegawai Daerah Pembangunan itu mendapat saluran dana dari Kerajaan Persekutuan di bawah kawalan ICU, ataupun *Implementation Coordination Unit*, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun apabila Pakatan Rakyat menang di Selangor, terdapat unit baru ditubuhkan di Selangor, terus di bawah unit penyelarasan dan pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri dan pejabat baru dibuat dan tidak membiarkan saja DO ataupun ADO pembangunan tidak kena mengena dalam tugas tersebut. Saya, walaupun saya telah mengadakan perbincangan dengan Menteri di Unit Perancang Ekonomi Negara, walau bagaimanapun nampak dia tidak rasa selesa dengan perbincangan saya sebab saya kata dari segi pengurusan, ini rugi sebab kita ada dua pejabat untuk tugas yang sama. Jadi kenapa kita tidak salurkan saja dengan cara yang kita telah buat dahulu walaupun Parti yang memerintah berbeza tetapi Pegawai Daerah, Timbalan Pegawai Daerah adalah orang yang serupa. Walau bagaimanapun perkara itu tidak diterima dan saya akan memperuntukkan dana-dana yang kita ada ini kepada Pejabat-pejabat Daerah untuk kita laksanakan dan jika didapati perlu dan sesuai ADO akan membuat beberapa keputusan dari segi menolong kebajikan rakyat terutama rakyat di luar bandar.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Terima kasih Tuan Speaker. Dalam keadaan ekonomi yang gawat pada hari ini. Apabila kita sebut merakyatkan ekonomi Selangor ini, rakyat Selangor ni suka macam pemberian air percuma, '*Jom Shopping*' yang terus sampai kepada rakyat. Jadi adakah kerajaan ingin meneruskan program '*Jom Shopping*' ini, saya rasa semua ADN-ADN yang di sini bersetuju untuk kita teruskan '*Jom Shopping*' itu.

Y.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Lembah Jaya bertanyakan adakah Program '*Jom Shopping*' akan terus dilaksanakan. Jawapannya ya, untuk ada beberapa isu. Dan saya juga ada beberapa nak ingatkan bahawa kita juga kena iklankan '*Jom Shopping*' ini bukan hasil daripada negeri tapi hasil daripada keuntungan pasir pun kita akan gunakan untuk '*Jom Shopping*'. Tapi kita mesti tunjukkan duit hasil itu sampai kepada rakyat. Jadi saya ingin membuat program supaya ianya satu, dikenali oleh rakyat. Kedua, penglibatan ADN-ADN bersama dengan warga rakyat itu bersama-sama di dalam *shopping*. Kalau tidak kita rasa tak ada mesra. Walaupun seratus ringgit sangat kecil jika dibandingkan dengan BR1M tapi kalau kita ada kemesraan barulah mereka rasa bahawa hasil negeri untuk rakyat itu dapat diterjemahkan.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya kepada YAB Dato' Menteri Besar, adakah pengagihan *reserve* kerajaan berjumlah RM430 juta ini tidak melibatkan bidang pertanian? Selaras dengan hasrat kerajaan Merakyatkan Ekonomi Selangor dan meningkatkan kualiti hidup rakyat desa atau luar bandar. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ok, terima kasih. Saya rasa, jawapannya ialah pembangunan desa itu ialah termasuk dalam pertanian sebab kita tidak hendak mengatakan pertanian, satu, daripada satu faktor yang boleh jadi saya daripada pandangan yang agak terlalu tertumpu pada apa yang dipanggil *macro economics*. Jadi *macro economics* itu maknanya, saya nak ingatkan penglibatan pertanian dalam ekonomi negeri Selangor tak sampai 2% jadi apabila saya membuat perancangan dia tak ada, jadi tak ada kesan kepada kalau kita masuk dalam ekonomi yang 20% jadi kalau ikut daripada segi strategi itu yang berlaku. Jadi, bila saya tengok itu, jadi sekarang saya ingin membawa rakan-rakan untuk kita mesti kembali balik untuk meningkatkan penglibatan pertanian dalam negeri Selangor daripada 1 atau 2% kepada 5 ke 6% dengan usaha meningkatkan pendapatan masyarakat yang menjalankan sektor pertanian. Saya telah meminta beberapa rakan-rakan yang akan diadakan satu *workshop* di mana kita telah membuat kajian bagaimana negeri Jepun, Taiwan dan Korea yang telah membangunkan semula industri pertanian, yang mana petani-petani mempunyai pendapatan yang sama

baiknya dengan pendapatan-pendapatan mereka yang di bandar. Bererti, satu keluarga petani akan mendapat RM5000 pendapatan sebulan, sekurang-kurangnya untuk bersaing dalam ekonomi pembangunan di negeri Selangor. Dan ada negara contoh yang boleh kita gunakan iaitu Holland dan Denmark yang mana penglibatan pertanian mereka melebihi 20% dalam ekonomi industri yang sangat besar. Jadi, oleh sebab itu lah apabila saya buat cadangan pembangunan desa itu, saya tidak gunakan perkataan pertanian sebab saya takut pertanian ini daripada segi *micro economics analysis*, ia terlalu kecil itu sebab kita tidak memandang, kita asyik konsep menanam sahaja tak boleh. Kita tidak ada konsep menanam. Kita mesti keseluruhan konsep ialah konsep mendatangkan hasil.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 112.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPAA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK: WIFI UNTUK RAKYAT

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan negeri menyediakan kemudahan WIFI percuma untuk rakyat?
- b) Nyatakan lokasi dan kawasan liputan untuk kemudahan WIFI tersebut?
- c) Berapakah kos untuk menyediakan kemudahan tersebut setahun?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Tuan Speaker, Kota Damansara bertanya tentang WIFI untuk rakyat. Pada tahun 2013, dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku, Kerajaan Negeri Selangor telah menambah lokasi perkhidmatan WIFI untuk rakyat negeri Selangor sebanyak 112 lokasi di seluruh Negeri Selangor dan penambahan lokasi ini meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

- a) Setiap DUN diperuntukkan sebanyak 2 lokasi dan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan yang terpilih ini, setiap DUN telah diminta untuk mengemukakan cadangan kepada *Standco* Sains, Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan ini.

- b) Lokasi dan kawasan liputan kemudahan WIFI yang telah dicadangkan di setiap DUN dan telah dilaksanakan berdasarkan kepada kemudahan infrastruktur adalah seperti yang disenaraikan. Mungkin saya tidak dapat membacakan keseluruhan 112 lokasi tetapi saya telah menyediakan satu poster, alamat dan juga lokasi *hotspot* di setiap Dun dan saya akan beri kepada YB-YB yang berminat yang ingin mendapatkan poster ini untuk ditampalkan di kawasan ataupun di tempat *hotspot* WIFI Selangorku ini.

Seterusnya kos bagi menyediakan kemudahan WIFI Selangorku ini adalah sebanyak RM2,747,959.86 yang melibatkan sewaan kemudahan Internet dan juga penyelenggaraan selama 2 tahun di 112 lokasi di seluruh negeri Selangor. Peruntukan ini dibiayai sepenuhnya oleh Perbadanan Menteri Besar (MBI) menerusi Geran Selangorku.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalan tambahan Tuan Speaker.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Soalan.

TUAN SPEAKER: Saya bagi Kota Damansara dulu.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ok, terima kasih kepada kerajaan yang telah menyediakan kemudahan WIFI percuma ini termasuklah di 112 kawasan dan juga 2 kawasan di DUN Kota Damansara iaitu Dewan MBSA, Jalan Nova U5/45 dan juga Surau Darul Hidayah iaitu di Taman Putera Damai. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan menjalankan pemantauan keberkesanan tentang pelaksanaan dan kemudahan WIFI percuma ini untuk diguna oleh rakyat sepenuhnya? Sebab setahu saya, ia, adakah kemudahan ini hanya secara bermusim sebab dalam pengetahuan saya, tahun lepas tahun 2013 wujud tapi tahun 2014 sudah tidak wujud lagi. Adakah pelaksanaannya hanya setakat seperti melepaskan batuk di tangga dan macam seolah-olah biskut *Chipsmore*, sekejap ada sekejap tak ada. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kota Damansara. Tentang pemantauan terhadap WIFI Selangorku ini, memang ada dilakukan pemantauan oleh pihak syarikat dan juga *direct link* dengan pihak jabatan ICT di SUK dan pelaksanaan ini adalah berterusan. Seterusnya tentang adakah ia, mendapat, macam mana soalan tadi?

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Adakah pelaksanaannya bermusim? Tahun lepas ada, tahun ini tak ada..seperti biskut *Chipsmore* lah sekejap ada sekejap tak ada.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih. Ok, terima kasih kepada Kota Damansara. Pelaksanaan ini adalah sentiasa dipantau berterusan dan kita juga telah memanggil kepada ADN-ADN pada 20hb Januari yang lepas yang mana kita meminta kepada pihak Adun ataupun pejabat pusat khidmat untuk mengenal pasti yang mana, di mana *hotspot-hotspot* ini tidak berfungsi, kita minta untuk mereka ADN-ADN atau pihak pusat khidmat memberi lokasi baru untuk kita melaksanakan ataupun meletakkan *hotspot* ini di tempat yang lebih bersesuaian dan lebih bermanfaat kepada rakyat.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Soalan tambahan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO, yang pertama, berapa lama masa yang perlu untuk memasang satu unit WIFI? Soalan kedua, kenapa Paya Jaras ini masih belum di *relocate*, dengan izin, kedudukan WIFI? Ya? Apa dia? *Relocate*, kedudukan WIFI tu, *relocation*. Sebab dulu, sewaktu Paya Jaras belum berada dalam Adun, kedudukan WIFI itu ditentukan oleh Adun UMNO pada waktu itu. Kita dah sebut, saya rasa ini dah berapa banyak kali kita sebut, dan saya sebut sekali lagi, bilakah kedudukan WIFI itu akan di *relocate* balik mengikut apa yang Paya Jaras tentukan?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Paya Jaras. Tentang lokasi baru untuk *hotspot-hotspot* ini, setelah saya membuatkan perjumpaan dengan ADN-ADN dan pusat khidmat, pada 20 Januari yang lepas, saya memohon untuk diberikan senarai yang baru. Dan sehingga kini saya hanya menerima 16 *feedback* ataupun apa..permintaan, terdapat 16 daripada ADN-ADN dan kita sedang menunggu daripada ADN-ADN yang lain sekiranya, sehingga hujung April ini tiada lagi permohonan ataupun permintaan, kita akan melaksanakan relokasi tempat baru untuk WIFI ini.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rawang ingin bertanya untuk perjanjian 2 tahun itu, bermula dari bila? Dan adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambahkan lagi *hotspot* dan juga perluaskan kadar pencapaian ataupun *radius* untuk WIFI itu?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Rawang. Perjanjian selama 2 tahun adalah bermula pada 2013 sehingga 2015 dan seluruh 112 *hotspot*

ini telah pun dipasang keseluruhan sehingga pada September 2013. Seterusnya, untuk pemasangan *hotspot* yang baru daripada di DUN-DUN yang lain, ia adalah untuk fasa kedua yang mana untuk fasa kedua ini kita mungkin membenarkan untuk ADN-ADN memohon ataupun mendapatkan *hotspot-hotspot* tambahan tetapi kerajaan negeri hanya akan memberikan kos pemasangan sementara kos sewaan adalah oleh pihak DUN tersebut menggunakan peruntukan Dun tersebut. Sementara keluasan ataupun *coverage* yang ada sekarang setiap WIFI adalah seluas 200 meter dan bilangan *user* yang boleh masuk pada satu-satu masa adalah seramai 20 orang.

TUAN SPEAKER: Soalan 113 telah dijawab bersekali dengan soalan 58, Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan 114.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPAA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: PILIHAN RAYA KERAJAAN TEMPATAN

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan penyediaan untuk pilihan raya kerajaan tempatan untuk Majlis Bandar raya Petaling Jaya?
- b) Adakah pilihan raya kerajaan tempatan yang dicadangkan akan melibatkan kerusi Datuk Bandar?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, berkenaan dengan pilihan raya Kerajaan Tempatan, sebenarnya kerajaan negeri telah pun lama membuat persiapan dan lokasi yang akan diadakan pemilihan pilihan raya Kerajaan Tempatan belum ditentukan sama ada Petaling Jaya, ataupun Shah Alam ataupun Majlis Perbandaran lain tetapi yang sebenarnya rang undang-undang tersebut telah pun siap pada 2 tahun yang dulu dan pernah digazetkan untuk dibentangkan di dewan ini tapi ia ditarik balik atas permintaan parti dalam Pakatan Rakyat. Dan, perkara ini telah saya urus sendiri di mana telah pun 2 kali saya bantangkan rang undang-undang ini untuk mendapatkan persetujuan daripada parti dalam Pakatan Rakyat tapi sehingga ini saya belum mendapat lampu hijau untuk membentangkannya di Dewan Negeri ini. Dan sekiranya tanpa lampu hijau tersebut maka sudah tentu ia tidak dapat, tidak akan mendapat sokongan daripada ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, termasuk Bukit Gasing. Jadi, saya menyeru lah ahli-ahli yang Berhormat sekalian sekiranya masih berminat dengan perkara ini tolong desak dalam parti supaya memberi lampu hijau supaya saya dapat meneruskan tanggungjawab saya

ini. Sementara itu, dalam perancangan ini, pemilihan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan ini hanya melibatkan ahli-ahli Majlis sahaja dan belum ada rancangan untuk melibatkan Datuk Bandar ataupun Yang Dipertua. Itu kita melihat sebagai langkah mungkin kedua selepas kita berjaya melaksanakan pemilihan ahli-ahli Majlis di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

Soalan tambahan Speaker.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok. Selain daripada tiada persetujuan daripada parti, saya nak bertanya adakah halangan-halangan lain dari segi akta-akta Kerajaan Tempatan yang tidak membolehkan pilihan raya di peringkat Kerajaan Tempatan ini diadakan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang pertamanya, bukan tiada persetujuan. Belum dapat persetujuan, bukan tiada persetujuan, belum sahaja. Dalam proses. Yang keduanya, berkenaan dengan kekangan yang mungkin dihadapi dalam menggubalkan rang undang-undang untuk pemilihan kerajaan tempatan ini. Sebenarnya perkara ini telah pun disediakan sendiri oleh Kamar Penasihat Undang-undang yang telah pun juga mendapat runding nasihat daripada Kamar Peguam Negara, jadi dalam keadaan itu, pihak kerajaan negeri percaya penuh bahawa sudah tentu, perkara ataupun kekangan yang wujud dalam Perlembagaan Persekutuan telah pun diselesaikan. Oleh itu Rang Undang-Undang akan dibentangkan oleh Kerajaan Negeri untuk pemilihan Pihak Berkuasa Tempatan ini adalah sejajar dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan juga Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor. Tidak ada percanggahan yang dijangkakan akan berlaku.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI: Terima kasih Tuan Speaker soalan 115.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK: PUSAT DIALISIS RAKYAT

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyakkah Pusat Dialisis Rakyat yang telah beroperasi sepenuhnya?

- b) Berapa ramaikah pesakit yang telah didaftarkan melalui program ini? Sila pecahkan mengikut DUN.
- c) Berapa banyak lagikah Pusat Dialisis yang masih belum beroperasi dan apakah masalah yang menyebabkan ianya masih tertangguh?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Tuan Speaker, Sri Muda bertanya tentang Pusat Dialisis Rakyat. Pusat Dialisis Rakyat telah diwujudkan pada 2008 bagi membantu mengurangkan beban pesakit buah pinggang seisi rumah. Sebanyak 4 buah Pusat Dialisis Rakyat yang telah beroperasi sepenuhnya iaitu Pusat Dialisis Rakyat Ampang, Pusat Dialisis Rakyat Taman Medan, Pusat Dialisis Rakyat Lembah Keramat serta Pusat Dialisis Rakyat Sementa. Dan Pusat Dialisis Rakyat untuk Sri Muda akan beroperasi pada Jun 2014. Jumlah pesakit yang telah dapat melalui program ini adalah sebanyak 112 orang dan jumlah pecahan Pusat Dialisis Rakyat ini mengikut pesakit dan mesin dialisis Ampang kita ada 12 mesin dialisis serta 37 pesakit, Taman Medan 8 mesin serta 18 pesakit, Sementa 8 mesin dialisis serta 29 pesakit, Lembah Keramat 8 mesin dialisis serta 28 pesakit. Jumlah keseluruhan mesin yang kita ada adalah 36 serta 112 pesakit. Untuk Pusat Dialisis yang masih beroperasi masih belum beroperasi sepenuhnya ialah Pusat Dialisis Rakyat Sri Muda ingin saya maklumkan di Dewan Yang Mulia Ini bahawa Pusat Dialisis Rakyat Sri Muda kini berada di peringkat akhir persiapan untuk ia beroperasi sepenuhnya pada Jun 2014. Dan Pusat Dialisis ini boleh menempatkan sejumlah 14 buah Mesin Dialisis dan boleh menampung sehingga 56 orang pesakit buah pinggang kelak.

Tuan Speaker, antara kekangan yang dihadapi yang menjadi penangguhan sesebuah Pusat Dialisis Rakyat ditubuhkan adalah faktor perolehan Lesen dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain daripada aspek-aspek teknikal yang perlu dipatuhi untuk mengikut standard piawaian yang telah ditetapkan. Antara standard piawaian yang perlu dipatuhi adalah:

- 1) Infrastruktur dan Pelan Bangunan PDR perlu mengikut keperluan standard Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 2) Mesin Hemodialisis di pusat rakyat perlu mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 3) Kakitangan dan staf *nurse* perlu mendapat latihan kejuruteraan dan berkembang dalam bidang dialisis.
- 4) Doktor yang bertugas perlu mempunyai pengalaman dan latihan di dalam bidang Dialisis.

- 5) Meletakkan seorang Pakar buah pinggang atau *Leflogist* yang akan melawat Pusat Dialisis Rakyat ini secara berkala bagi merawat pesakit.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima Tuan Speaker, soalan saya 116.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: DASAR-DASAR KERAJAAN

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar-dasar baru yang dibentuk dan dilaksanakan oleh Kerajaan Selangor selepas 2008?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahi Rahmanir Rahim*, Tuan Speaker Taman Medan ingin Kerajaan membentangkan dasar-dasar Kerajaan yang dibentuk selepas 2008. Saya membagikan ianya kepada 4 Dasar Utama, iaitu:-

Memperkukuhkan Ekonomi Rakyat

- 1) Melindungi hak rakyat Selangor untuk mendapatkan air bersih pada harga yang berpatutan menerusi penstrukturan semula industri air.
- 2) Dasar perumahan – tempat kedai akan iaitu berkonsepkan kediaman untuk semua dengan pembinaan rumah mampu milik yang bermutu serta menguruskan projek-projek perumahan lain yang mengutamakan tahap kemampuan rakyat-rakyat untuk membeli.
- 3) Dasar Keusahawanan dan Inovasi bagi memberikan peluang kepada rakyat menambahbaikkan taraf kehidupan melalui penubuhan dana khas serta penyediaan kemudahan latihan dan pendidikan keusahawanan dan kemahiran yang kondusif.
- 4) Penyediaan kemudahan pengangkutan awam yang percuma dan juga yang murah serta mesra pengguna dan pembinaan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu.

Dari Ekonomi Rakyat kita bergerak ke berkesejahteraan rakyat di mana Dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor yang melaksanakan program-program kepada

golongan rakyat Selangor yang memerlukan bantuan meliputi dari bayi dan warga emas, anak pekerja ladang, golongan kurang upaya, mangsa, rumah tangga dan gender iaitu berdayakan wanita. Persaudaraan kemudian perkara yang ketiga yang ingin kita tumpukan ialah persaudaraan rakyat melalui aktiviti-aktiviti kebudayaan dan keagamaan. Penyediaan peruntukan dana negeri bagi melaksanakan aktiviti kebudayaan dan keagamaan semua kaum dan khususnya program-program silaturahim dalam keluarga dan komuniti. Pelaksanaan ini telah memberikan kesan positif dalam hal meningkatkan kesedaran beragama kepada individu dan dalam setiap kaum di samping meningkatkan kefahaman mereka terhadap agama-agama kaum lain. Kerajaan akan terus memberi bantuan dana bagi menjayakan program-program dalam bidang agama, pendidikan, pembangunan keluarga dan pembangunan kebudayaan. Keempat ialah Peranan Kerajaan, iaitu peranan dasar ketelusan Kerajaan negeri melalui pengisytiharan harta oleh Menteri Besar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, pembentukan Jawatankuasa Khas bagi Kecekapan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) serta kelulusan pindaan. Kebebasan maklumat yang membolehkan orang ramai mencapai maklumat berkaitan Kerajaan Negeri.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang meletakkan rakyat sebagai teras utama dalam Dasar-dasarnya. Hanya saya khuatir pertama sekali bagaimana Kerajaan mempertahankan hak rakyat mendapat air pada kadar yang wajar bila terbinanya Langat 2. Itu yang pertama, yang keduanya bagaimana Kerajaan boleh memberi pemilikan rumah kepada setiap warga negeri Selangor yang memerlukan? Kalau sekiranya 15,000 lebih sahaja unit rumah mampu milik yang akan dibina sehingga 2021 dan yang ketiganya bagaimana memastikan integriti kalangan penjawat-penjawat awam. Kalau kita mengatakan Kerajaan ini menyokong ya Integriti, Akauntabiliti atau pun pertanggungjawaban dan juga telus, *transparency* terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Taman Medan memberikan soalan yang sangat memerlukan masa yang panjang untuk dijawab, jadi kalau saya nak terangkan memang agak lama sebab itu falsafah cara pentadbiran negeri. Tapi untuk menjawab soalan pertama mengenai isu air selepas penyusunan semula dan sekarang tak masih dalam rundingan jadi kita akan membentangkan apa yang kita persetujui kesan Langat 2, kesan harga-harga akan dibentangkan untuk diterangkan mengapa kes yang ini akan memberi kebaikan kepada rakyat. Kita tidak akan perkara ini sudah dibentangkan dalam Dewan sebab Ahli-Ahli Dewan ingin ketelusan dan juga kefahaman tentang cara-cara penyelesaian perkara penyusunan industri air. Insyallah daripada masa terdekat kita boleh lakukan dan jika perlu,

jika perlu kita boleh mengadakan satu sidang khas hanya untuk menerangkan apa keputusan yang telah kita lalukan atau pun mendapat pandangan dari Dewan Negeri. Kedua dari segi rumah atau pun pemilikan harta. Itu sebab kenyataan kita sangat berlapik bukan bererti pemilikan dasar perumahan atau pun tempat kediaman. Jadi kita tidak anggap semua rakyat akan memiliki tempat kediaman mereka. Jadi itu kita walau pun kita berharap sekurang-kurangnya 80% daripada rakyat memiliki tempat kediaman mereka dan 20% dalam bentuk sewa atau pun dalam apa yang boleh kita lakukan kerana dari segi kita seperti dan jumlah yang YB Taman Medan nyatakan sebab takut tak cukup rumah mampu milik. Sekarang *targetnya* makin meningkat jadi saya akan sebutkan 15 juta akan dibuat oleh PKNS dan PNSB 15,000 dan 30,000 yang dibuat melalui projek-projek swasta antaranya Kuasa Land dan Sime Darby. Itu pun tidak cukup sia-sia tidak menyatakan tapi Kerajaan perlu memikirkan tentang beberapa usaha yang pernah dilakukan dalam negeri-negeri maju yang mana tidak mestinya rakyat akan memiliki kediaman tetapi hanya boleh menyewa untuk melakukan untuk hidup seterusnya. Antara negeri yang melaksanakan program ini yang boleh kita belajar ialah telah tentulah United Kingdom dan juga Germany. Dan ini memerlukan dana yang sangat besar. Dan Dasar-dasar lain akan kita teruskan dan akan kita bincangkan dari masa ke semasa. Saya nak perlu ingatkan kumpulan dana kita ialah terhad dan jadi kalau kita gunakan semua dana-dana ini untuk Kebajikan pun kita tak cukup. Jadi tak cukup jadi walaupun kita merasa jumlah rizab kita tinggi tapi tak cukup, tak cukup saya nak ingatkan jadi sebagai contoh saya nak ingatkan sebab tak cukup. Kerajaan Persekutuan memberi BRIM, BRIM dia ialah lebih daripada RM5 billion jadi bukan maknanya kalau kita bagi pula serupa macam Kerajaan Persekutuan walaupun otak kita mesti disemak. Maknanya tidak tak guna, tidak akan mengguna jadi oleh sebab itulah kita perlu membuat dengan penuh tanggungjawab dan teratur dan saya rasa itu tujuan Dasar Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker soalan 117.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: SKIM TABUNG WAWASAN ANAK SELANGOR (TAWAS)

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah yang mendaftar dengan Skim TAWAS pada tahun 2014?
- b) Berapakah pula yang telah menerima kad keahlian TAWAS?

c) Apakah program sampingan yang ditawarkan kepada ahli TAWAS?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT. ISMAIL: Terima kasih Taman Templer. Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahir rahmanir rahim*. Soalan yang ditanyakan ialah berkaitan dengan Tabung Warisan Anak Selangor jumlah yang berdaftar dalam Skim TAWAS pada 2014 sahaja adalah seramai 6,144 orang iaitu sebahagian daripada jumlah keseluruhan daripada mula iaitu 150,580 orang telah pun mendaftar di dalam skim ini. Dan berapa ramai yang telah menerima kad-kad keahlian TAWAS untuk tahun ini daripada 6,440 orang yang mendaftar. Mereka yang telah menerima adalah seramai 4,106 orang. Dan apakah program sampingan yang ditawarkan kepada ahli TAWAS di antara program-program sampingan selain daripada Tabung Warisan yang mana mereka akan mendapat manfaat setelah berumur 18 tahun iaitu sebanyak RM1,500. Kerajaan juga telah pun bersetuju untuk mendapat manfaat sampingan iaitu, pertama manfaat khairat kematian iaitu yang saya sebutkan tadi. Keduanya hadiah daripada Kerajaan Negeri mengikut tahun kelahiran contohnya tahun lepas Kerajaan Selangor telah pun mengumumkan bahawa mereka yang lahir pada tahun 2008 boleh memiliki atau setiap kali ulang tahun mereka. Mereka mendapat RM100 baucar Jom *Shopping*. Yang ketiganya program majlis hari jadi ahli TAWAS yang sentiasa dibuat sebanyak dibuat bersama-sama dengan pemimpin kawasan iaitu mereka menyambut hari lahir bersama-sama dengan pemimpin. Dan yang terkini yang saya ingin mengumumkan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu Y.A.B. Menteri Besar telah mengumumkan pada 9.3.2014 baru-baru ini bahawa anak-anak TAWAS yang kelahiran 2009 akan mendapat dividen sebanyak 30% iaitu lebih kurang RM30 untuk anak-anak ini yang dimasukkan ke dalam tabung caruman itu nanti. Jadi itu jawapan daripada saya. Sekian.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Berkenaan dengan simpanan TAWAS ini adakah khususnya bagi yang Islam Muslim dipastikan syariah *compliance* (dengan izin).

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT. ISMAIL: Pada asalnya program ini ingin pelaburannya atau simpanannya dilaksanakan untuk disimpan di dalam Am Bank dalam bentuk syariah. Tetapi ada beberapa perkara yang berlaku di mana kecekapan bank itu menyebabkan banyak kes-kes yang tertangguh mereka tidak dapat dilaburkan. Jadi pada 26.11.2013 Lembaga Pengarah Yayasan Warisan Anak-anak Selangor telah pun bersetuju untuk program pengendalian caruman pelaburan ini dibuat secara langsung oleh Kerajaan Selangor. Jadi sekarang ini Kerajaan Selangor tidak lagi melabur duit ini di dalam Bank tetapi ia terus kepada dana Kerajaan Negeri Selangor. Jadi ini tidak ada isu sama ada *compliance* atau tidak *insya-Allah* di mana jawapan daripada Y.A.B. Menteri Besar memang program-

program ke banyak daripada kita memang pasti ia menepati syariah oleh Islam dan yang terbaik untuk semua masyarakat. Terima kasih.

Y.B. PUAN LEE KEE HONG: Soalan tambahan Tuan Speaker.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih. Rumah kayu rumah papan. Soalan no.118. Jawab pantun Tuan EXCO.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK: PELANCONGAN *HOMESTAY*

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri ke arah memajukan Industri *Homestay* di Selangor.
- b) Nyatakan kawasan yang terlibat dalam industri *Homestay* kelolaan kerajaan di Negeri Selangor.
- c) Berapakah jumlah peruntukan dan apakah skim yang kerajaan negeri beri dan tawarkan untuk membangunkan industri *Homestay*.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PENG: Terima kasih Tuan Speaker dan juga Dengkil. Di Negeri Selangor terdapat 15 buah rumah *Homestay* yang berlesen dan sentiasa menjadi keutamaan kepada Tourism Selangor dalam aktiviti promosi di dalam dan di luar negara serta menjadikannya antara pakej utama di kunjungan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri sejak 2008 telah memperuntukkan sejumlah RM1.532,000.00 bagi menaik taraf *Homestay-homestay* di Negeri Selangor. Dan pertumbuhan dan perkembangan industri *Homestay* ini sebenarnya adalah di bawah kawal selia oleh pihak Kementerian Pelancongan Malaysia. Kementerian Pelancongan Malaysia yang mengeluarkan lesen serta garis panduan dan kriteria yang perlu dipatuhi oleh para pengusaha *Homestay*. Berikut adalah antara senarai *Homestay* tersebut di Daerah Kuala Langat *Homestay* Kg. Sg. Lang Tengah, Kg. Indah, Kg. Batu Laut, Kanchong Darat, Kg. Kundang. Di Daerah Sepang *Homestay* Banghuris. Di Gombak *Homestay* Bougainvilla, Sg. Kertas. Di Hulu Selangor *Homestay* Sg. Tinggi. Di Kuala Selangor *Homestay* Sg. Sirih dan di Daerah Sabak Bernam *Homestay* Batu 23 Sg. Nibong, Sg. Hj. Dorani, *Homestay* Sepintas, *Homestay* Air Manis, Papisuilam dan *Homestay* Seri Kayangan. Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Negeri Selangor memainkan peranan untuk mempromosikan dan memastikan produk-produk pelancongan seperti *Homestay* dipromosikan secara meluas di luar negara dan juga dalam negara ini. Dan kita menggunakan saluran media kita ada sesi lawatan media dan khas untuk agensi-agensi pelancongan dan sebagainya. Dan untuk 2010 sehingga 2013 ada aktiviti

promosi yang khas yang dipanggil Skop Kembara Selangor Shine yang menjelajah ke sekolah-sekolah ke IPTS di beberapa negeri di seluruh Malaysia dan kita membuat penerangan dan juga mempromosikan *Homestay* tersebut. Selain daripada itu ada cetakan risalah *Homestay* dalam beberapa bahasa seperti Bahasa Melayu, Mandarin, Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Jepun. Tourism Selangor juga membawa beberapa acara yang diadakan di *Homestay- Homestay* menjadi lokasi utama supaya mendapat memperkenalkan *Homestay* secara langsung dan juga yang lebih tepat kepada orang ramai dan Tourism Selangor juga menyediakan pakej-pakej *Homestay* yang menarik dan turut menggabungkan aktiviti-aktiviti *Homestay* sebagai pakej yang dipromosikan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN SHAFIE BIN NGAH: Tuan Speaker catuan air bukan sahaja di Selangor juga di catu di Melaka dan Negeri Sembilan. Tuan Speaker soalan saya 119.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(BANGI)**

TAJUK: MASALAH GAGAK

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan yang berkesan bagi mengatasi masalah gagak yang banyak terutama di kawasan bandar seperti Kelang dan Bangi?
- b) Apakah ada apa-apa insentif diberikan kepada kumpulan atau persatuan tertentu yang melibatkan diri dalam program kawalan atau penghapusan gagak tersebut?

TUAN SPEAKER: Tidak ada pantun lagi ya. Saya pun keliru. Terus kepada soalan.

Y.B. DATO' TENG CHENG KHIM: Tuan Speaker Kerajaan Negeri melalui Pihak Kuasa Tempatan telah berusaha bagi mengatasi masalah gagak yang banyak dengan cara menghad program operasi menembak burung gagak sebagai program tahunan. Program tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan sejak tahun 2000 hingga sekarang. Mulai tahun 2010 pihak PBT telah mula menggunakan perangkap gagak sebagai penambahan kaedah bagi mengatasi masalah gagak. Antara kaedah lain yang sedang giat dijalankan di seluruh PBT termasuk kawasan Klang dan Bangi ialah pembersihan tapak pasar malam awam dan kutipan sampah. Pihak komuniti di pasar malam juga memainkan peranan penting dalam memastikan kebersihan tapak pasar selepas operasi. Selaras dengan program Zon Bersih yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini ia telah banyak memberi kesan

positif dalam menangani masalah kehadiran gagak. Umum sedia maklum bahawa kehadiran kumpulan gagak adalah disebabkan oleh adanya kawasan longgokan sampah terbiar. Dengan ini masalah gagak yang banyak dapat diatasi sekiranya kaedah yang digunakan dapat dilakukan secara berterusan. Pihak Kuasa Tempatan menyediakan insentif bagi program operasi menembak gagak di mana penembak profesional yang lulusan tapisan pihak Polis dilibatkan dalam program tersebut. Setiap seekor gagak yang ditembak dibayar sebanyak RM3.00 hingga RM5.00 secara tunai. Dengan adanya insentif ini ia dapat memberi galakan kepada masyarakat untuk melibatkan diri dalam membanteras masalah kehadiran gagak yang banyak.

Y.B. TUAN SHAFIE BIN NGAH: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ialah mengenai idea mengenai pemandulan bagi anak-anak gagak yang dikatakan juga berkesan dan saya tidak tahu proses macam mana tapi saya difahamkan dihantar kepada saya proses pemandulan ini adakah dalam perhatian Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Di peringkat negeri belum ada dasar seperti itulah tapi di Pihak Kuasa Tempatan mereka sentiasa mencari jalan bagaimana cara yang terbaik untuk mengawal pembiakan sama ada gagak, kucing, anjing dan sebagainya. Memang sentiasa diusahakan kerana inilah aduan yang banyak dapat diperoleh di peringkat PBT ini. Jadi mungkin cadangan daripada Yang Berhormat itu akan diambil oleh pihak Kuasa Tempatan sama ada ia boleh dilaksanakan berkesan atau pun tidak.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN LIAS: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sg. Burung.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Sebenarnya merebaknya membiak gagak ini bergantung kepada sumber puncanya. Salah satu sumber puncanya ialah longgokan-longgokan sampah yang begitu banyak. Dan ke banyaknya yang saya perhatikan longgokan sampah tidak diuruskan dengan baik

TUAN SPEAKER: Soalannya Sg. Burung.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN LIAS: Di pasar-pasar basah. Jadi pasar basah yang menjadi punca pembiakan gagak yang begitu banyak. Jadi apakah dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan supaya kualiti tempat untuk

longgokan sampah ini dapat memastikan supaya menjadi jangan menjadi punca kepada pembiakan gagak sebab saya perhatikan ini di mana-mana di kawasan sampah basah ini memang terlalu kotor dan berbau buruk dan memang banyak burung-burung gagak di situ.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Untuk jangka masa pendek memang telah pun diarahkan supaya semua PBT mengambil tindakan yang segera untuk mengatasi masalah kekotoran di kawasan-kawasan seperti itu. Sementara itu dalam seperti yang saya sebut dalam pelan tindakan 5 tahun semalam iaitu antara lainnya kita mengarahkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan menaik taraf sekurang-kurangnya satu pasar awam dalam setiap tahun. Jadi kita ada 12 PBT bererti setiap tahun kita ada 12 pasar awam yang kita menaik tarafkannya. Dan keduanya adalah jangka masa panjang di mana seperti yang saya sebutkan juga semasa penggulungan tempoh hari di mana kita mencadangkan satu pelan induk 5 tahun berkenaan dengan pengurusan sistem pepejal yang merangkumi dari peringkat pungutan sampah di rumah sehinggalah pelupusan ditapak pelupusan utama jadi itu langkah yang lebih menyeluruh satu langkah untuk 50 tahun untuk mempertingkatkan pelupusan sampah dan sistem pepejal serta secara umumnya kebersihan di Selangor ini. Jadi itu sudah tentu melibatkan banyak perbincangan akan datang termasuk sama ada kita hendak meneruskan lagi di mana *linefull* juga sebenarnya boleh mendatangkan masalah seperti ini. Jadi itu antara yang akan dibincangkan oleh semua pihak pada jangka masa akan datang apabila laporan daripada runding nasihat yang kita lantik itu tersebut. Terima kasih.
Tambahan.

TUAN SPEAKER: Sg. Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMARUL ZAKI BIN ABDUL MALEK: Terima kasih Tuan Speaker. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai program atau rancang khas untuk memusnahkan, memindahkan, memandulkan sebab tadi sudah sebut memandulkan monyet-monyet yang mengganggu ketenteraman awam PBT

TUAN SPEAKER: Sg. Air Tawar. Soalan mengenai gagak tidak boleh tanya pasal monyet. Baik Kuala Kubu Bharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 120.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: LAMPU JALAN DI LUAR KAWASAN PBT

120. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melaksanakan dasar penambahan lampu-lampu jalan di kawasan yang tidak terletak di bawah jagaan PBT memandangkan Kerajaan Persekutuan tidak lagi melaksanakan 10 tiang lampu baru untuk setiap mukim setahun selepas 2008. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Kuala Kubu Baharu menanyakan berkaitan dengan lampu di jalan di luar kawasan PBT. Dasar keperluan pemasangan lampu jalan yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah berpandukan kerana kriteria yang terkandung dalam *get line for production for* muka surat 827 kod *properties desires* di antara kriteria yang melayakkan lampu jalan di pasang adalah satu pemasangan persimpangan-persimpangan utama. Kedua jalan-jalan utama. Ketiga syarat-syarat lain yang perlu dipatuhi adalah kapasiti trafik yang tinggi melebihi 40,000 unit kenderaan bagi jalan 4 lorong dan 20,000 kenderaan bagi jalan dua lorong. Skala penempatan di sepanjang jalan jumlah pejalan kaki basikal dan motosikal yang tinggi di waktu malam kelajuan 85% *percentage* melebihi 70km *forever* jalan yang kerap berlaku kemalangan iaitu melebihi 3 kemalangan setahun dengan kadar kemalangan waktu malam adalah satu tiga kali dengan kadar kemalangan waktu siang. Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi pemasangan lampu jalan negeri dalam tahun 2012 dan 2013. 2012 peruntukan sejumlah RM2,000,000.00 telah diperuntukkan dengan perbelanjaan RM1.908.647.08 atau peratus perbelanjaan 95.4%. 2013 RM2.5 juta diperuntukkan dan perbelanjaan sejumlah RM2.427,160.98 peratus perbelanjaan 97.1%. Bagi tahun 2014 ini kerajaan memperuntukkan RM3 juta bagi peruntukkan pemasangan lampu jalan negeri bagi tahun ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih. Saya hendak tahu Yang Berhormat EXCO yang tadi itu jawapan untuk JKR. Ataupun. Sebab soalan yang saya tanya ialah pasal yang dulu dekat Pejabat Daerah. Mereka ada melaksanakan satu dasar penambahan lampu-lampu iaitu sebanyak 10 tiang lampu untuk setiap mukim setiap tahun. Itu adalah melalui Pejabat Daerah bukan melalui JKR, tapi tadi jawapan yang diberikan adalah melalui JKR sahajakan?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Buat masa ini di bawah pentadbiran Pejabat Daerah. Kita tidak meletakkan apa-apa peruntukan untuk pemasangan lampu jalan. Namun begitu, peruntukan yang diperuntukkan Jabatan di bawah Kerajaan Negeri Selangor ini juga melibatkan jalan-jalan JKR di kawasan, di kawasan PBT. Jadi kalau kawasan-kawasan ini memenuhi kriteria-kriteria yang kita

ikuti sebagai garis panduan, maka kita juga segala permohonan itu kita akan dilaksanakan di bawah peruntukan yang diperuntukkan oleh JKR.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya. Sambungan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014.

TUAN SPEAKER: Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menyambung penjelasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat - Yang Berhormat semasa sesi perbahasan semalam.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat Sekinchan sudah hadir. Saya harap Yang Berhormat Batang Kali akan mendengar jawapan saya sebab semalam Yang Berhormat Batang Kali telah membangkitkan isu kesan pengurangan pelepasan air *residually* dari 300 MLD sehari dari Empangan Sungai Selangor ke atas habitat kelip-kelip yang berada di Kampung Kuantan dan di Kuala Selangor. Kerajaan Negeri Selangor akur dengan ketetapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar seperti yang terkandung dalam syarat-syarat kelulusan laporan terperinci penilaian kesan kepada alam sekeliling (*EIA Report*) yang menghendaki *residual* RM300 Juta sehari dilepaskan ke hilir barat muka salur sauk (SSP) sepanjang pengoperasian di Empangan Sungai Selangor bagi tujuan memastikan habitat kelip-kelip tidak terjejas. Walaupun pelepasan air mentah dari Empangan Sungai Selangor dikurangkan kepada 1000 MLD sehari. Kita telah membuat perhatian sewajarnya kepada kesan habitat kelip-kelip yang merupakan sumber fauna tarikan pelancong negeri Selangor. Jadi jawapannya, kita telah ambil kira tentang saluran air tersebut jadi tidak walaupun kita mengalirkan air sungai itu ke kawasan HORAS tu tapi jumlahnya tidak kurang untuk pengaliran sampai ke muka laut. Kemudian soalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan mengenai *Selangor Times*. Jawapannya ialah Ahli Lembaga Pengarah CCSB telah bersetuju untuk memperuntukkan hampir RM1 Juta tiap-tiap tahun untuk mengendalikan pengeluaran *Selangor Times*. Buat masa ini untuk menerbitkan *Selangor Times* adalah daripada kiraan kita sebab penerbitan *Selangor Times* ini termasuk *printing* dan pengagihan. Kita telah membuat menawarkan satu tender terhad kepada mana-mana *publication* yang boleh menawarkan kita pengeluaran *Selangor Times* termasuk jumlah pengeluaran dan pengagihan yang merangkumi jumlah RM1 Juta. Jawapannya, akan kita, tender itu telah dibuka dan tidak lama lagi jika dipersetujui dan penerbitan itu akan bermula.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Berkenaan RM1 Juta yang diperuntukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk

menerbitkan *Selangor Times*, saya nampak ada kekangan di situ di mana penerbitan *Selangor Times* ini mendapat sambutan hangat sebelum ini. Jadi boleh tak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar naikkan siling itu kepada RM2 Juta dan sebagainya supaya memang ada orang minat untuk kerja tersebut kerana penantian rakyat di bandar-bandar di Subang dan Petaling Jaya untuk *Selangor Times* ini dapat ini direalisasikan. Ini rakyat tertanya-tanya kenapa berhenti sampai ke hari ini. Itu Satu. Yang kedua, tentang elaun-elaun yang saya bangkitkan untuk *pilot-pilot EXCO* dan sebagainya. Bagaimana pemandu-pemandu untuk EXCO lah. Pilot –pilot itu pemandu.

TIMBALAN SPEAKER: Dengan izin ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, dengan izin. Kebajikan mereka macam mana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan minta peruntukan tambahan pula (ketawa) apa yang dilakukan, apa yang saya lakukan ialah tender itu telah dikeluarkan. Jika sebenarnya tender itu tidak dapat diterima oleh orang dan ada kos yang terpaksa dipertingkatkan hingga satu angka munasabah yang terpaksa kita keluarkan, itu kita akan pertimbangkan. Jadi untuk masa ini bajetnya adalah sembilan ratus berapa ribu. Jadi kita sekarang sudah terima cadangan-cadangan dari *publication-publication* yang sudah mempunyai keupayaan untuk menerbitkan akhbar-akhbar sebegini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Mohon penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya tertarik dengan tender yang dinyatakan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat, kesinambungan akhbar ini adalah satu perlu diberi perhatian. Kita tidak boleh menerbitkan akhbar satu tahun kemudian kita tutup. Saya ingin bertanya dalam tender ini adakah dinyatakan berapa tahun kita akan membiayai surat khabar ini. Kalau setahun saya kira ia nya amat singkat. *At least*, kena *sustains* untuk dua ataupun tiga tahun.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Kampung Tunku. Tuan Timbalan Speaker, saya rasa saya belum lihat secara terperinci dokumen-dokumen yang dicadangkan. Sudah tentulah antara-antara mereka yang akan menerima tawaran tersebut akan menentukan syarat-syarat untuk kesinambungan dan perkara-perkara yang perlukan diambil perhatian dalam penerbitan-penerbitan tersebut. Kedua juga kita tidak boleh menerima dia akan lakukan sebab kualiti penerbitan, penerimaan apa semua. Boleh jadi ia akan bagi enam (6) bulan atau setahun selepas itu kita kena bagi *review* sebab boleh jadi teknik *editorial* ataupun pembuatan itu kita juga

kita ambil kira. Jadi jawapannya buat masa sekarang kita benarkan apa itu tender yang berlaku itu dan kita akan kaji dan kalau perlu, peningkatan yang munasabah perlu, demi menerbitkan surat akhbar ini kita lakukan, tetapi, kita bagi pula masa untuk menentukan keupayaan dan perisian kepada pembaca-pembaca juga sangat perlu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Berkenaan *pilot* EXCO itu satu perkara. Kedua, tambah satu, yang terakhirlah! peruntukan hal ehwal bukan Islam yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya mengenai RM3 juta yang diperuntukkan sebelum ini pernah RM6 juta. Jadi saya minta oleh kerana sambutan cukup baik, jadi saya minta RM6 juta diperuntukkan untuk hal ehwal selain Islam. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Timbalan Speaker dan Yang Berhormat Sekinchan untuk kebajikan pekerja kita akan utamakan. Dan itu akan, kalau kita peretujui masukkan dalam peruntukan belanjawan operasi. Itu kita ada peruntukan-peruntukan apa yang kita sudah masukkan. Saya hendak ingatkan Ahli Dewan. Dewan telah menetapkan penggunaan dana operasi oleh sebab itu kalau kita ada lebihan. Kita telah menyimpan dana-dana ini untuk, kalau kerajaan persekutuan mengeluarkan bonus untuk warga kerja. Kerajaan negeri juga perlu mengeluarkan bonus untuk warga kerja. Ada kalanya, tahun lepas kita lebih baik daripada kerajaan persekutuan. Oleh kerana itu sebab pemberian bonus untuk warga kerja termasuk Ahli-ahli Dewan, pekerja dan semua orang ia termasuk kepada semua. Oleh sebab itulah! Saya kena berjaga-jaga dari segi kelulusan ini. Kalau tidak dia akan kurang dana tersebut. Tapi itu kita akan ambil kira. Kedua, dalam belanjawan kita ada jumlah yang diperuntukkan untuk dana peruntukan untuk rumah ibadat bukan Islam. Buat masa ini, dana itu belum habis dipakai lagi. Oleh sebab itu, kalau perlu dan pada dewan masa akan datang kita boleh kemukakan untuk diluluskan. Tapi buat masa ini disemak masih lagi penggunaan walaupun kita tidak mengharapkan apa yang hendak digunakan *justify location* tidak boleh, tidak boleh, tapi kita akan timbang sebab kita tengok kita kena tengok tentang prinsip negeri. Ada prinsip negeri rumah ibadat itu adalah perkongsian antara penganut-penganut sangat besar sumbangan mereka kepada pembinaan-pembinaan rumah ibadat, kerajaan negeri hanya *supplement* sahaja bukan untuk pembinaan tersebut. Jadi itu sebab, saya ambil kira-kira dalam hal ini.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Timbalan speaker. Semalam saya bangkitkan beberapa isu terutamanya *River of Live*, projek *River of Live* di bawah JPS Malaysia yang dilakukan di Sungai Klang. Terdapat gangguan dari segi pembinaan tepi tebing IKS U3, Kampung Fajar. Baru-baru ini saya

dimaklumkan bahawa ada taklimat. Dan saya hadir taklimat, peruntukan di bawah pusat untuk RM30 Juta di penempatan semula Kampung Fajar dan pemindahan IKS. Jadi saya ingin minta penjelasan ini, apakah pendirian kerajaan negeri kerjasama apa yang dilakukan ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Timbalan Speaker, Hulu Kelang telah membangkitkan perkara ini sebenarnya sudah ada perbincangan di Majlis Tindakan Ekonomi Negeri yang bersetuju perkara ini dilaksanakan. Jadi sudah setuju dengan tatacara yang telah dibuat. Saya hanya memantau pelaksanaan dan tidak lagi dari segi polisi. Sebab ia nya telah terangkan ia mencukupi dana dan syarikat perumahan dan apa itu SP, Syarikat Perumahan Negara (SPNB) telah juga bersetuju untuk melaksanakan pembinaan.

Walau bagaimanapun kita kena memantau dari segi orang-orang yang akan dipilih untuk menyertai program tersebut.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Timbalan Speaker

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Saya tidak habis lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya. Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Dari segi pemantauannya di bawah, Lembaga Perumahan? Di bawah EXCO?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Lembaga Perumahan Negeri Selangor dan Pejabat Daerah. Sebab nama-nama setingan itu di bawah Pejabat Daerah yang diberi kepada Lembaga Perumahan dan kedua-duanya mesti membuat pemantauan sebab tanah yang, perkara mengenai tanah dibuat oleh Pejabat Daerah bukan Lembaga Perumahan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Dato' Menteri Besar yang keduanya saya bangkitkan tentang cerun. Di mana dasar Kerajaan Negeri, adalah memberi pinjaman bagi PBT dalam konteks saya adalah MPAJ. Mereka telah memohon dan mendapat kelulusan tentang pinjaman daripada Kerajaan Negeri untuk merawat dan memulihkan cerun. Tetapi setiap kali mereka membuat kajian ada sahaja cerun-cerun yang perlu dipulihkan dan yang bermakna ada sahaja pinjaman-pinjaman yang akan dikemukakan. Jadi ada trauma, ada satu fobia di kalangan *engineer*, Jurutera yang terlibat kalau nak buat permohonan maknanya berhutang. Jadi oleh kerana itu tak nak hutang lupakanlah cerun-cerun nak dirawat, ini menimbulkan satu masalah pengurusan. Jadi di manakah dasar kerajaan untuk memberi terus tanpa pinjaman dan sebagainya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Hulu Kelang *is the management issue* dia tidak boleh menyatakan dia tidak membetulkan cerun kerana dia takut hutang. Pembetulan cerun ialah *an engineering issue, this is* kalau *engineer* kata dia takut betulkan cerun kerana hutang dia tidak boleh jadi *engineer that all*. Dari jawapan saya ialah Kerajaan Negeri berkata kena betulkan cerun. Satu *that is an issue* jaga tentang kos untuk pembetulan cerun, Kerajaan Negeri akan membiayainya jika perlu oleh kerana untuk nak semak tentang keberkesanan kita dikenakan 4% tetapi apabila dia sudah buat dengan betul dan baik dia boleh datang kepada Kerajaan Negeri untuk menyatakan sebagai satu unit badan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya ataupun Majlis Perbandaran Klang atau pun mana dan kita akan mempertimbangkan sebab kita melihat dana-dana yang mereka ada. Dan saya percaya ini adalah satu usaha *check and balance* dilakukan. Dia tidak akan menghalang, kedua satu perkara yang sangat penting, pernah kita buat kajian dan makan masa sedikit, pernah kita buat kajian kelulusan yang dibuat untuk membenarkan tanah-tanah itu diserahkan balik kepada Kerajaan ataupun kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam bentuk tanah lapang adalah dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi kelulusan yang diberi tanah lapang, ia tanah lapang, tetapi tanah lapang yang tidak boleh berdiri di atas tanah lapang iaitu di atas cerun. Itu sebab sekarang itu yang lebih penting sekarang bila dia buat kelulusan untuk tanah lapang, dia akan semak kalau cerun, dia tidak ambil, dia bagi balik kepada pemaju untuk menentukan pemaju yang akan menjaga tanah-tanah tersebut. Itu lebih penting kepada yang ada sekarang, jadi kita membuat pengurusan untuk menentukan semua mesti berjaga-jaga daripada segi ini. Kalau kita menjawab jawapan itu ialah perkara yang lepas saya faham tapi tidak mestinya kita ada tatacara untuk mengingatkan kepada semua penjawat-penjawat awam dan juga pegawai-pegawai perancangan untuk rasa sentiasa peka tentang kos-kos dan pengendalian harta-harta negeri dan harta-harta Pihak Berkuasa Tempatan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Akhir sekali.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya banyak lagi ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Sikit lagi *last* sebagai jaminan dari segi dasar kerajaan agar tanah lapang, kawasan lapang di cerun tidak lagi diterima oleh PBT. Perkara ini telah difahami oleh Jabatan Kejuruteraan di MPAJ dan pegawai-pegawai kanan di situ. Ini jelas cuma kalau Dato' Menteri Besar nyatakan tadi dia menyatakan satu jaminan maknanya Jabatan Kejuruteraan jangan risau tentang hutang, buat kerja rawat cerun, pulihkan cerun, baiki cerun, elakkan kemalangan dan malapetaka, ceritanya itu dikira kemudian. Ada kemungkinan kalau prestasinya baik kerajaan negeri menjamin bahawa hutang itu akan dilupuskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Hulu Kelang yang akan risau bukan *engineer*, yang akan risau ialah YDP yang Pihak Berkuasa Tempatan dan juga EXCO yang menjaga apa itu *local government* ataupun Pihak Berkuasa Tempatan itu yang akan risau. Sebab bajet itu kita telah melihat jumlah perbelanjaan keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan sama jumlahnya dengan perbelanjaan yang dibuat oleh Negeri. Jadi itu yang saya tengok sekarang, saya tengok sama oleh sebab itulah saya bercadang untuk mengawalnya itu tidak termasuk dalam bajet negeri. Kalau kita campurkan Pihak Berkuasa Tempatan dan Negeri ialah lebih daripada RM3.8 ribu juta. Jadi itulah sebabnya saya nak tengokkan kesemua itu berlaku dengan sebab kalau ada kekurangan dalam bajet Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri bertanggungjawab. Oleh sebab itulah saya nak tunjukkan tanggungjawab kita, kerajaan negeri akan bertanggungjawab jika terdapat kekurangan, jika pihak berkuasa tempatan terhutang dan kerajaan negeri akan membayar hutang tersebut. Jadi semuanya dalam rangka kita tetapi jawapan saya *financial* disiplin iaitu *culture* budaya *financial* disiplin itu saya mula tanamkan. Ada juga orang rasa agak tertekan tetapi itu dah lama esok macam jadi biasa sahaja. Jadi di *culture must* Alhamdulillah saya katakan sekarang sudah ada *impact* Yang Berhormat EXCO telah memantau saudara akan tahu sejumlah kumpulan ini lebih daripada RM300 juta dana ialah yang dalam Pihak Berkuasa Tempatan itu dalam deposit tetapi bukan mestinya semua itu dana Pihak Berkuasa Tempatan pun simpanan masyarakat yang dipegang dan maknanya pada segi *cash* Pihak Berkuasa Tempatan ada. Itu pun saya tengah mengkaji bagaimana membuat satu cara dan kita akan memanggil pegawai-pegawai kewangan Pihak Berkuasa Tempatan untuk dilatih untuk mengendalikan dana-dana supaya hasilnya akan dirasai dengan lebih baik oleh masyarakat dan dana-dana ini sangat diperlukan sebab walaupun kita telah menjimatkan lebih daripada RM50 juta dari kos pelupusan sampah. Sekarang kita kos pelupusan sampah sekarang kita rasa kita perlu meminta Pihak Berkuasa Tempatan bagaimana menggunakan duit RM50 juta itu semula demi kebaikan perkhidmatan pelupusan sampah tersebut. Jadi banyak perkara yang perlu kita jaga dalam hal pentadbiran ini.

Y.B PUAN GAN PEI NEI: Minta mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang.

Y.B PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pelabuhan Klang sebab semalam dalam ucapan saya juga bertanya tentang status Enakmen Perkhidmatan Dewan Undangan Negeri Selangor dan yang kedua sejauh manakah berkenaan *Integrity Pact* dalam Jabatan, agensi ataupun anak syarikat di kerajaan Selangor. Sama ada semua Jabatan dan agensi melaksanakan integriti ini atau masih dalam proses.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Timbalan Speaker saya akan menjawab berkenaan dengan Enakmen cadangan untuk perkhidmatan Dewan yang iaitu selesai.

Draf undang-undang tersebut dibentangkan mendapatkan ulasan daripada Kamar Penasihat Undang-Undang dan ulasan daripada Kamar Penasihat Undang-Undang adalah bahawa terdapat percanggahan dengan peruntukan dalam bahagian persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor. Oleh itu draf tersebut telah pun dihantar balik ke pejabat Speaker untuk dibuat kajian bagi membuat penyelarasan supaya peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dalam draf selesa itu tidak bercanggah dengan bukan Undang-Undang atau peruntukan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor. Jadi sehingga sekarang ini saya belum dapat lagi maklum balas pada pejabat Speaker kajian atas draf tersebut.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya berapa lama ulasan Kamar Undang-Undang itu ditujukan kepada pejabat Tuan Speaker?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Dalam kira-kira dua bulan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Pelabuhan Klang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya nak jawab integriti, saya juga nak menambah supaya kita dapat selesaikan Yang Berhormat Rawang iaitu tentang *Integrity Pact*. Dia dibuat mengikut peringkat, buat masa ini kita tumpukan kepada anak-anak syarikat, lepas itu baru kerajaan negeri juga melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sudah mula membawa konsep *Integrity Pact* itu ke dalam perbincangan dengan pegawai-pegawai kanan. Kita mengambil masa sebab pelaksanaan *Integrity Pact* itu bukan hanya tandatangan sahaja tetapi dia mesti ada proses penjelasan dan budaya yang perlu lakukan. Dia makan masa

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tentang *Integrity Pact* ini ada tak satu jangka masa ataupun *time frame* yang telah ditetapkan supaya pelaksanaan berperingkat ini ada laksananya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jawapan yang asal Yang Berhormat Timbalan Speaker, Rawang *actually* sebelum kita diambil bekerja di *first questions is*, satu perkara yang utama yang kita tanya. Adakah saudari ini mempunyai integriti atau tidak ada tidak payah diambil bekerja? Tetapi sekarang kita dah ambil kerja baru nak diajar tentang integriti itu selalu satu perkara yang berbeza. Itu sebab masa saya diambil bekerja di PNB termasuk Timbalan Speaker soalan integriti tidak ada di

soal lagi. *Is that of part of charactor* tapi walau bagaimanapun pertubuhan atau syarikat yang pernah saya bekerja. Jadi oleh sebab itulah kita sekarang mengubah satu budaya dia memakan masa dan tidak boleh dianggap dengan memakaiencana integriti. Kita ada integriti tidak boleh. Jadi itu sebabnya saya mengurangkan publisiti iaitu kita terus sahaja membuat satu dasar supaya semua akan menerimanya itu yang paling penting. Dan dia memakan masa dari *culture* dari ini contoh saya cuba membaca tentang perkara ini negara Jepun *menculture* selepas 200 tahun bukan satu *culture* yang boleh diubah dalam masa 1 satu masa. Dan saya membaca daripada segi saya bagi contoh ini sebagai contoh sahaja jangan jadi Nabi Muhammad SAW untuk mengubah minda jahiliah dan seterusnya memakan masa berpuluh tahun bukan dalam satu masa. Yang Berhormat EXCO Agama boleh memberikan ceramah tentang masa dia terpaksa berhijrah untuk mengambil masa untuk membuat perubahan-perubahan tersebut. Jadi ini satu perkara yang sangat sensitif. Yang Berhormat EXCO Pendidikan telah mencuba membuat SPIES dan saudara dah lima tahun ditanam modal mengenai SPIES hasilnya pedas tapi galakan masih belum lagi sampai ke tahap jadi kita perlu menerima kekangan yang ada.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semalam saya telah bangkitkan dalam perbahasan dan juga telah dibangkitkan dalam minggu lepas dalam perbahasan tentang arah tuju kerajaan Negeri Selangor dalam mengujudkan bandar raya yang sejahtera, yang moden, yang bertaraf dunia pertama mungkin mohon sedikit ulasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Timbalan Speaker saya sangat gembira perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing tapi dari segi konsepnya memang kita terima untuk menuju arah satu taraf negeri maju dan bandar raya utama dan yang dalam konsep *liveable city* yang ada rating yang seperti sekarang yang terbaik ialah Melbourne dengan dia ada tahap dan ciri-cirinya. Saya telah mengikuti beberapa upacara yang Menteri Besar dijemput untuk memahami tentang usaha ini Local Agenda 21 yang saya juga terpaksa membacanya pergi berjumpa dengan Dato'-dato' Bandar. Semua itu telah diambil kira tapi hasilnya saya telah berbincang dengan Pengarah Perancang Bandar dan Desa untuk menerbitkan satu agenda bagaimana kita menjadikan negeri Selangor ini negeri Bandar *the urban* sebab negeri Selangor ini tidak akan menjadi negeri apa yang dipanggil negeri *rural* ataupun negeri saya tidak boleh katakan pertanian tetapi negeri yang ada pengasingan di antara bandar dan juga desa. Tapi apa yang kita lakukan ialah kita menganggap seluruh negeri Selangor ini menjadi negeri bandar dan bagaimana bandar-bandar raya kita dapat menjamin keindahan dan keselesaan bandar-bandar raya tersebut dan ini akan kita bincangkan dan banyak perkara-perkara yang paling utama ialah bagaimana *transport system* negeri ini

dapat diperbaiki. Perkataan saya ialah diperbaiki supaya dapat menjana kekuatan bandar raya-bandar raya kita.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya dewan ini bersidang sebagai jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-Undang ini fasa demi fasa.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN: Pindaan mukadimah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi, saya memohon membuat cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam notis pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu. Preamble Rang Undang-Undang ini dipinda dengan memasukkan perkataan *nine hundred* dengan izin selepas perkataan *ninety thousand* dalam teks bahasa Inggeris enakmen ini.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masalahnya adalah bahawa pindaan bagaimana yang tertera dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan di kertas pindaan hendaklah disetujui. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Pindaan dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Mukadimah seperti yang dipinda.

TUAN SPEAKER: Mukadimah seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B3. Pejabat Dewan Negeri Selangor RM5,900,000.00.

TUAN SPEAKER: Jadual B3 iaitu wang sejumlah RM5,900,000.00 untuk kepala B3 untuk Pejabat Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B4. Perbendaharaan Negeri Selangor RM251,200,000.00.

TUAN SPEAKER: Jadual B4 iaitu wang sejumlah RM251,200,000.00 untuk kepala B4 untuk Perbendaharaan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B6. Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri RM237,090,947.00.

TUAN SPEAKER: Jadual B6 iaitu wang sejumlah RM237,090,947.00 untuk kepala B6 Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 1.

TUAN SPEAKER: Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 2.

TUAN SPEAKER: Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual.

TUAN SPEAKER: Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini seperti yang telah dibincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan untuk kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan dewan ini ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2014. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Usul No. 1 Tahun 2014 Usul Peruntukan Pembangunan Tambahan No.1 2014.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul dalam dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut;

Bahawa menurut Seksyen 9, Seksyen 4(2)(B) dan Seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM237,090,947.00 dinyatakan dalam peruntukan tambahan No. 1 2014 Perbelanjaan Pembangunan yang dibentangkan di hadapan dewan mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama seperti mana terdapat dalam jadual hendaklah diluluskan. Peruntukan Tambahan No.1 2014 Perbelanjaan Pembangunan Vot P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Peruntukan sebanyak RM179,090,947.00. P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor RM58,000,000.00. Jumlah seluruhnya RM237,090,947.00.

Tuan Speaker, dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang telah diadakan pada 18 November 2013 satu Usul Peruntukan Pembangunan yang telah diluluskan yang berjumlah RM627,919,790.00 bagi Perbelanjaan Pembangunan 2014. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM309,419,660.00 diperuntukkan kepada P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan sebanyak RM121,000,000.00 diperuntukkan kepada P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, berdasarkan perbelanjaan yang telah dibuat sehingga akhir bulan Mac 2014 terdapat keperluan peruntukan

sebanyak RM237,090,947.00 oleh itu maka satu peruntukan tambahan bertujuan menampung kekurangan tersebut diperlukan.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, tambahan bagi projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan ialah seperti berikut. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi kod 16001 Pengambilan Tanah adalah untuk pengambilan tanah bagi projek Tebatan Banjir di Sungai Rasau, Shah Alam berjumlah RM30,000,000.00. Bagi kod projek 20009 Projek Bekalan Air ialah bagi peruntukan projek Mitigasi 2 melalui pinjaman persekutuan berjumlah RM149,090,947.00. Dan 3.2 P12 – Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor

Bagi kod projek 02313 (Membina Jambatan Ke 3 Klang) peruntukan sedia ada tahun 2014 berjumlah RM6,000,000.00 (Ringgit Malaysia Enam Juta). Walau bagaimana pun berdasarkan semakan semasa dan pertambahan kos bagi keseluruhan projek, sejumlah RM48,000,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Lapan Juta) diperlukan bagi menampung pembinaan tersebut.

Bagi kod projek 04314 (Menaik taraf jalan-jalan di Daerah Klang) adalah untuk projek menaik taraf jalan dan longkang di sepanjang Jalan Sungai Rasa, Daerah Klang di bawah Projek Tebatan Banjir Sungai Rasa, Shah Alam berjumlah RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta).

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,

Memandangkan bahawa kita telah membahaskan tentang keperluan bagi tambahan peruntukan ini, maka saya dengan ini memohon supaya Usul ini diluluskan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu Usul Peruntukan Pembangunan Tambahan (No. 1) 2014. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan bangun di dewan yang mulia ini untuk turut serta dalam perbahasan peruntukan tambahan pembangunan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Berkaitan dengan isu SUK, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini di mana saya nampak, saya teliti sejak sekian lama satu piagam, piagam pelanggan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dipaparkan ya, selama ini saya nampak ada banyak piagam-piagam yang di paparkan itu, banyak tentang perkhidmatan utama. Jenis

perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan dan sasarannya, sasarannya. Dan pemantauan saya penelitian saya selama ini banyak perkara yang di piagam yang ditetapkan itu tidak mengikut masa sasaran. Ini tujuan saya bangkitkan perkara ini adalah untuk ditambah baik supaya benda ini tidak terlepas pandang dan tidak menjadi bahan ketawa kepada pelanggan-pelanggan yang datang. Di mana sebagai contoh satu, Program Kerajaan Prihatin, memproses permohonan bantuan rumah. Sasaran dia satu bulan, biasanya satu bulan itu *tak bisa* kurang-kurangnya tiga bulan, enam bulan. Tapi di sini tulis sasarannya satu bulan dalam *website* dan sebagainya satu bulan, maknanya kita telah mengelirukan orang ramai, pelanggan. Perkara ini saya harap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan SUK ini dapat ambil perhatian dan juga kedua contohnya Pemberian Dana Industri Kecil dan Sederhana yang mana di Sekinchan pernah berurusan dalam perkara ini. Pemberian Dana Industri Kecil dan Sederhana, penerimaan borang dan proses siasatan ok, masa dia berapa, enam bulan sasaran. Tapi hakikatnya urusan pengalaman saya setahun setengah, setahun hingga setahun setengah. Maknanya piagam yang dipaparkan itu tidak tepat atau pun gerak kerja yang dilakukan tidak mencapai seperti sasaran yang sepatutnya yang kita lakukan enam bulan. Mana satu betul ini perlu diadakan siasatan supaya apa kita dapat apa yang kita paparkan jangan lari jauh sangatlah, satu dua bulan itu biasa. Tapi kalau enam bulan jadi setahun atau setahun setengah itu terlalu jauh, orang kata seperti apa yang kita katakan menyimpang daripada sasaran asal kita tidak mencapai matlamat. Dan contoh seterusnya yang ketiga hal ehwal kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di mana penyediaan baucar bayaran untuk setiap tuntutan bayaran seperti bil-bil dan elaun, tiga hari bekerja.

Saya menerima banyak aduan di mana elaun atau tuntutan bayaran ini bukan tiga hari bekerja, tiga bulan bekerja. Empat bulan bekerja ini juga tidak selaras dengan piagam yang dipaparkan. Jadi banyak lagi perkara dalam piagam SUK ini perlu dikemaskinikan atau pun gerak kerja di bawah itu perlu di tingkatkan supaya menyamai atau pun menghampiri jangan kata 100% tepati, menghampiri jangan sampai tiga bulan, tiga hari jadi tiga bulan. Ini yang saya minta dewan ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebagai CEO dapat memahami, CEO kitalah CEO Selangor yang begitu hebat, kita bukan hebat dari segi pembangunan, hebat dari segi pengurusan kewangan kita juga harus hebat dari segi pengurusan ini supaya piagam kita apa yang kita janji kurang-kurangnya jangan lari sasar daripada jauh. Seperti apa yang

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan tidak bangkitkan ini di waktu perbekalan semalam ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya bangkitkan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sebab ini Usul Pembangunan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya saya sepintas lalulah

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya dah lari ya. Minta balik pada, kalau berucap berkaitan dengan Usul Pembangunan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Seterusnya saya juga ingin menarik perhatian tentang lampu isyarat yang diperlukan tentang JKR ini tentang pembangunan. Satu lampu isyarat yang sepatutnya amat dikehendaki, sangat diperlukan di Batu 12, Jalan Tok Muda, persimpangan tersebut. Kerana saya bangkitkan perkara ini kerana banyak aduan di mana persimpangan itu begitu bahaya. Segmen jalan Persekutuan Lima peringkat Batu 12, Jalan Kapar ya Jalan Tok Muda di mana di situ perlulah diadakan satu lampu isyarat atau pun perlu diadakan siasatan lanjut kerana banyak kemalangan berlaku di situ, rakyat di situ mengeluh di manakah kerajaan tidak mengambil perkara ini, keselamatan mereka dalam konteks ini. JKR banyak kali diadu tetapi masih tidak ada satu penyelesaian. Saya harap pihak kerajaan dan JKR dapat turun siasat, pantau dan adakan satu pendekatan yang baik untuk selesaikan supaya kereta yang lalu di situ keluar masuk, rakyat di situ keselamatan mereka terjamin. Ini suara hati daripada rakyat yang mereka mengadu kepada saya, saya dalam Dewan ini yang mulia ini dalam pembangunan ini soal nak bina lampu isyarat ini dapat diperhalusi. Saya tidak mahu panjang lebar untuk *international roaming* setakat itu sahaja yang penting harap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat mengambil perhatian, sekian sahaja perbahasan saya, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Kampung Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di Usul Pembangunan ini di mana saya ingin merujuk kepada beberapa perbelanjaan yang akan dikhususkan untuk kerja-kerja banjir ini, walau pun ia tidak melibatkan Jabatan Pengairan dan Saliran kerana wang ini digunakan untuk di peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya tetapi saya berpendapat bahawa ada pentingnya perlunya saya membangkitkan satu isu tentang tebatan banjir yang selalu dihadapi oleh wakil rakyat dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran. Semalam saya ada bertanya kepada Yang Amat Berhormat EXCO dan saya dimaklumkan bahawa saya telah diberikan satu senarai peruntukan yang dipohon dan peruntukan yang diluluskan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor untuk kerja-kerja banjir. Dan saya rasa perangkaan yang saya terima, yang ada pada saya ialah menunjukkan kerajaan negeri telah pun sebenarnya meluluskan hampir lebih daripada 60 sehingga 70 permohonan peruntukan untuk program tebatan banjir di Negeri Selangor.

Satu fenomena atau pun kepincangan yang saya rasa perlu dibawakan ke dewan ini ialah JPS menghadapi kesukaran untuk mendapat kelulusan daripada kerajaan persekutuan untuk menjalankan projek-projek penempatan banjir ini. Contohnya

saya hendak membawa fakta di sini untuk rekod dan makluman Dewan kalau-kalaulah ada wakil rakyat daripada Barisan Nasional yang boleh membantu, sila bantulah ini untuk kebaikan Kerajaan Negeri Selangor, rakyat Negeri Selangor. Pada tahun 2013 Tuan Timbalan Speaker, permohonan RM161.57 juta, JPS mengemukakan permohonan RM161 juta yang diluluskan hanya RM20 juta sahaja. Begitu kecil peratusan kelulusan, pada tahun ini permohonan setakat sekarang ialah RM72 juta telah pun dikemukakan permohonan yang diluluskan hanya RM6 juta sahaja. Begitu sedikit peratusannya sedangkan baki kerajaan Negeri Selangor tahun 2013 untuk peruntukan pembangunan permohonan RM71 juta dan diluluskan RM48 juta agak tinggi. Untuk tahun 2014 dipohon RM56 juta dan diluluskan RM45 juta, peratusan yang agak tinggi. Perkara yang sama untuk Kepala Penyelenggaraan Peruntukan Kerajaan Negeri dipohon RM36 juta dan diluluskan RM34 juta tahun 2013. Sedikit merosot tahun 2014 mungkin kerana peruntukan yang banyak diluluskan pada tahun 2013 tapi 2014 untuk tujuan penyelenggaraan JPS, kerajaan negeri meluluskan RM77 juta dan diluluskan hampir separuh RM35 juta. Jadi kalau kita bandingkan peratusan kelulusan ini saya rasa ada satu masalah yang besar, yang sedang dihadapi oleh JPS. Saya mengaku memang ada kelemahan, SELCAT telah pun membuat pendengaran awam dan kita mendapati ada sedikit masalah dari segi perancangan dan sebagainya. Tetapi sekiranya Kerajaan Persekutuan yang mempunyai sumber kewangan yang lebih kukuh tidak dapat memberi kelulusan untuk meluluskan permohonan peruntukan JPS dalam masa yang diperlukan. Saya rasa kita tidak akan menyelesaikan masalah banjir yang sering kali melanda Negeri Selangor daripada masa ke semasa.

Contohnya untuk pengurusan banjir, program pengurusan banjir Kerajaan Negeri telah pun saya lihat ini adalah agak murah hati. Pada tahun 2014 kalau angka yang ada pada saya kalau tak silap Butiran Kod Projek 01000 Program Pengurusan Banjir Tahun 2014 yang dipohon RM18.8 juta yang dipohon RM18.8 juta dan yang diluluskan lebih lagi daripada yang dipohon RM21.2 juta. Mungkin ada keperluanlah luar biasa atau pun yang rasa perlu diselitkan sekali bersama sekali untuk mempertingkatkan kecekapannya. Ini adalah satu perkembangan yang saya rasa bagus tapi apa dayanya Kerajaan Negeri hanya ada antara 18 sehingga 20 lebih juta ringgit untuk program ini dan saya rasa untuk JPS keseluruhan bajet termasuk dari segi bekalan dan pembangunan satu tahun pun tak sampai mungkin tak sampai RM300 juta ringgit setahun, saya tak pasti. Tetapi peruntukan daripada Kerajaan Negeri agak terhad dan saya rasa perkara ini perlu dipanjangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bukan saja JPS tapi juga JKR. Sama ada mungkin peruntukan atau pun kelulusan, kita bukan sebut tentang peruntukan tetapi kelulusan itu dapat dipercepatkan, dapat diperbanyakkan supaya JPS dengan peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat melakukan sesuatu yang lebih cekap, dengan lebih cekap pada masa yang akan datang supaya masalah banjir ini dapat diselesaikan. Dan saya rasa ini adalah satu informasi yang belum pernah saya terima selama ini, kami beranggap bahawa JPS ini memang menghadapi

masalah peruntukan. Kami tidak tahu ia masalah Kerajaan Negeri ke atau pun Kerajaan Persekutuan. Yang kami tahu kebanyakannya ialah masalah negeri tetapi mengikut angka yang saya ada di sini rupa-rupanya bukan. Dan sekiranya ada keperluan, Kerajaan Negeri maksud saya pernah meluluskan peruntukan lebih daripada yang dipohon. Ini agak mengejutkan sayalah tetapi kalau saya lihat apa yang dipohon daripada Kerajaan Persekutuan, saya rasa ini adalah agak tidak adil kerana memang Kerajaan Persekutuan sahaja yang memberi sumber peruntukan yang lebih kukuh untuk menjalankan program-program ini termasuklah seperti Program *River of Life* dan macam-macam.

Dan saya rasa ini harus diberi perhatian oleh pihak eksekutif termasuk dan ini bukan saja untuk JPS tapi juga untuk JKR, jadi itulah sedikit sebanyak pemerhatian saya, saya memohon menyokong Usul Pembangunan ini, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih, Assalamualaikum w.b.t., *Bissmillahir Rahmannir Rahim*, terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan mengenai Usul Caruman kepada Pembangunan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pelabuhan Klang. Jadi ada beberapa perkara saja yang ingin saya ketengahkan dalam perbahasan pada pagi ini mengenai satu peruntukan yang bernilai RM179,090,947.00 yang diminta oleh pihak kerajaan untuk pembiayaan RM30,000,000.00 kepada Pengambilan Balik Tanah Projek Tebatan Banjir Sungai Rasa dan RM149,090,000.00 untuk bayaran Projek Mitigasi 2 Pinjaman Persekutuan.

Pertama saya merasakan bahawa wajarnya peruntukan tambahan ini patutnya sudah dimasukkan ke dalam Perbelanjaan awal yang sewaktu Pembentangan Bajet di buat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tahun 2013 yang lalu kerana saya percaya program penempatan banjir ini sudah lama dirancang. Bukan perkara baru atau pun satu dua bulan dan sewajarnya sudah dimasukkan ke dalam Bajet 2014 yang dibentangkan pada tahun 2013 yang lalu. Yang kedua berkenaan kos Pengambilan Balik Tanah yang dibangkitkan sebanyak RM30 juta jadi saya ingin memohon sedikit penjelasan daripada pihak kerajaan bagaimana syarat-syarat atau pun cara-cara prosedur yang digunakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah dalam menentukan kadar-kadar dan berapa ramai mereka yang terlibat dalam pengambilan tanah ini. Kerana apakah *land owner* ini dengan izin mendapat bayaran yang setimpal, apakah mereka boleh juga membuat tuntutan-tuntutan dengan kadar-kadar bayaran semasa yang sewajarnya mereka dapat hasil daripada pampasan yang berkenaan. Kerana hari ini Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, Timbalan Speaker saya juga ternanti-nanti jawapan daripada pihak kerajaan dalam perbahasan yang saya bangkitkan dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai kadar premium yang mungkin saya boleh kaitkan sedikit dalam perbahasan ini.

Bagaimana hari ini rakyat begitu tertekan dengan kadar premium yang begitu tinggi sebagai contohnya saya ambil sebuah keluarga petani yang dulunya mendapat pajakan 99 tahun di dalam Daerah Kuala Selangor waktu mereka memperoleh pajakan ini status tanahnya ialah pertanian dan mereka membayar pada kadar yang begitu minima pada zaman kerajaan BN.

Tapi apabila tempoh pajakan mereka hampir tamat dan mereka memohon untuk mendapat tujuan pembaharuan dan mendapat kelulusan. Tapi malangnya permohonan mereka untuk mendapat status pertanian itu ditolak oleh Pejabat Tanah dan mereka diminta memohon dalam status pembangunan bercampur atau pun perindustrian. Maka apabila permohonan mereka dibuat dan mereka diluluskan tetapi premiumnya sudah mencecah RM1.5 juta untuk satu ekar atau pun 1 ekar setengah tanah. Ini keluarga yang sudah menetap hampir 100 tahun hampir 4 keturunan generasi di situ sudah bina rumah, sudah membuat kependudukan di situ untuk tempoh yang panjang. Bagaimana mereka hendak membayar jumlah-jumlah yang sebegini besar. Kerana ini bukan tanah teroka yang mereka baru, tapi mereka dah tinggal mewarisi tanah ini cukup lama daripada datuk nenek moyang mereka. Jadi bagaimana apakah mereka ini layak untuk membayar premium minimum RM1,000.00 seperti yang dicadangkan oleh kerajaan negeri dan mereka hanya perlu membayar kadar itu RM1.5 juta itu selepas seandainya mereka berhasrat untuk menjual. Persoalan ini saya mohon pihak kerajaan untuk menjelaskan begitu juga dengan Pejabat Tanah yang kita nak tanya juga bila Pejabat Tanah berkaitan dengan Sungai Rasa, saya balik kepada Sungai Rasa bila penilai ini dibuat, apakah menepati jumlah yang diperolehi oleh pemilik-pemilik tanah ini mendapatkan kadar bayaran yang memuaskan yang pada semasalah.

Kemudian juga saya mohon kepada pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjelaskan kepada Dewan ini mengenai Projek Mitigasi 2, Pinjaman Perumahan barangkali kami pun tidak begitu jelas bagaimana projek ini dilaksanakan kedudukan dan sebagainya, supaya pihak dewan ini dapat jelas mengenai perkara-perkara yang berkenaan. Juga mengenai perkara 2 mengenai RM58 juta yang di peruntukan untuk RM48 juta untuk membina Jambatan Ketiga Klang. Saya rasa ini sudah patut dimasukkan di dalam Bajet 2014 yang dibentangkan pada bulan Disember yang lalu. Kerana saya yakin pihak JKR mungkin sudah menyediakan apa kos-kos yang diperlukan dalam pembinaan jambatan ketiga ini. Dan saya percaya sepatutnya tidak dimasukkan ke dalam Bajet Tambahan kecuailah kalau pembinaan sedang berjalan, ada perkara-perkara yang memerlukan *Variation Order* dengan izin dan itu barangkali perlu dibangkitkan dalam bajet tambahan tapi ini sepatutnya sudah di buat lebih awal bajet RM58 juta ini. Dan juga saya mohon kepada pihak kerajaan untuk ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Minit terakhir ya Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Mohon penjelasan mengenai RM10 juta bagi kerja-kerja menaik taraf di sepanjang projek tebatan banjir di Sungai Rasa ini. Kalau boleh dapat kita berikan penjelasan supaya bajet tambahan ini dapat dilihat dan akhirnya Timbalan Speaker dalam pendengaran SELCAT baru-baru ini kita tengok banyak isu banjir ini cukup besar masalahnya di Negeri Selangor. Dan rata-rata pihak JPS dalam jurutera-jurutera memaklumkan bahawa bajet yang terhad menyebabkan banyak program-program Mitigasi banjir tak dapat dijalankan. Akhirnya kesannya begitu besar, harta yang hilang, kemusnahan dan sebagainya jadi kita mengharapkan apa-apa pun juga projek atau pun pembangunan Mitigasi banjir ini perlulah disusun dengan teratur, disusun dengan perancangan supaya tidak menyelesaikan satu pada masa *ad hoc*. Jadi biar disusun atau pun dijadualkan supaya peruntukan yang diberi ini dapat menyelesaikan isu-isu banjir secara menyeluruhnya. Yang Berhormat Speaker itu saja perbahasan saya, sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker kerana memberikan ruang untuk saya, memberikan sedikit pandangan dalam perbahasan kali ini. Antara perkara-perkara yang saya fikir boleh kita pertimbangkan ialah selain daripada peruntukan-peruntukan yang diminta dalam bajet tambahan. Antara perkara yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh kerajaan negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan juga pihak Jabatan Kerja Raya adalah untuk memastikan perkara-perkara yang telah dibina yang telah dibuat sebagai contoh Parit Erong. Kalau kita dapati sekarang ini Parit Erong kebanyakan PBT khususnya ia tidak diselenggarakan dengan baik yang mana apabila keadaan ini tidak diselenggarakan dengan baik, bila hujan air bertakung dan ia merosakkan jalan. PBT terpaksa mengeluarkan bajet tambahan untuk menampal kawasan yang terlibat dan kalau boleh kerajaan negeri menekankan untuk memastikan semua Pihak Berkuasa Tempatan dan juga agensi-agensi berkaitan menyelenggarakan Parit Erong dan saliran-saliran yang mungkin boleh mengalirkan air ini masuk ke dalam parit atau pun ke dalam anak sungai mungkin kita boleh dapat menjimatkan kos.

Perkara yang kedua yang saya minta untuk diberi perhatian oleh kerajaan negeri ialah tentang keutamaan. Ada perkara-perkara yang saya fikir dalam perkara banjir khususnya kawasan-kawasan yang sepatutnya telah diberi, lama yang diberi peruntukan atau pun diberi perhatian tetapi kerajaan negeri mungkin atau pun pihak agensi yang berkaitan tidak memfokuskan untuk menyelesaikan masalah di kawasan yang terlibat. Dan dalam pendengaran SELCAT baru-baru ini kita sudah bangkitkan tentang masalah banjir yang berlaku di Sri Muda. Semalam juga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada menyebut sepintas lalu. Saya mengharapkan supaya keadaan ini boleh diatasi memandangkan perkara ini sudah banyak kali kita bawa dalam dewan dan berikan perhatian serius untuk

mengatasinya dengan membina satu kolam tadahan atau pun kolam tadahan tak mampu dibina disebabkan kos yang besar, memadailah laluan parit yang digunakan untuk mengalirkan anak sungai itu dilebarkan. Dilebarkan dan diperdalamkan sedikit untuk menampung air yang keluar daripada kawasan kampung.

Perkara ketiga yang ingin saya sebutkan ialah bila disebut tentang Johan Setia. Saya nak sebutkan sedikit selain daripada masalah banjir masalah tentang pembekuan pembangunan dalam kawasan Johan Setia itu sendiri kita mempunyai sejumlah hampir 400 hektar kawasan pertanian di kawasan Johan Setia ini yang bersempadan dengan Kuala Langat. Apa yang berlaku ialah sejak Kerajaan Negeri menyekat pembangunan melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan MPK di mana pembangunan-pembangunan tidak boleh lagi dilakukan di kawasan itu tetapi pada masa yang sama dalam keadaan kita mengekang pembangunan masih ada lagi pihak-pihak membeli tanah di kawasan terlibat dapat membangunkan dan bila mereka membangunkan kawasan itu mereka tidak ambil kira soal parit soal saliran soal bekalan elektrik dan sebagainya dan ini menambahkan lagi kepada tekanan untuk pembangunan di kawasan itu menambahkan menyulitkan air untuk keluar dari kawasan itu dan saya menyeru kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil satu pendekatan yang sesuai ramai yang telah membeli tanah di kawasan itu, untuk membangunkan kilang dan sebagainya dan ada juga mereka-mereka yang mengusahakan pertanian bagi kawasan itu. Jadi kalau dibekukan maka ia telah mengakibatkan mereka yang ada tanah tetap meneruskan projek tanpa mengambil kira kebenaran merancang tanpa mengambil kira soal saliran, soal jalan dan sebagainya dan ini sedikit sebanyak telah memberikan kesan kepada pembangunan di kawasan terlibat akhir sekali Tuan Timbalan Speaker saya, membangkitkan juga tentang penyelenggaraan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran kita dimaklumkan setahun ada sesetengah kawasan sekali ada dua kali ada tiga kali. Saya minta supaya Kerajaan Negeri menubuhkan satu jawatankuasa khas yang melibatkan beberapa agensi dan cuba tingkatkan penyelenggaraan itu daripada dua kali kepada sekurang-kurangnya empat kali setahun. Terutama sekali apabila hampir tibanya musim tengkujuh ataupun musim banjir ini akan membantu saliran kita itu bersihkan pada masa yang betul dan empat kali itu saya fikir tidaklah nanti longkang ataupun parit itu menjadi belukar berbanding dengan yang sekarang.

Saya akhirnya yang terakhir sekali Tuan Timbalan Speaker ialah tentang pembangunan ini saya nak sebutkan tentang penyelenggaraan jalan-jalan terutama sekali di dalam kawasan kampung kita dapati ada PBT yang tidak masuk ke dalam kampung. Ini yang menimbulkan kesulitan kerana rakyat di kawasan yang terlibat mereka tak fikir dan mereka tak mahu fikir sama ada itu soal PBT atau tanggungjawab PBT yang mereka tahu Adun kawasan mesti menyelesaikan masalah itu, dan saya harap Kerajaan Negeri dengan rizab yang begitu besar itu yang disebut oleh Dato' Menteri Besar pagi tadi gunakan lah sedikit secara serius dan cepat kerana keadaan jalan di kampung-kampung ini sudah sampai ke peringkat yang amat kritikal, itu sahaja Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kepada Timbalan Speaker memberi laluan kepada Taman Templer untuk membahaskan berkaitan dengan peruntukan tambahan perbelanjaan pembangunan. Merujuk kepada P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor khususnya kod projek 02313 berkaitan dengan pembinaan Jambatan Ke-3 Klang saya yakin dan percaya bahawa projek ini adalah bertujuan untuk memastikan penyelesaian trafik yang berlaku di bandar Klang. Dalam masa yang sama saya ingin mengajak pihak Kerajaan juga untuk melihat kepada masalah-masalah trafik yang sedia ada yang berlaku di kawasan-kawasan yang perlu juga dilakukan dan dilihat bagaimana untuk melakukan penyelesaian trafik sebab hasil daripada pemerhatian saya banyak pembangunan-pembangunan, khususnya perumahan-perumahan, taman-taman baru yang dibina akhirnya menyebabkan masalah *trafik* yang baru ataupun lebih dahsyat berlaku. Saya mengambil kalau kita lihat di Selayang daripada Bandar Baru Selayang, BPS 2A, jalan untuk pergi ke Ulu Yam menuju ke Masjid Amaniah yang akan melalui beberapa taman-taman dan perumahan-perumahan yang jarang saya kira mungkin tidak sampai tak sampai 2 kilometer tetapi bila mana adanya taman-taman baru maka akan wujudlah *traffic light* yang baru. Dalam lingkungan jarak yang tidak begitu jauh saya bilang sebentar tadi lebih ada enam *traffic light*, enam *traffic light* yang memang saya tidak erti untuk istilahkannya keadaan trafik nya daripada dahsyat dan lebih dahsyat. Bila berlaku perumahan Bukit Botak Alhamdulillah kita dapat selesaikan perumahan Bukit Botak satu lagi *traffic light* telah pun diwujudkan dan menambahkan lagi kedahsyatan masalah trafik di situ, memang dahsyat jadi selain daripada ialah kita buat pembinaan jambatan ketiga Klang alhamdulillah itu satu projek yang baik kita perlu lihat juga kepada permasalahan-permasalahan setempat yang saya sebutkan tadi memang rakyat memulakan pembangunan tetapi dalam masa yang sama terperangkap dengan kedahsyatan trafik yang tidak ada penghujungnya.

Saya mengambil contoh yang kedua kalau sebelah daripada perumahan Bukit Botak itu, ada satu kelompok perumahan bermula daripada Kampung Bendahara, Selayang Mulia, BPS 2B, Apartmen Julia, lebih kurang saya kira mungkin ribuan penduduk berada di sana tetapi jalan keluarnya hanya satu sahaja iaitu di Kampung Bendahara, satu *traffic light*, yang jalan satu *lane* jalan masuk, jalan keluar dan setiap pagi mencecah ribuan kereta terperangkap di situ dan sehingga sekarang saya kira permasalahan ini saya kira telah berlarutan saya tidak pasti mungkin puluhan tahun telah disuarakan tetapi rakyat di sana sampai sekarang terperangkap dengan kedahsyatan masalah trafik itu. Sebelum itu berlaku sebelum Perumahan Bukit Botak selesai sekarang ini selepas melepasi *traffic light* Kampung Bendahara pusing kanan akan berjumpa dengan *traffic light* Perumahan Bukit Botak, jadi masalah seolah-olah ia tidak dilihat diusahakan untuk menyelesaikan masalah ini. Permohonan saya supaya secara khususnya di kelompok kawasan Bendahara

Selayang Mulia, BPS 2B, yang terperangkap di sana ribuan penduduk tinggal di sana hanya satu jalan kecil keluar dengan *traffic light* berhampiran Bukit Botak perlu diperluaskan diselesaikan dengan kadar yang segera kerana penduduk di sana melihat membangunnya perumahan Bukit Botak tetapi sengsara lebih dahsyat masalah trafik di situ.

Jadi simpul kesimpulannya selain kita melihat kepada perkara-perkara yang besar, projek-projek baru yang lama juga perlu kita ambil kira begitu juga perkara kedua berkenaan dengan jambatan banjir, kira mewarisi keadaan infrastruktur yang tidak tersusun baik khususnya di Taman Templer di Bandar Baru Selayang, yang ada parit-parit yang tidak lagi boleh diselenggara walau pun diselenggara akan berlaku banjir kilat apatah lagi dalam keadaan isu air pada hari ini menjadi suatu apa yang diistilah sebagai satu mainan kata-kata bahawa bila hujan lebat depan penuh air banjir kilat pergi ke dapur buka pili air tak ada. Jadi banjir kilat sering berlaku sampai masanya bila kita adukan kepada pihak berkuasa tempatan mereka hanya boleh menyelenggara parit yang sempit, dan mereka tidak mempunyai bajet untuk melakukan penstrukturan semula dari sudut parit-parit di kampung-kampung yang dulunya mungkin kampung agak pendalaman sekarang ini sudah masuk dalam kawasan PBT yang tidak boleh lagi menyelesaikan masalah banjir ini. Kalau kita selia lah macam mana pun dia tetap akan banjir sebab dia berselirat tidak ada sebarang orang kata penyusunan yang baik jadi perlu dibuat penyusunan semula dan aliran parit-parit jadi ini memerlukan bajet yang besar

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Templer satu minit lagi

Y.B. TUAN ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB: Ada lagi saya sambung la. Ingatkan dah habis. Jadi minta Kerajaan Negeri supaya memikirkan supaya boleh turunkan bajet-bajet daripada Kerajaan Negeri sebab PBT tidak mampu hanya mampu menyelenggarakan mengikut bajet tahunan mereka yang juga mana kita sama masuk sama keluar habis begitu sahaja menyelenggarakan longkang-longkang yang sedia ada. Bajet besar perlu untuk menyusun semula mengkaji dari sudut aliran air daripada perumahan-perumahan baru juga hasil daripada perumahan Bukit Botak sana menyebabkan aliran air makin banyak dan menyelenggarakan sahaja tidak cukup jadi perlu membuat kajian dan ini memerlukan bajet yang sangat besar maka oleh yang demikian saya minta kepada Kerajaan supaya memikirkan perkara ini menyalurkan bajet-bajet khusus kepada PBT-PBT menyelesaikan masalah banjir. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker, Rawang ingin turut serta dalam usul tentang pembangunan ini khasnya menarik perhatian terhadap isu banjir dan juga isu jalan di kawasan DUN Rawang ini. Yang pertama berkenaan dengan isu banjir untuk makluman dewan satu banjir kilat yang amat

teruk telah berlaku pada hujung tahun lepas selepas hujan lebat dan menyebabkan ramai pengguna jalan yang tidak sampai ke destinasi mereka sebab jalan telah ditutupi dengan banjir Lumpur sebenarnya yang disebabkan oleh pembangunan ini jalan menaiktaraf jalan di depan Rawang Tol dan juga disebabkan oleh pembangunan-pembangunan pesat di sekitar kawasan Bandar *Country Homes* dan juga Kota Emerald dan sebagainya.

Tetapi saya ucapkan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Daerah Gombak, Pegawai Daerah Gombak yang telah bersama dengan JPS dan PBT MPS turun bersama untuk kenal pasti punca dan jalan penyelesaian untuk menyelesaikan keadaan banjir ini untuk jangka panjang yang mana cadangan telah dikemukakan untuk wujudkan satu tempat kawasan tadahan khas dan juga sungai-sungai perlu dinaiktarafkan dan diselenggarakan seperti Sungai Gong dan Sungai Bakau yang saya difahamkan sebelum ini sebenarnya kalau setiap tahun mungkin akan dibersihkan ataupun diselenggarakan sebanyak dua atau tiga kali tetapi sejak tahun 2008 disebabkan kekangan peruntukan yang amat tidak mencukupi cuma setahun sekali sahaja dibersihkan dan ini menyebabkan banyak pasir dan juga tanah dan juga runtuh tebing sungai yang tidak dapat diselesaikan dengan segera sehingga menyebabkan aliran air ataupun sungai itu terkandas khususnya pada bila banir berlaku ini jadi saya mohon pihak Kerajaan Selangor boleh menambahkan lagi peruntukkan untuk JPS Gombak khususnya untuk menaiktaraf Sungai Gong, Sungai Bakau dan juga Projek Jambatan Banjir Fasa 3 kalau boleh untuk di DUN Rawang ini disebabkan pembangunan yang pesat ini dan saya rasa sudah tiba masanya supaya pihak agensi berkenaan termasuk JPS mengkaji semula mereka bentuk sistem saliran dan perparitan yang kita ada sekarang. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Templer bahawa longkang yang kita ada sekarang seperti sebagai contohnya longkang di tepi jalan JKR, longkangnya kecil tetapi air yang banyak.

Jadi sekarang kita minta bahawa reka bentuk untuk longkang atau sistem perparitan ini bukan ini sahaja *responsive* kepada pembangunan maksudnya kita tengok pembangunan tetapi yang paling penting saya rasa sekarang keadaan cuaca juga berubah jadi kita perlu ada satu reka bentuk yang boleh *cater* dengan izin dengan perubahan cuaca ini dan satu cadangan selepas perbincangan adalah sama ada kita perlu kaji pembangunan yang besar sekarang perlu ada juga *monsoon drain* dengan izin supaya boleh menangani kapasiti air hujan yang semakin berubah dan makin bertambah pada bulan-bulan tertentu.

Yang kedua tentang isu jalan berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor saya mengucapkan ribuan terima kasih sebab sebelum ini Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah peruntukkan untuk menaiktaraf Jalan B/27 daripada Rawang Tol di Rawang ke Bestari Jaya ataupun Rawang ke Bandar Tasik Puteri. Tetapi saya difahamkan melalui perjumpaan berkala saya dengan JKR Selangor dan juga JKR Gombak bahawa peruntukkan yang diberikan itu amat tidak mencukupi dan ini menyebabkan bahawa peruntukkan yang diperuntukkan itu hanya digunakan

untuk menaiktarafkan semua bahagian jalan di hujung sahaja yang bukan merupakan sebenarnya punca utama kepada kesesakan lalu lintas ataupun *bottle neck* yang berlaku sekarang yang disebabkan pembangunan pesat dan projek naiktaraf Fasa 1 telah dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan, JKR Persekutuan di depan Rawang Tol tetapi bila sampai ke sempadan dengan jalan Negeri sahaja projek naiktaraf telah dihentikan dan lepas daripada tanggungjawab Negeri Selangor untuk naiktaraf dan kita tahu bahawa punca itu sempadan itu sebenarnya adalah punca kepada *bottle neck* ataupun kesesakan itu yang merupakan jambatan di atas lebuh raya NKVE. Saya rasa kalau yang biasa gunakan jalan itu tahu betapa teruknya keadaan kesesakan lalu lintas itu, itulah sebabnya saya menyeru pihak Kerajaan Negeri Selangor kaji semula. Saya difahamkan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Minit terakhir Yang Berhormat

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya difahamkan proses, sebenarnya tender telah dikeluarkan tetapi kalau ikut jadual yang ditetapkan bulan Jun 2013 telah bermula tetapi disebabkan isu-isu berbangkit seperti utiliti, pengambilan tanah dan reka bentuk dan sebagainya kerja atas tapak sampai sekarang tidak dapat dijalankan tetapi yang paling pentingnya adalah jumlah peruntukkan yang tidak mencukupi kalau ikut anggaran JKR Selangor kalau sebelum ini mungkin sebanyak RM400,000,000 diperlukan. Tetapi saya juga terima satu cadangan bahawa Kerajaan Negeri juga mengkaji supaya pemaju-pemaju yang akan membangunkan sejajar sepanjang jalan tersebut memberi sumbangan dulu tetapi saya juga difahamkan bahawa pemaju ini juga tidak akan *contribute fund* dulu kalau tiada pembangunan dijalankan jadi kita perlu ada satu jalan penyelesaian bahawa kita tubuhkan satu tabung amanah di bawah PBT untuk Kerajaan Negeri masukkan wang dulu kita segerakan jalan ini lepas itu kita akan *claim* dengan pemaju ikut fasa-fasa yang dijalankan.

Ini cadangan saya dan saya mohon kalau boleh ada satu jawapan daripada pihak Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima Kasih Timbalan Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam usul peruntukkan pembangunan tambahan 1/2014 yang mana saya merujuk kepada P01- Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi Projek RM30 juta untuk Tebatan Banjir Sungai Rasah dan juga RM149 juta adalah bagi bayaran Projek Mitigrasi 2. Apa yang saya ingin minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ialah berkenaan dengan Projek Mitigrasi 2 melalui pinjaman Persekutuan, pinjaman Kerajaan Persekutuan bolehkah Yang Amat Berhormat untuk menerangkan lebih jelas berkenaan dengan pinjaman untuk Projek Mitigrasi 2 ini. Yang keduanya saya ingin juga selain kita menghadapi masalah banjir saya juga ingin keprihatinan pihak

Kerajaan Negeri berkenaan dengan isu yang kita hadapi sekarang ini iaitu isu kemarau. Isu kemarau yang melibatkan pembangunan untuk aset air, saya setuju dengan pandangan sahabat-sahabat saya daripada Damansara Utama bahawasanya kita perlu juga untuk mengkhususkan sesuatu peruntukkan untuk aset air ini. Apa yang berlaku sebenarnya di Dengkil sendiri untuk makluman yang mulia ini saya sebenarnya untuk membawa aduan daripada rakyat di kawasan gugusan Tanjung Dua Belas, Bukit Changgang, termasuklah juga di Morib di Sungai Manggis. Tiga minggu untuk makluman Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tiga minggu keputusan air. Jadi masalahnya bila lepas tiga minggu barulah projek catuan dan agihan air ini dijalankan oleh SYABAS dan Kerajaan Negeri. Masalahnya ianya lambat dilakukan tiga hari pun untuk makluman Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia orang dah berparang, bergaduh berebut air. Ini dah tiga minggu jadi ini menjadi pengajaran kepada kita supaya Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan yang lebih cepat dan lebih drastik di masa-masa akan datang. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini juga ialah masalah ini berlaku disebabkan oleh ammonia yang tinggi di Sungai Langat tetapi

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Peraturan Tetap

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: (36) 1 seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan. Yang Berhormat membincangkan tentang isu air yang tidak ada dalam perbahasan di dalam usul pembangunan ini. Pasal air ini kita ada satu usul sebenarnya Tuan Timbalan Speaker dan saya rasa mungkin Dengkil boleh masuk dalam perbahasa usul itu

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dia sentuh secara umum saya benarkan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Kacau lah Kampung Tunku saya ada satu minit. Saya dah masukkan Yang Berhormat–Yang Berhormat Loji Bukit Tampoi dan juga Loji Batu 10 di Cheras itu sebab apa loji-loji lain boleh serap kandungan ammonia ini tetapi setiap kali kemarau setiap kali ada masalah Loji Bukit Tampoi dan Loji Batu 10 terpaksa ditutup saya mohon jasa baik Kerajaan Negeri supaya mempertimbangkan menaiktaraf loji-loji tersebut supaya masalah rakyat di kawasan ini, masalah ammonia yang tinggi di dalam Sungai Langat itu dapat diatasi dengan segera saya percaya peruntukkan juga boleh kita berikan untuk usaha-usaha ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah menunjukkan 1.00 tengah hari maka saya menangguhkan dewan ini sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Perbahasan disambung semula. Teluk Datuk.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberikan peluang kepada Teluk Datuk untuk menyertai dalam perbahasan, Peruntukan Tambahan 2014, Perbelanjaan Pembangunan P12 Jabatan Kerja Raya negeri Selangor. Perkara yang saya ingin bawa ke dalam dewan yang mulia ini ialah berkenaan dengan lokasi kemalangan *hotspot*, dengan izin, ataupun isu dan masalah keselamatan jalan raya yang bermula di Batu 15, Jenjarom, sehingga ke Sekolah Rendah Tamil Kg. Sg. Sedu, Jalan Klang-Banting dan juga jalan raya yang berada di hadapan Sekolah Rendah Tamil Sg. Manggis, Jalan Dengkil-Banting, yang mana saya ingin mencadangkan supaya jalan-jalan ini yang di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya iaitu JKR negeri Selangor dapat mengkaji dengan lebih teliti lagi bagi mengurangkan kes-kes kemalangan jalan raya yang sering berlaku di situ. Tuan Timbalan Speaker, berpandukan kepada maklumat yang ada pada tangan saya iaitu pada tahun 2013 sahaja, telah mencatatkan 20 kes kemalangan maut. Teluk Datuk meminta supaya perabot-perabot keselamatan jalan raya yang telah dipasang perlulah sentiasa diselenggara oleh JKR demi keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin meminta pihak JKR negeri mengemukakan cadangan yang dapat membawa penyelesaian untuk melarang kenderaan berat membuat pusingan *U* secara haram di beberapa lokasi yang bakal mengancam keselamatan pengguna jalan raya yang lain khususnya dan di antaranya pusingan *U* yang saya sentuh ialah di simpang jalan Northan Kg. Sg. Jarom, kedua Batu 15 Jenjarom, yang ketiga di hadapan Sekolah Rendah Tamil Sg. Sedu, Jalan Klang-Banting. Saya ingin membangkitkan juga dalam dewan yang mulia ini, adalah sangat-sangat perlunya pihak JKR negeri Selangor melakarkan *zebra crossing*, dengan izin, dan menebalkan *tranver bar*, dengan izin. Memandangkan ramai murid-murid sekolah yang melintasi jalan di kedua-dua tempat tersebut iaitu, saya ingin menyentuh sekali lagi, di hadapan Sekolah Rendah Tamil, Sg. Manggis, Jalan Dengkil-Banting dan juga Sekolah Rendah Tamil Sg. Sedu, Jalan Klang-Banting.

Tuan Timbalan Speaker, perkara yang kedua saya ingin membawa ke dalam perbincangan dewan yang mulia ini, iaitu masalah banjir kilat yang telah pun melanda kawasan-kawasan perumahan di dalam Dun Teluk Datuk. *Namely*, dengan izin, Taman Beringin dan sebahagian deretan kedai di Jalan Sultan Abdul Samad, pekan Banting. Teluk Datuk dapat melihat sistem parit dan juga longkang sedia ada di dalam taman-taman perumahan seperti mana yang saya sebut tadi adalah tidak cukup besar dan dalam untuk menampung pengaliran air hujan apatah lagi apabila

tempat ini disekat dengan sisa pepejal, pembuangan. Saya ingin meminta kerjasama dan juga keprihatinan jabatan-jabatan terlibat khususnya JKR, JPS dan juga PBT untuk bekerjasama dengan lebih erat lagi untuk meleraikan masalah banjir kilat yang sangat menyusahkan peniaga dan juga penduduk di situ. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Taman Medan juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Peruntukan Tambahan 2014, Perbelanjaan Pembangunan. Perkara pertama yang Taman Medan ingin bangkitkan adalah pembinaan sebuah hospital awam di kawasan Petaling Jaya di mana pihak Yang Berhormat EXCO dalam sidang yang lepas telah menyatakan sebuah tapak telah diperuntukkan untuk pembinaan ataupun diserahkan kepada pihak kerajaan Persekutuan untuk pembinaan sebuah hospital awam. Hanya penyerahan tapak tersebut telah berlaku beberapa tahun yang lalu namun tidak ada apa-apa perkembangan positif terhadap pembinaan hospital awam tersebut. Jadi, Taman Medan meminta supaya kerajaan negeri menyatakan hasrat kepada pihak kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan pembinaan hospital awam kerana penduduk yang tinggal di sekitar kawasan yang telah dinyatakan tersebut adalah penduduk yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Jadi, hospital ataupun Pusat Perubatan Universiti Malaya yang ada iaitu hospital yang paling hampir dalam kawasan tersebut mengenakan caj yang agak tinggi jadi ia tidak sesuai ataupun tidak dapat dibayar oleh kebanyakan penduduk di situ dan ramai juga yang telah tidak membuat susulan rawatan kerana terpaksa membayar bil ataupun membayar, melunaskan bayaran sebelum mendapat rawatan selanjutnya.

Jadi, perkara kedua yang Taman Medan ingin bangkitkan adalah isu pembinaan sebuah masjid iaitu Masjid Dato' Hj. Kamaruddin di Seksyen 51A. *Alhamdulillah* pembinaan masjid tersebut telah pun berjalan hanya pihak penduduk telah mengadu kepada saya bahawa mereka tidak dibawa berbincang sama dari segi proses pemindahan daripada masjid lama kepada masjid yang baru kerana masjid yang baru sedang dalam pembinaan itu hanya dalam 60% siap. Jadi mereka dikehendaki untuk berpindah ke kawasan sementara iaitu sebuah surau kecil sebuah Sekolah Rendah Agama yang bersebelahan dan terpaksa dibina satu khemah untuk menempatkan jemaah masjid tersebut. Jadi, saya mohon pihak yang berkaitan iaitu Jabatan Agama Islam ataupun JAIS memastikan perbincangan bersama kariah masjid dijalankan supaya tidak ada berlaku perselisihan faham berkaitan dengan pembinaan masjid tersebut dan juga infra yang berkaitan. Perkara ketiga yang Taman Medan nampak ya perlu diberi perhatian adalah menaik taraf *kiosk* ataupun ruang niaga sepanjang jalan PJS 2/1 dan 2/3 di mana pada awalnya *kiosk* ini telah dibina oleh pihak MARA ya, menggunakan konsep *take away*. Itu telah dibina lebih daripada 10 tahun yang lepas ya, hampir 20 tahun. Jadi konsep *take away* ini sudah

tidak relevan lagi dalam masyarakat yang ada pada hari ini kerana mereka lebih selesa untuk bersantai bersama keluarga di tempat makan tersebut. Jadi, saya mohon pihak kerajaan melihat kemungkinan penaiktarafan *kiosk* tersebut menggunakan konsep yang lebih sesuai pada masa ini. Yang keempat adalah berkaitan dengan pembinaan pasar baru menggantikan pasar lama di Jalan Othman Petaling Jaya. Pasar basah di Jalan Othman ini merupakan satu tarikan kepada ramai penduduk bukan sahaja di Petaling Jaya tetapi juga di kawasan di luar Petaling Jaya kerana dia menawarkan barangan pada harga yang berpatutan. Hanya pasar tersebut sudah berada dalam keadaan yang agak uzur dan dari segi kebersihannya sukar untuk dijaga kerana bangunan dan juga reka bentuknya tidak memungkinkan perkara itu berlaku pada hari ini lah. Jadi, saya mohon agar dikaji pasar yang lama ini digantikan dengan baru sama ada di tapak yang sama ataupun di tapak yang baru tapi perlu diingatkan, antara tarikan kepada kawasan *PJ Old Town* ni, dengan izin, adalah pasar tersebut. Jadi sekiranya pasar baru dibina, saya cadangkan supaya dibina di tapak yang sama supaya *PJ Old Town* itu terus hidup ya, dan mempunyai pasar yang baru dan prasarana yang lebih baik. Seterusnya,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, minit terakhir ya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Seterusnya, yang terakhir juga Tuan Timbalan Speaker, ialah baik pulih stadium hoki di Petaling Jaya. Terdapat di dalam negeri Selangor ini 2 buah stadium hoki sahaja, satu di Klang dan juga satu di Petaling Jaya. Jadi, baru-baru ini kita dapat tahu pasukan hoki umur bawah 16 tahun telah menang dalam Kejohanan Hoki Malaysia namun itu tidak bererti kita boleh abaikan stadium hoki yang ada di Petaling Jaya untuk dinaiktarafkan. Saya nampak ini satu perkara yang kita perlu ambil berat kerana ia juga merupakan satu kemudahan yang boleh digunakan oleh penduduk di Petaling Jaya dan juga di kawasan-kawasan yang lain. Jadi, Taman Medan mohon, ya..

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon mencelah.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Perkara-perkara yang dibangkitkan itu..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Medan, Bukit Gasing mohon mencelah.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Silakan rakan saya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Ini nak merujuk kepada stadium hoki, sebenarnya tidak membebankan kerajaan negeri kalau nak naik taraf sebab Menteri dalam surat khabar, sekitar 2 minggu lepas telah keluar dengan besar cakap. Mohonlah kepada Kementerian untuk dana untuk naik taraf stadium hoki tersebut. Jadi saya harap boleh diusahakan dan tidak semestinya membebankan kewangan kerajaan negeri.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih kawan saya daripada Bukit Gasing. Jadi, saya mohon kerajaan negeri sambut tawaran daripada Menteri Belia dan Sukan kita minta supaya dinaiktarafkan stadium hoki. Dengan itu, Taman Medan menyokong usul Peruntukan Tambahan 2014, Perbelanjaan Pembangunan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Gasing, jurucakap Menteri Belia dan Sukan. Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kinrara ingin turut serta dalam perbahasan Perbelanjaan yang dikemukakan oleh YAB Dato' Menteri Besar. Perkara yang Kinrara ingin rujuk adalah perbelanjaan RM48 juta bagi pembinaan Jambatan Ketiga Klang dan RM10 juta bagi kerja-kerja naik taraf di sepanjang Projek Tebatan Banjir di Sg. Rasah. Di sini, Kinrara ingin harap kerajaan negeri juga jangan lupakan kawasan lain luar daripada Klang yang juga memerlukan banyak penambahan baik atau penaikan taraf sistem lalu lintas. Di sini juga ingin mengambil perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa sistem lalu lintas yang sedia ada di kawasan Bukit Tandang yang sebelah dengan Lembah Kinrara perlu dinaiktaraf selaras dengan pertambahan kenderaan yang dijana oleh kepesatan pembangunan. Satu jalan baru yang menyambungkan kawasan Bukit Tandang kepada jalan Lebuhraya KESAS yang amat berhampiran adalah amat diperlukan. Oleh yang demikian saya amat berharap agar pihak Kerajaan Negeri dapat membantu penduduk di kawasan Bukit Tandang dengan masalah sistem rangkaian jalan raya sedia ada yang tidak dapat menampung keperluan pembangunan. Saya difahamkan bahawa pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya telah membuat kajian terhadap kawasan tersebut dan menjangkakan pertambahan pembangunan sama ada pembangunan yang bersifat komersial atau kediaman berkembar di Bukit Tandang yang pasti akan memberi kesan trafik yang ketara kepada pengguna jalan raya di kawasan tersebut kerana pada masa kini hanya satu jalan iaitu Jalan Pipit yang menjadi jalan utama bagi laluan penduduk Bukit Tandang. Pihak MPSJ dalam kajian jangka masa panjang bagi penguraian trafik bagi kawasan Subang Jaya telah mencadangkan satu jalan baru antara Kolej Taylor dan Jalan PJS 9/1 di sepanjang bahagian barat Sungai Klang serta jejambat menyeberangi Sungai Klang dan Lebuhraya KESAS. Walau bagaimanapun saya memohon agar pihak Kerajaan Negeri membantu MPSJ dalam cadangan membina satu jalan yang menyambungkan Bukit Tandang terus ke jajaran Lebuhraya KESAS. Permohonan dan konsep terhadap jalan keluar dari kawasan Bukit Tandang ke KESAS telah dikemukakan oleh pihak MPSJ kepada LLM atau Lembaga Lebuhraya Malaysia pada Januari 2013. Namun saya juga difahamkan pihak LLM dan KESAS tidak menyokong permohonan ini daripada MPSJ. Jadi sekali lagi saya ingin menyeru pihak Kerajaan Negeri supaya membantu MPSJ dalam rundingan atau perbincangan bersama LLM dan KESAS supaya dapatkan satu apa yang *ingress*

atau *outgress* dengan izin dari Bukit Tandang atau Puchong Jaya ke KESAS. Dengan ini sekian Kinrara menyokong usul ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bangi

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahir Rahamanir Rahim*, Bangi juga berhasrat untuk menyokong usul bajet ini yang menunjukkan bahawa ada keprihatinan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan beberapa masalah khususnya masalah banjir yang sedang dialami dan akan dialami daripada musim ke musim di Negeri Selangor ini. Cuma ada beberapa perkara yang berkaitan banjir tidak dimasukkan ke dalam bajet tambahan ini yang telah dibangkitkan oleh Ahli Dewan pada sesi-sesi yang lepas. Saya tidak pasti sama ada Negeri terlepas pandang atau belum pandang atau tak mahu pandang lagilah kerana keluhan yang disuarakan oleh ramai Ahli Dewan tentang keadaan banjir di beberapa tempat tak masuk dalam bajet ini. Saya mengambil contoh di Kajang Bangi iaitu masalah perparitan yang merentas dari Jalan Reko melalui Taman Seroja yang begitu sempit dan sumbat yang pernah disebut pada 2008 akan dinaiktaraf. Saya tak tahu di mana statusnya dan sampai sekarang tidak ada usaha untuk menaik taraf longkang ini. Kalau kata *moonson drain*, jadi saya berharap suara yang diberikan oleh Ahli Dewan mendapat perhatian untuk kepentingan rakyat di peringkat bawah.

Kemudian berkaitan dengan kampung-kampung tradisi yang masih banyak di Selangor ini, saya percaya di Negeri Selangor sangat serius untuk memelihara kewujudan dan kestabilan kampung tradisi ini. Namun ada beberapa usaha yang telah diluluskan oleh mungkin Pihak Berkuasa Tempatan untuk membenarkan kemasukan taman-taman baru perumahan. Pembinaan taman perumahan dan pembinaan rumah-rumah kedai di beberapa kampung jadi akhirnya menyebabkan status atau nilai kampung tradisi tidak lagi wujud ataupun semakin mengecil. Saya mengambil contoh di Bangi ada dua kampung iaitu Kampung Teras Jernang dan Kampung Sungai Tangkas, ini sebagai contoh yang semakin di pulaukan dan memulau kerana adanya kebenaran dari Pihak Berkuasa untuk membenarkan pembinaan taman-taman yang jumlahnya banyak dan rumah-rumah kedai yang jumlahnya tidak sedikit. Ini pastinya mengecilkan keadaan kampung dan keresahan orang kampung melihat pembangunan begitu rupa akhirnya mereka merasakan bahawa tidak ada beza kita dengan mereka terdahulu kerana kita masih membenarkan bangunan seperti ini yang mengecilkan keadaan kampung-kampung mereka.

Kemudian mengenai cadangan mengenai para belia dalam sektor niaga. Kita difahamkan bahawa di semua kampung di Selangor ini ada gerai-gerai PLB yang katanya sedang di usaha, dirancang, dikaji keberkesanannya ataupun *availability* kelangsungan gerai-gerai ini. Saya melihat banyak gerai-gerai PLB ini sudah ketinggalan zaman dan hilang nilai komersialnya. Saya percaya satu usaha yang

bersungguh-sungguh dan fokus harus diberikan bagi membangunkan semula gerai-gerai PLB ini supaya jangan biar dia seperti hantu yang menghantui kerajaan dan orang-orang kampung kerana dia tidak memberikan nilai tambah dan nak tengok pun takut nak dekat pun tak berani tetapi ada orang meniaga, siapa meniaga silap-silap kita lihat orang asing yang meniaga di situ. Saya percaya demi kelangsungan sebagai anak muda, belia yang memerlukan tapak-tapak niaga maka usaha serius bagi membangunkan semula gerai-gerai PLB ini harus menjadi keutamaan di peringkat kerajaan Negeri Selangor.

Kemudian Tuan Speaker, saya mahu membangkitkan tentang keindahan projek pembangunan keindahan bandar yang sering kali saya bangkitkan tentang dua perkara. Yang pertama, *landscaping*. Kita harus melihat dan harus mengaku bahawa kita harus menunjukkan kita telah membuat sesuatu tetapi tak cukup kita harus menunjukkan kita memperlihatkan kita membuat sesuatu, saya sangat alu-alukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebut yang pagi tadi tentang mesra rakyat. Bukan setakat kita patut melakukan tetapi kita mahu rakyat melihat kita melakukannya. Sama seperti dengan *landscaping* ini dan kita harus menunjukkan kepada rakyat bahawa kita serius memajukan Kerajaan Negeri dengan menunjukkan *landscape* jalan yang indah dan baik termasuk tentang...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat minit terakhir.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Saya faham 5 minit lagi, termasuk tentang pembersihan jalan raya, saya belum nampak ada usaha yang menunjukkan kepada *public* kita serius. Apakah tidak wajarnya sekiranya negeri memikirkan untuk membeli *roads sweeper*. Jalan seluruh jalan raya melihat kita sapu jalan, bukan sapu tanah, sapu jalan supaya rakyat melihat kita bersungguh-sungguh kerana selagi mana tidak dibersihkan jalan dia mungkin memberikan ketidakselesaan kepada *public*.

Akhir sekali Tuan Speaker saya mohon satu desakan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan tentang rancangan mengadakan laluan alternatif bagi penduduk Taman Kajang Utama dan Bukit Mewah merentasi Lebuhraya SILK, mungkin rakan-rakan di Barisan Nasional boleh membantu juga tapi setakat ini bantuan berubah. Untuk menyatakan bahawa kita tidak sanggup tunggu lama bagi mewujudkan jalan alternatif ini kerana keresahan lebih daripada 10 tahun mereka menunggu laluan ini dan setiap kali kita turun bertemu penduduk mereka akan menyatakan pendirian sama oleh itu laluan alternatif merentasi Lebuhraya SILK ini supaya menjadi kenyataan. Tuan Speaker saya menyokong, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Timbalan Tuan Speaker, untuk memberi peluang Ijok membahas peruntukan tambahan perbelanjaan Negeri

Selangor. Ijok dapati bahawa banyak pembangunan telah ditumpukan pada pembangunan fizikal, yang Ijok nak sentuh di sini ialah jangan lupa dari segi pembangunan insan. Nombor satu, saya nak tegur sebab peruntukan bagi kesihatan di Negeri ini saya dapati sangat berkurangan sebab untuk negeri maju rakyat pun kena sihat. Kesihatan insan bermula dari perut ibu yang mengandung, bayi yang mengandung sampai dewasa. Yang Berhormat sekalian, ini penting sebab saya dapati khidmat ibu mengandung di Negeri ini sangat berkurangan yang penting kita nak melahirkan anak-anak yang cerdik dan sihat untuk negeri kita maju ke hadapan tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat sekalian. Jadi saya dapati peruntukan bagi kesihatan dari segi bidang ini penting untuk dipertingkatkan.

Nombor dua, saya dapati kemiskinan dari segi khidmat kesihatan di negeri ini lagi-lagi di Ijok. Saya dapati pesakit-pesakit kronik-kronik terlantar di rumah-rumah macam negeri tak prihatin pada pesakit-pesakit sebab mereka kalau kita, katakanlah kalau kita seorang pesakit yang terlantar di rumah. Anak-anak bekerja di bandar dan mereka tak mampu khidmat kesihatan di klinik-klinik sebab masalah logistik, anak kerja hujung minggu anak-anak yang mampu hantar tetapi klinik-klinik kerajaan tutup. Jadi saya dapati kadang-kadang pesakit kronik tak dapat rawatan selama 3 hingga 4 bulan. Jadi saya haraplah Kerajaan Selangor yang mungkin kesihatan ini banyak dalam bidang Persekutuan atau Kerajaan Persekutuan tetapi untuk negeri yang prihatin pada rakyat yang kurang mampu dari segi hendak mendapatkan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Ijok, bekas EXCO Kesihatan nak mencelah.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Setujukah Ijok yang untuk kesihatan ADUN pun kena dijaga dan sebab itu sedikit peruntukan oleh Negeri kena dibagi kesihatan ADUN-ADUN, kita telah minta pun lama-lama tak dapat.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Sabar sikit Sri Andalas, saya akan sentuh isu itu. Tadi saya kata ialah Kerajaan Negeri sepatutnya memberi peruntukan untuk memberi khidmat kesihatan kepada pesakit-pesakit yang kurang mampu pergi ke klinik-klinik seperti mewujudkan khidmat kesihatan bergerak ataupun meningkatkan *staff* untuk mengendalikan masalah ini.

Yang ketiga, saya dapati di Ijok itu dengan izin banyak rakyat *under privilege, it is under privilege population* jadi saya dapati bahawa banyak pesakit-pesakit di situ dari segi *emergency* mereka terpaksa pergi ke Sungai Buloh. Saya ingat di Ijok itu sepatutnya Kerajaan merancang untuk membuat satu hospital di Ijok untuk mengendalikan pesakit-pesakit di kawasan Bestari Jaya, Ijok yang sekarang kawasan sedang membangun Puncak Alam ya. Jadi mungkin dari segi EXCO

Kesihatan akan membuat satu perancangan untuk membina satu hospital di kawasan Ijok itu.

Akhir sekali, apa yang Seri Andalas telah bangkitkan peruntukan untuk Ahli-Ahli Dewan ya tuan-tuan, sebab Ahli-Ahli Dewan ini kena sihat untuk berkhidmat untuk negeri. Pengalaman saya masa saya masuk hospital dulu, saya terpaksa pergi *as emergency*, saya terpaksa pergi ke hospital swasta. Nasib baik saya ada *health insurance* tuan-tuan dan puan-puan, itu yang menyelamatkan saya sebab saya pergi ke hospital swasta dalam masa setengah jam. Tetapi saya dapati bahawa Ahli-Ahli DUN terpaksa kena pergi hospital kerajaan untuk mendapatkan rawatan, kalau tidak mereka kena bayar sendiri. Jadi saya harap Kerajaan Selangor akan memberi peruntukan atau pun satu kelonggaran untuk Ahli-Ahli Dewan untuk mendapatkan macam *health card*, mereka boleh pergi ke hospital-hospital swasta yang bertaraf tinggi sedikit untuk menjaga kesihatan mereka. Bukan saya nak memperlekehkan hospital kerajaan tetapi kadang-kadang masa menunggu di hospital kerajaan mengambil masa. Itu pengalaman saya, dahulu pernah di hospital kerajaan dan di hospital swasta. Saya ingat, saya memang ialah *I think*, Ahli-Ahli Dewan semua bersetuju untuk meningkatkan taraf khidmat atau pun kemudahan khidmat kesihatan pada DUN-DUN sekalian. Jadi saya harap Menteri Besar akan memberi satu peruntukan untuk Ahli-Ahli Dewan untuk dapat dapatkan khidmat kesihatan yang sempurna.

Yang akhir sekali, Tuan Speaker.....

TUAN TIMBALAN SPEAKAR: Minit terakhir ya.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Ya. Ini masalah di Ijok ialah pengangkutan awam. Nombor satu saya dapati tiada pengangkutan awam dari Kuala Selangor ke Bestari Jaya. Itu satu masalah sebab ramai orang kerja kilang, kerja di *office*. Dulu saya dapati, Kerajaan Selangor telah janji akan mewujudkan satu khidmat pengangkutan awam dari Kuala Selangor ke Bestari Jaya. Sampai hari ini belum ada apa-apa lagi saya nampak. Itu membuat penduduk bekerja ulang-alik susah lagi-lagi mereka kerja kilang, balik malam nak mendapatkan pengangkutan awam sangat sukar. Dan juga stesen bas di Bestari Jaya itu dah lama. Saya dah banyak kali pergi ke majlis, katakan mengapa stesen bas itu sangat buruk, tak dapat kemudahan *toilet* sampai hari ini tidak di *repair*, tidak diperbaiki.

Sekian, Ijok menyokong peruntukan tambahan perbelanjaan untuk negeri Selangor pada 2014. Sekian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang.

TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya menarik perhatian Dewan tentang peruntukan

tambahan pembangunan RM58,000,000.00 P.12 bagi Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR Selangor). Saban kali kita meluluskan bajet belanjawan. Implikasinya terletak pada kami juga sebagai Ahli-Ahli Dewan Negeri di peringkat kawasan. Aduan tentang antaranya masalah *delivery*, dengan izin, pelaksanaan. Baru pagi tadi saya dapat pengesahan bahawa masjid di Ukay Perdana akan disiapkan pada tahun 2014. Sedangkan aduan sudah melimpah ruah datang ke saya menyatakan bahawa tapak tanah pun baru sedang diusahakan. Jadi masalahnya akan merupakan projek ini siap lewat dan tertanggung. Isunya *delivery*, pelaksanaan bukan kewangan. Peruntukan itu setinggi RM8,000,000.00. Itu yang besar.

Kemudian, satu lagi maklumat yang saya dapat tahu kesan daripada aduan guru-guru pra-sekolah JAIS di Taman Permata. Saya mengambil bahagian dan menulis surat kepada JAIS dan dapat jawapannya pada pagi ini menyatakan bahawa benar ada kesesuaian untuk JKR melaksanakan baik pulih pra-sekolah tadika di Taman Permata. Untuk pengetahuan sidang Dewan yang mulia, peruntukannya hanya RM20,000.00. Jadi masalahnya, RM8,000,000.00 *slow delivery*, RM20,000.00 pun *slow delivery*. Jadi persoalan yang kita ambil perhatian adalah tentang pelaksanaan dan pemantauan pelaksanaan bukan masalah bajet yang hendak kita luluskan.

Untuk itu, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang tiga (3) perkara yang sedang berlaku di kawasan saya yang melibatkan juga kawasan Hulu Kelang, Bukit Antarabangsa, Gombak dan seterusnya.

Pertamanya adalah tentang jalan/laluan turun naik dari Ukay Perdana dari MRR2. Kesesakan berlaku di waktu-waktu puncak pagi dan petang. Waktu pagi kerana orang pergi kerja dan menghantar anak ke sekolah. Kerana kelewatan kelulusan tanah untuk pembahagian sekolah yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri. Jadi saya minta penjelasan bilakah dan bagaimanakah kaedah yang membolehkan Kerajaan Negeri meluluskan tanah untuk pembinaan sekolah di Ukay Perdana. Laluan itu juga akan melibatkan laluan KLORR iaitu KL *Outering Road* iaitu laluan yang besar akan berlaku di situ dan kesannya adalah kesan, impak laluan keluar kepada MRR2 daripada Ukay Perdana. Ini melibatkan beberapa usaha dan penambahbaikan laluan tepi jalan, MRR2 yang berada di dalam bidang kuasa JKR. Jadi saya ingin menyeru pihak kerajaan daripada sekarang untuk menjelaskan kaedah-kaedah yang menjadi garis panduan kepada JKR untuk menjayakan projek KLORR dan laluan keluar melalui UKAY Perdana ke MRR2.

Tuan Timbalan Speaker, yang keduanya adalah tentang apa yang telah saya sebut tadi, *Rive Life Project*, *Project Rive Life* dengan izin iaitu yang melibatkan penempatan semula penduduk, peneroka bandar di Kampung Fajar di mana di situ ada deretan kedai yang memakan kawasan rizab jalan di kawasan JKR dan saya berharap perkara ini diuruskan dengan lebih pantas agar tidak ada penangguhan

dan kelewatan dalam pelaksanaan projek ini apabila projek penempatan semula Kampung Fajar dipersetujui di tempat itu dan dimuktamadkan di situ.

Ketiganya, Tuan Timbalan Speaker adalah tentang Bukit Tabur dan Permatang Kuarza. Saya sudah bercakap dengan EXCO berkenaan dan baru-baru ini saya telah mengadakan mesyuarat dengan mengumpulkan agensi-agensi yang terbabit terutamanya Jabatan Hutan, MPAJ, Pejabat Daerah, LUAS dan beberapa agensi lain dan di mana Bukit Tabur ini merupakan tarikan pelancong, tarikan pendaki. Tempatnya terkenal, dikenalkan oleh peminat-peminat alam sekitar kerana mereka menaiki Bukit Tabur itu untuk pergi ke Permatang Kuarza. Pada hemat saya sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapat pengiktirafan di peringkat UNESCO sebagai *World of Heritage* atau pun Taman Warisan. Oleh kerana tempat itu mempunyai tarikannya tersendiri, pemandangan yang indah. Ramai orang pergi, *first timer* dengan izin, tanpa persediaan, bersuka ria dan *under estimated* keadaan itu dan berlaku selalu kecelakaan. Setakat ini telah berlaku sembilan (9) kematian, mereka yang terjatuh daripada tempat-tempat yang tinggi. Kesannya adalah kerana apabila kami teliti adalah tidak ada pemantauan yang baik sedangkan tempat itu adalah satu tempat yang boleh dinaiktaraf sebagai kawasan pelancongan bertaraf dunia kerana ada pelancong-pelancong dan pendaki-pendaki bertaraf dunia yang naik ke situ untuk menikmati keindahan alam di situ. Dengan itu, kami telah mengadakan satu perjumpaan dengan agensi-agensi dan kami bersetuju untuk mengangkat satu surat memohon kepada EXCO berkenaan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kajian Permatang Kuarza untuk menjadikan tempat itu sebagai pusat pelancongan, pendakian, rekreasi yang bertaraf dunia. Impian kami adalah untuk menjadikan tempat itu sebagaimana diuruskan seperti Taman Negara, Gunung Kinabalu. Dengan peraturan yang tetap, dengan peraturan yang teratur, dengan *guidenya*, dengan keselamatannya, semoga tempat itu akan menjadi tarikan di dunia. Jadi sekian, saya mohon menyokong usul ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker di atas diberi peluang kepada saya untuk bersama-sama untuk menyokong tentang usul peruntukan tambahan No. (1) 2014. Tanjung Sepat melihat tentang perkembangan atau pun tentang cadangan peruntukan tambahan pada sidang kali ini Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor sebanyak RM58,000,000.00. Tanjung Sepat melihat bahawa aspek pemantauan dan penyelenggaraan ini perlu dilihat secara menyeluruh supaya wang rakyat ini tidak dibazirkan atau pun tidak semata-mata kita melaksanakan pembangunan atau pun pembinaan jalan raya atau pun parit-parit atau pun longkang-longkang kerana dengan tidak adanya pemantauan atau penyelenggaraan yang sempurna sudah pasti pembinaan ini akan menjadi sia-sia yang akan mengakibatkan kerosakan, apatah lagi apabila hujan lebat ia akan menyebabkan berlakunya banjir.

Maka sebab itu, Tanjung Sepat terpanggil untuk memberi peringatan agar aspek pemantauan dan penyelenggaraan ini diambil kira dengan sewajarnya dan bersungguh-sungguh dengan mengetengahkan cara atau pun koordinasi di antara jabatan-jabatan yang berkaitan. Dalam kesempatan ini juga, Tanjung Sepat ingin menyuarakan tentang masalah jalan raya utama yang menghubungkan di antara Morib terus ke Tanjung Sepat dan terus juga ke pusat rekreasi yang agak terkenal di negara kita ini iaitu Pantai Bagan Lalang yang di sana adanya Gold Coast Bagan Lalang.

Tuan Timbalan Speaker, jalan ini adalah merupakan jalan utama yang dilalui oleh semua masyarakat di sana dan juga masyarakat pelancong daripada luar. Maka sebab itu, Tanjung Sepat memohon agar jalan utama ini diperbaiki atau pun dinaiktarafkan supaya tidak berlaku kemalangan-kemalangan yang tidak diinginkan. Hari ini, jalan tersebut kalau tuan-tuan daripada Morib ke Tanjung Sepat terus ke Bagan Lalang, jalannya sangat uzur dan memerlukan perhatian yang wajar daripada Kerajaan Negeri supaya jalan ini dapat dinaiktarafkan.

Yang keduanya, dalam kesempatan ini juga Tanjung Sepat ingin menyuarakan bahawa satu kegiatan ekonomi yang boleh memberi impak yang tinggi kepada masyarakat DUN Tanjung Sepat. Kalau tuan-tuan sidang Dewan maklum bahawa Tanjung Sepat ini adalah merupakan kawasan pertanian dan majoriti penduduknya adalah merupakan mereka yang bergantung harap dengan hasil pertanian. Maka dalam sidang kali ini, Tanjung Sepat mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memperuntukkan sedikit peruntukan untuk memberi perhatian kepada Pantai Batu Laut untuk dinaiktarafkan sebagai salah satu lokasi tarikan pelancong kerana di sana telah pun ada satu aktiviti yang terkenal iaitu adalah merupakan satu pusat latihan perahu layar yang dapat melahirkan anak-anak tempatan menjadi atlet yang terkenal di antarabangsa.

Untuk makluman Dewan sekalian, baru-baru ini dalam sukan SEA yang lalu, anak kelahiran Tanjung Sepat telah pun mencipta nama sehingga mendapat pingat emas, pingat perak dan juga pingat gangsa di mata dunia. Maka sebab itu, Tanjung Sepat terpanggil untuk memohon kepada Kerajaan Negeri supaya menaiktarafkan kemudahan atau pun prasarana yang terdapat di Pantai Batu Laut ini agar ianya menjadi satu lokasi tarikan baru kepada pelancong-pelancong luar.

Tuan Timbalan Speaker, yang akhirnya Tanjung Sepat ingin memohon atau pun ingin pengesahan daripada Kerajaan Negeri tentang permohonan Tanjung Sepat untuk memperbaiki atau pun menaiktarafkan Jeti Tanjung Sepat yang telah pun runtuh pada 25 Jun 2013 yang lalu. Dengan ini, Tanjung Sepat menyokong usul peruntukan tambahan no. (1) 2014. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan jika ingin menjelaskan apa-apa perkara. Ok, Teratai ya.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Teratai untuk menyertai perbahasan bagi usul peruntukan pembangunan tambahan. Tuan Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Pegawai Kerajaan, hadirin sekalian. Bagi usul peruntukan pembangunan tambahan No. 1 Tahun 2014 ini melibatkan dua Vot iaitu Vot P01 dan juga Vot P12 yang melibatkan Pejabat Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Bagi Vot P01, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan jumlah tambahan RM179 juta yang melibatkan bayaran pengambilan balik tanah bagi projek tebatan banjir Sungai Rasah, Shah Alam dan juga bayaran Projek Mitigasi 2 melalui pinjaman persekutuan dengan jumlah RM149 ribu Teratai di sini ingin meminta penjelasan Kerajaan Selangor bahawa semasa tanah *Canal City* dibatalkan, kemudian dijual kepada pihak syarikat, adakah Kerajaan Negeri Selangor mengambil kira projek pembinaan tebatan banjir ini yang merupakan sebahagian daripada projek *Canal City* berkenaan. Adakah kos pembinaan tebatan banjir Sungai Rasah ini merupakan sebahagian harga jualan tanah berkenaan. Teratai merujuk kepada laporan Sinar Harian yang bertarikh 22 hari bulan Oktober 2012 berkenaan dengan Projek Mitigasi 2 yang mana berbunyi Projek Mitigasi 2 melibatkan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 dan Fasa 3 dengan kos RM606 juta yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi pelaksanaan Projek Mitigasi untuk memastikan penggunaan air di kawasan kritikal supaya tidak menghadapi krisis air menjelang tahun 2016. Teratai hendak mendapatkan kepastian di dalam dewan yang mulia ini sama ada RM606 juta yang dilaporkan itu merupakan pinjaman ataupun geran daripada Kerajaan Persekutuan?. Apakah peranan atau sumbangan atau dana Kerajaan Persekutuan dalam menolong rakyat dalam isu air ini. Teratai di sini ingin juga menarik perhatian Kerajaan Selangor berkenaan dengan kawasan DUN Teratai di mana kawasan ini dipecah belah kepada 2 bahagian. Teratai difahamkan bahawa terdapat satu jalan yang sepatutnya dibina menyambungkan kawasan Taman Bukit Teratai dengan kawasan Cheras Hartamas. Pada masa ini, Teratai terpaksa keluar daripada sempadan Selangor masuk ke kawasan Wilayah Persekutuan baru bolehlah sampai ke kawasan Cheras Hartamas iaitu satu bahagian lain di bawah DUN Teratai. Teratai merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Selangor sekiranya Kerajaan Negeri Selangor dapat memberi geran untuk membina satu jalan penyambungan supaya kawasan DUN Teratai menjadi satu kawasan DUN yang tidak pecah kepada beberapa bahagian, malahan dengan pembinaan jalan utama ini, ini boleh memberi satu laluan alternatif kepada penduduk-penduduk di kawasan Cheras Hartamas untuk keluar masuk yang mana hanya terdapat satu jalan utama keluar masuk buat masa kini. Bagi Vot P12, yang melibatkan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor dengan melibatkan bajet tambahan lebih kurang dengan melibatkan bajet tambahan RM58 juta itu Teratai di sini sekali lagi membawa permohonan Teratai supaya Kerajaan Selangor boleh menyediakan satu pelan tindakan menambahbaikkan keadaan lalu lintas di DUN Teratai yang mana masalah kesesakan lalu lintas berlaku sekian lama, tetapi belum dapat diselesaikan. Kerajaan Pakatan Rakyat yang

merupakan *problem solver* dengan izin memang dapat menyelesaikan masalah rakyat yang dihadapi di Selangor ini, penduduk-penduduk DUN Teratai pada masa kini terpaksa bangun awal dan keluar dari rumah sebelum pukul 7 pagi sebelum matahari terbit demi mengelakkan kesesakan lalu lintas. Kerajaan Selangor yang kini mohon untuk peruntukan tambahan untuk Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor dengan melibatkan pembinaan Jambatan Ke-3 Klang yang merupakan satu jambatan yang penting untuk penduduk-penduduk di kawasan Klang dan juga bagi kerja-kerja menaiktaraf jalan di sepanjang projek tebatan banjir di Sungai Rasah Shah Alam ini seharusnya juga boleh menambahkan peruntukan tambahan untuk menyelesaikan masalah-masalah lalu lintas di kawasan lain di Negeri Selangor. Jadi Teratai dengan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat satu minit lagi.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih. Maka dengan ini Teratai menyokong usul peruntukan tambahan, usul No.1 Tahun 2014 usul peruntukan pembangunan tambahan No.1/2014 ini. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan jika ingin menjelaskan apa-apa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi. Chempaka.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Tuan Pengerusi, Tuan Speaker, Hulu Kelang membangkitkan tentang projek ataupun peneroka-peneroka bandar di Kampung Fajar. Kampung Fajar ini termasuk dalam penyelesaian *River of Life*. Pihak Kerajaan Persekutuan telah mengemukakan satu cadangan kepada Kerajaan Negeri dan telah dimaklumkan dalam MTES dan apa yang kita bincangkan adalah pihak Kerajaan Persekutuan ingin membina rumah yang hanya untuk mereka yang peneroka bandar yang berada di situ. Tetapi Kerajaan Negeri berpandangan bahawa oleh kerana kawasan itu adalah lebih luas lebih baik diperuntukkan atau dibina rumah lebih daripada apa yang ada di situ supaya rumah-rumah yang lebih selebihnya itu dapat dijual, dapat masuk ke dalam stok perumahan mampu milik untuk penduduk lain di kawasan tersebut. Perkara kedua adalah penyelesaian Kerajaan Persekutuan adalah untuk membina rumah kos rendah. Kita menegaskan bahawa peneroka-peneroka bandar ini perlu diberikan satu penyelesaian yang lebih daripada itu. Oleh itu, kita telah meminta atau mengarahkan kepada Kerajaan Persekutuan melalui agensi tersebut agensi yang terbabit supaya memberi satu penyelesaian yang lebih baik daripada rumah kos rendah kepada penduduk atau peneroka bandar di Kampung Fajar, ini termasuk dengan ruang-ruang perniagaan yang sekarang ini bersepah atau berselerak di tepi jalan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin respons ataupun maklum balas sedikit tentang apa yang dibangkitkan oleh Ijok. Ijok ini saya ucapkan terima kasih lah sebabnya mungkin sebab beliau latar belakangnya pakar sakit puan jadi prihatin sangat tentang kesihatan wanita. Jadi saya ingin menyatakan di sini, Alhamdulillah menyedari tentang betapa pentingnya kesihatan wanita bermula daripada sama ada wanita itu mengandung ataupun ia sendiri wanita, sebenarnya di bawah STANDCO Jawatankuasa Tetap Kebajikan kita juga telah merangka beberapa program yang berkaitan tentang kesejahteraan rakyat iaitu program yang menyentuh tentang kesihatan terutama dari segi aspek sama ada kelihatan itu akan kita, program-program ini akan datang langsung secara langsung ke rumah ataupun kita memastikan bahawa kos-kos kesihatan yang sepatutnya ditanggung oleh rakyat kerana pergi ke klinik ianya dapat diselesaikan dengan beberapa program yang akan saya bacakan di sini. Iaitu yang pertamanya kita telah pun mempunyai beberapa kerjasama dan badan-badan NGO yang telah pun sudi untuk membuat program-program lawatan rumah ke rumah untuk membantu individu yang memerlukan perkhidmatan kesihatan ini dapat dibantu secara terus dan ianya tanpa kos yang dikenakan. Yang keduanya, Kerajaan Selangor iaitu di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah pun meluluskan satu projek perintis iaitu programnya yang dinamakan 'Relawan Keluarga' iaitu 10 orang yang telah pun diluluskan Kerajaan Negeri untuk memulakan projek-projek, program-program minta maaf, program-program kesihatan untuk pergi rumah ke rumah dan ia tertumpu kepada program yang ditumpukan di kawasan-kawasan yang penduduknya padat seperti di rumah-rumah pangsa kos rendah dan juga rumah-rumah PPR yang ada di seluruh Selangor. *Insyah-Allah* tak lama lagi, program ini akan dilancarkan dan saya harap program ini dapat sambutan yang baik. Yang ketiganya, di bawah Pusat Wanita Berdaya salah satu program yang telah pun bermula ya daripada awal bulan Mac iaitu program penyediaan makanan sihat keluarga. Ianya adalah satu salah satu program yang untuk memastikan bermula daripada wanita ia akan memastikan kesihatan keluarga ini dapat di buat supaya sebab saya meyakini bahawa di antara aspek kesihatan yang boleh dijaga adalah bila mana kita mencegah lebih baik daripada kita merawat *Insyah-Allah* dan akhirnya saya ingin mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat ucapan titah Tuanku yang telah pun Tuanku bacakan semasa beliau semasa Tuanku memberikan ucapan iaitu ada satu program yang difahamkan di peringkat ini iaitu 5 orang belia setiap kampung yang akan dipilih salah satunya untuk memberikan satu tumpuan iaitu program perbidanan. Tak ada orang pun yang tanya hari itu ya, jadi saya pun tidaklah menerangkan dengan secaranya tetapi apa yang ingin saya beritahu di bawah program pembangunan desa dengan usaha sama Jawatankuasa Tetap Wanita, *Insyah-Allah* kita akan memilih juga ya seorang belia wanita yang akan kita berikan kemahiran, kemahiran untuk mereka sebolehnya ia melaksanakan program seperti bidan-bidang kampung iaitu melawat ya mereka-mereka yang memerlukan kesihatan dari rumah ke rumah. *Insyah-Allah* ini adalah satu program yang kita yakin dengan lawatan yang ada ini dengan *skill* yang kita berikan kepada belia wanita yang mungkin tidak dapat

melanjutkan pelajaran tetapi dengan kemahiran yang ada ini mereka memberikan khidmat kepada masyarakat dengan cara yang berlainan iaitu dengan memberikan perkhidmatan kebajikan tetapi akhirnya beliau boleh dapat pendapatan, berpendapatan daripada apa itu perkhidmatan yang beliau berikan *Insyah-Allah*. Jadi, itu sahaja jawapan daripada saya Tuan Timbalan Speaker, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Lanjan ya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya hanya ingin jawab secara ringkas 2 perkara yang dibangkitkan oleh Dengkil juga Hulu Kelang. Soalan Dengkil adalah adakah kita ada penyelesaian kepada isu ammonia, jawapannya adalah ya. Cadangan telah diberi kepada loji syarikat yang mengendalikan loji pembersihan air untuk menggantikan *filter* dengan *media sodium allumino silicate* di mana ianya bakal mengurangkan kadar ammonia di dalam air mentah dan kos keseluruhan bagi cadangan tersebut adalah RM5 juta dengan anggaran tempoh kerja penggantian dan pemasangan antara 6 hingga 8 bulan. Pada masa yang sama, penyelesaian jangka masa panjang *long term solution* dengan izin ialah untuk menunggu, masalahnya kita terpaksa menunggu satu sistem *integrated sewerage treatment plan* di bina di Kawasan Langat tersebut kerana sekarang ada projek di bawah Kerajaan Pusat dan dijangka akan habis hanya pada tahun 2017. Jadi, penyelesaian yang paling bagus adalah untuk seperti yang saya sebut iaitu untuk menggantikan *filter* di loji pembersihan air. Hulu Kelang telah mencadangkan bahawa satu.....

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Minta penjelasan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Lanjan, boleh mencelah

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Oh ya, boleh.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya untuk cadangan yang dikatakan oleh Yang Berhormat EXCO untuk menaik tarafkan *filter* iaitu penapis di loji rawatan yang memakan kos lebih kurang RM5 juta tu adakah ia dapat dilaksanakan sekarang kerana aset tersebut, loji tersebut masih di bawah Puncak Niaga dan adakah mereka membenarkan Kerajaan menaik tarafkannya ataupun mereka menaik tarafkan penapis itu dengan kos mereka. Dan satu lagi, saya amat sedihlah kerana loji rawatan di Batu 11 ditutup lagi semalam kerana alasan yang sama iaitu tahap ammonia yang tinggi tetapi ini saya terima banyak panggilan telefon dan saya pun berasa hairan mengapa ia boleh berlaku memandangkan sekitar kawasan tersebut hujan tiap-tiap hari. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Balakong. Balakong juga antara yang, antara mangsa-mangsalah semasa ada kenaikan ammonia di

kawasan tersebut. Mengapa ada kenaikan ammonia? Itu adalah satu perkara yang Lembaga Urus Air Selangor juga sedang semak, cuma saya ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini di kawasan tersebut lembangan Langat terdapat lebih daripada 200 STP *Sewage Treatment Plan*. Jadi kadang kala kalau air hujan itu tidak mencukupi ataupun hanya hujan di bahagian hilir maka mungkin air hujan itu tidak cukup, mencukupi untuk mencairkan ammonia tersebut.

Keduanya, soalan pertama. Adakah Puncak Niaga akan menaik taraf. Saya rasa ini adalah satu perbincangan yang Kerajaan Negeri Selangor perlu adakan dengan Puncak Niaga. Saya rasa tidak perlu kita tunggu sehingga penstrukturan semula aset-aset air berjaya ataupun ditandatangani. Apa yang perlu difahami oleh semua pihak adalah semua pihak perlu menangani isu ini kerana kita tidak boleh menunggu sehingga projek Pusat menghabiskan pembangunan pembinaan *Integrated Sewage Treatment Plan* di kawasan Langat tersebut selesai pada tahun 2017. Juga akhirnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, kalau kita semak semua STP, *Sewage Treatment Plan* masalah yang kita hadapi di Lembaga Urus Air Selangor adalah semua menepati had piawaian yang ditetapkan oleh Akta Alam Sekitar. Masalahnya, kalau kita campurkan ke semua itu dan kita lihat bila mereka diluluskan dan sebagainya maka ada had-had yang berbeza. Jadi untuk kita tutup STP tersebut itu pun tidak boleh kerana mereka tidak meningkat lebih daripada had piawaian tersebut.

Hulu Klang telah cadangkan untuk adakah satu pelancongan yang khas di Bukit Taboh dan juga di Permatang Kuantza dan memang betul keselamatan di kawasan tersebut ada sedikit masalah. Oleh sebab itu pada awal tahun ini 2014 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menghadkan orang yang mendaki Bukit Taboh dengan pengeluaran satu permit, kedua; mereka ada *equipment* ataupun alat-alat mendaki yang mencukupi dan mereka tidak boleh jalan sahaja ke Bukit Taboh. Namun begitu, satu perancangan yang lebih mantap akan dibuat supaya kita boleh dapat memanfaatkan Bukit Taboh sebagai satu tapak pelancongan eco yang berwarisan di negeri Selangor.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Berhubung dengan STP *Outlet* Piawaian saya nak minta penjelasan Y.B. EXCO *environment* kalau kita tidak boleh tutup STP salah satu STP untuk mengurangkan ammonia *concentration* dan kita tak boleh jalankan untuk loji rawatan air. Loji rawatan air adalah lebih penting sekarang. Adakah kalau kita tutup 10 *percent* daripada STP itu. Adakah ini wajar atau pun boleh tak dilaksanakan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Damansara Utama. Saya rasa mungkin ada bencana yang lebih teruk kalau kita tutup 10% daripada STP kerana kita tidak tahu macam nak alih sewage tersebut.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *Can we sent the sewage the some where in the Langat. But It's a possible I just asking.*

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: *It is not possible* dengan izin. Memang itu adalah satu cadangan yang telah dibangkitkan pada awal bulan Februari tetapi itu tidak bukan penyelesaian tersebut. Saya juga ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini bahawa kadar atau pun tahap ammonia sebenarnya bukan pada tahap yang terlalu tinggi. Biasanya kalau saya rasa Y.B. Balakong selalu dapat laporan 3ppm, 4ppm, 5ppm, itu kalau mendidih air tersebut tiada seorang pun akan jatuh sakit. Itu kita telah dapat kepastian daripada pakar perubatan dan juga kesihatan. Cuma di peringkat loji pembersihan air, mereka tidak dapat merawat ammonia lebih daripada kadar yang ditetapkan sebagai dengan izin *WHO Drinking Water Quality*. Maksudnya mereka langsung tidak boleh merawat ammonia. Itu adalah masalah pokok, jadi kita perlu adakan sistem untuk merawat ammonia diletakkan di loji rawatan air ataupun loji pembersihan air kerana pada masa kini, masa ini mereka memang tidak boleh merawat air lebih daripada 1.5 ppm *with is drinking water quality*.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sekiranya masalahnya itu ammonia yang disebabkan oleh *service tank*, saya ingin bertanya mengapakah kita tidak mencari penyelesaian dengan pengurusan *service tank* itu, iaitu IWK kalau saya tak silap.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Saya rasa IWK telah memberi kerjasama yang amat bagus dan bila kita turun ke padang untuk mengukur ataupun mengambil *sample* untuk analisa dan sebagainya mereka di bawah tahap had piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. *So* dengan izin *they have comply like with all the necessary levels of ammonia*. *So* itu isunya. Mereka tidak melanggar apa jua undang-undang atau peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Cuma kerana ada terlalu banyak STP dan ini termasuk STP persendirian bukan sahaja IWK jadi terdapat *overloading* dengan izin di sungai tersebut dan tambahan pula Puncak Niaga di loji pembersihan air tidak boleh merawat ammonia.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Puan Speaker. Masalah air ini ialah amat besar, lama dan telah menjejaskan imej Kerajaan Negeri Selangor. Ijok ingin menanya, adakah langkah-langkah positif diambil oleh kerajaan atau Y.B. EXCO untuk meningkatkan imej kita dengan izin *life is all about perception*. *Perception* Kerajaan Negeri Selangor telah menurun teruk. Jadi, saya cadangkan bahawa

adakah dengan izin *our PR management and reach management is adequate to handle the person situation*. Sekian.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Ijok. Masalahnya saya bukan nak meningkatkan, kerja saya bukan meningkatkan persepsi tetapi menurunkan ammonia. Saya juga, sebelum saya lupa sebenarnya Lembaga Urus Air Selangor kita tidak tunggu Puncak Niaga menaik taraf loji pembersihan air. Kita juga tidak tunggu Kerajaan Pusat habiskan ataupun tamatkan projek *Integrated Sewage Treatment Plan*. Lembaga Urus Air Selangor juga telah mengeluarkan notis kepada sesiapa termasuk syarikat-syarikat antarabangsa untuk datang ke Selangor kalau mereka ada *solution* ataupun penyelesaian jangka masa sederhana *medium term* dengan izin maka kita akan guna teknologi tersebut dan saya dengan, saya baru dapat maklumat yang terbaru adalah, ada satu syarikat *international*, antarabangsa yang sedang bekerjasama dengan Lembaga Urus Air Selangor. Mereka yakin, mereka akan boleh, mereka bakal menyelesaikan masalah ammonia di Selangor khususnya di dekat Sungai Langat. Yang saya ingin tekan sekali lagi adalah pendapat Kerajaan Negeri Selangor dan juga Lembaga Urus Air Selangor adalah kalau peningkatan ammonia yang sangat sedikit seperti 3 ppm, 4 ppm sampai 5 ppm ini sebenarnya tidak menjejaskan kesihatan ataupun kualiti asalkan air itu di didih sebelum minum dan sebagainya. Maksudnya, kalau kita boleh cari penyelesaian untuk merawat air *effluen discharge* dan sebagainya dengan izin sebelum ianya di peringkat loji pembersihan air saya rasa itu dah cukup. Cuma sekarang ada seperti yang disebut oleh Balakong, mungkin projek itu tidak boleh dijalankan kerana penstrukturan semula air, aset-aset air belum habis. Jadi kita cari penyelesaian yang alternatif juga iaitu dengan mendapat kerjasama daripada syarikat-syarikat antarabangsa.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Boleh saya.....

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Ya, Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Y.B. tak *answer*, tak jawab soalan saya. Yang saya maksud, maklumat masalah air ni, ialah tak sampai kepada rakyat, itu yang penting sebab untuk meningkatkan persepsi kerajaan, maklumat yang seluruh, yang tepat sepatutnya rakyat kena kenal pasti apa masalah air di negeri Selangor. ADUN sendiri pun kami tak berapa faham. Kadang-kadang tak berapa dapat maklumat yang betul, yang penting rakyat memandang kepada kerajaan, jadi saya nak tanya *what is our PR department is doing*. *We getting a PR department PR company* atau *reach Management Company to improve out image*.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih, Ijok. Mungkin soalan itu *we getting* kita boleh tukar kepada *we should be getting*. Maksudnya kita sepatutnya ada satu pendekatan ataupun penerangan yang lebih jelas, yang lebih baik, yang lebih memuaskan supaya isu-isu masalah air boleh disampaikan kepada

rakyat dan saya ambil teguran dan juga nasihat daripada Ijok dan saya akan cadangkan kepada Lembaga Urus Air Selangor untuk memastikan bahawa penerangan dan juga fakta-fakta itu boleh disampaikan kepada rakyat, yang lain saya akan serah kepada EXCO Penerangan Negeri Selangor.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Penjelasan.

TUAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Puan Speaker. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO mengenai beberapa isulah. Yang pertama, sepanjang ini kami tahu bahawa semua loji kumbahan sepatutnya di bawah IWK, tetapi sekarang dikatakan ada terdapat STP persendirian. Bolehkah kami tahu siapakah pemiliknya dan adakah apa-apa pemeriksaan dilakukan di STP tersebut dan seterusnya mengenai modal di mana RM5 juta untuk menaik taraf penapis di loji-loji rawatan air. Adakah perbincangan antara Puncak Niaga dan Kerajaan Negeri dimulakan dan siapakah akan menanggung kos tersebut. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Akhirnya tanggungan kos itu adalah rakyat kerana kalau dikeluarkan daripada Puncak Niaga itu rakyat, kalau dikeluarkan daripada Kerajaan Negeri pun rakyat. So akhirnya siapa akan.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Siapa yang bayar dulu.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Siapa akan mendahului, itu kota boleh *negotiate* ataupun kita boleh runding. Tetapi akhirnya saya rasa itu perlu dibuatlah tidak kira dekat Bukit Tampoi ataupun Cheras Batu 10 tetapi semua loji pembersihan air perlu ada sistem tersebut.

Keduanya; di mana STP persendirian tersebut. Sebenarnya di kawasan perumahan yang agak lama ataupun yang telah dibangunkan mungkin 30, 40 tahun yang sebelum ini, jadi STP tersebut akan diintegrasikan dalam *Integrated Sewage Treatment Plan* yang saya sebut tadi supaya tidak ada isu ataupun tidak ada masalah untuk menyelenggarakan STP persendirian tersebut.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Y.B. EXCO belum *answer* lagi yang bila sistem *filter* itu akan dipasang sama ada perbincangan sudah bermula. Memang kita tahu kemarau yang bulan lepas bukan kemarau yang sebenar, kemarau yang *coming is the dry season we need to up*. So I think we need to discuss and then we need to make the make sure the filter is up before the dry season.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tetapi saya sudah maklum kepada Yang Berhormat Damansara Utama bahawa kita mengambil pendekatan yang berbeza ataupun penyelesaian berbeza iaitu dengan izin *we made an open call to receive difference solution from international companies. So not necessarily just installing and the additional filter* dekat loji pembersihan air dengan izin. So kalau perkara itu cadangan yang kita dapat, saya rasa penyelesaian tersebut lebih cepat daripada yang saya telah sebut iaitu menggantikan ataupun menambah satu *filter* di loji pembersihan air Puncak Niaga. *Because that will take six to eight months* (dengan izin).

TUAN SPEAKER: Y.B. Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri yang mana sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan menyentuh berkaitan perkara-perkara yang berkaitan dengan lalu lintas, kualiti jalan, jalan sempit, jalan berlubang dan sebagainya sehinggalah masalah longkang yang sempit, yang tidak sekata dan akhirnya menyebabkan banjir dan sebagainya yang saya kira ini adalah perkara-perkara yang sangat penting untuk kita selesaikan dan saya telah mengambil catatan-catatan ini dan *Insyah-Allah* kita akan bincangkan dengan agensi-agensi yang terlibat dan bagaimana kita dapat memperbaiki berkaitan dengan jalan-jalan dan juga sistem saliran yang kita ada yang akhirnya *Insyah-Allah* rakyat akan mendapat manfaat.

Cuma saya kira, peruntukan-peruntukan yang cukup besar perlu untuk kita utuskan dalam perancangan baik pulih penyelenggaraan jalan, perparitan dan sebagainya. Sebagai contoh Tebatan Banjir Sungai Rasah sahaja kita memerlukan secara keseluruhan projek itu adalah perbelanjaan yang kita anggarkan lebih daripada RM130juta untuk kita perlukan bagi melaksanakan projek tebatan banjir tersebut.

Cuma saya ingin menyentuh beberapa perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Satu adalah daripada Taman Medan berkaitan dengan stadium hoki yang mana kerajaan negeri pernah membincangkan perkara ini dan kita memberikan tanggungjawab ini kepada PBT yang berkaitan dengan stadium yang berada di kawasan itu. Mungkin ada beberapa perkara yang mana tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kita akan membawa perkara ini di dalam peringkat perbincangan pihak kerajaan negeri dan *Insyah-Allah* kita akan putuskan penambahbaikan ataupun baik pulih stadium-stadium yang ada ini dan saya sendiri lihat bahawa pada hari ini pasukan-pasukan hoki di negeri Selangor telah menunjukkan penambahbaikan daripada pencapaian-pencapaian. Seperti mana yang dimaklumkan tadi, baru-baru ini di bawah 16 tahun sebagai johan dalam Kejohanan Hoki Milo yang berlangsung. Kedua, berkaitan dengan kemudahan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan. Mencelah, mencelah.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Bilakah keputusan dibuat untuk menaiktarafkan stadium hoki tersebut dan adakah kerja-kerja baik pulih itu akan dibuat sendiri oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau dibuka kepada (maksudnya dibukakan kepada) awam untuk sama-sama terlibat untuk menaiktarafkan prasarana tersebut?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Dalam perbincangan tempoh hari, kita menyerahkan kepada PBT untuk memberikan (kita memberikan tanggungjawab kepada PBT untuk melaksanakan penambahbaikan ini). Dan kerajaan negeri bersedia untuk memberikan peruntukan dalam bentuk pinjaman kepada PBT tersebut. Mungkin itu antara sebab yang mungkin ianya tidak dapat dilakukan. Walau bagaimanapun, sekiranya keputusan untuk kita menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri, sudah tentulah sistem tender terbuka dan harga terendah yang akan kita praktikkan dalam polisi kerajaan negeri pada hari ini.

Perkara yang kedua berkaitan dengan kemudahan awam yang dibangkitkan oleh Bangi berkaitan kedai luar bandar ataupun bengkel luar bandar yang saya kira cukup banyak di negeri Selangor ini yang mana pada hari ini mungkin daripada segi penyelenggaraan kita tidak *up to date* (dengan izin). Cuma mungkin ini akan dibincangkan di peringkat negeri apakah polisi ataupun dasar yang kita nak ambil kerana sebahagian besar daripada kemudahan-kemudahan awam ini (gerai-gerai, bengkel dan sebagainya) memang terlalu uzur. Ada peruntukan yang kita utuskan di bawah pejabat daerah (pembangunan daerah) dahulunya sebahagiannya memang perlu di (sudah tidak boleh digunakan), perlu dirobuhkan tetapi masih berlaku penambahbaikan, baik pulih dan sebagainya. Saya kira kadang-kadang ini juga membazirkan wang rakyat. Cuma sudah tentulah di peringkat perbincangan kerajaan negeri perlu ada satu dasar sama ada kita nak robohkan ataupun kita nak baik pulih ataupun kita nak bina baru kemudahan-kemudahan ini yang sudah tentulah saya yakin bahawa kalau di kawasan luar bandar ia cukup bermanfaat kepada rakyat di kawasan luar bandar terutamanya belia-belia kita di kawasan luar bandar itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Y.B. Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Ijok tadi yang dengan penambahbaikan pengangkutan awam di Kuala Selangor iaitu daripada Ijok ke Bestari Jaya. Satu Jawatankuasa Rancangan Induk Pengangkutan Darat yang dipengerusikan oleh Pengarah UPEN dan diurusetikan oleh SPAD telah pun ditubuhkan dan akan

memberi fokus kepada penambahbaikan sistem pengangkutan awam di kawasan-kawasan luar ke KL dan projek perintis adalah di Kuala Langat di mana projek ini akan bermula pada November 2014 ini. Yang projek pertama adalah penambahbaikan terminal dan juga akan melihat kepada jaringan perkhidmatan pengangkutan awam ini. Dan sementara itu selepas Kuala Langat, projek kemudiannya adalah di Kuala Selangor di mana *facility* tadi sedang dijalankan dengan harapan jangka masa yang terpendek dapat dilaksanakan juga projek penambahbaikan pengangkutan awam di Kuala Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Speaker, saya akan cuba menjawab dan juga menerangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perbincangan belanjawan tambahan. Pertama Yang Berhormat dari Sekinchan membangkitkan tentang isu piagam pengguna. Sudah tentulah piagam pengguna ini mempunyai erti yang penting dari segi usaha untuk memberitahu pelanggan tentang keupayaan jabatan-jabatan tersebut. Saya memandang perkara ini sangat satu perkara yang sangat berat kerana oleh kerana kita berjanji untuk menyiapkan kerja dalam masa seminggu, kita perlu menyiapkan sebelum itu supaya kepercayaan pengguna terhadap kepada kita.

Walau bagaimanapun, saya telah mengadakan beberapa perbincangan. Pertama yang terpeting ialah perbincangan mengenai pembayaran. Pembayaran *claim* yang sepatutnya dibayar. Itu penting. Sebab dalam kenyataan piagam pengguna dikatakan dalam masa 3 hari, tapi kalau sebenarnya dia bayar sebulan, kita akan gunakan. Saya akan bawa satu cara iaitu kalau kita lambat bayar kita bayar lebih. Jadi, itu dan rekod pembayaran itu. Jadi itu akan memberikan tindakan kepada mereka yang membayar itu kena membayar sebelum masa sebab kalau tidak dikenakan *fine*. *Fine* membayar kepada orang itu. Ini berlaku dalam syarikat-syarikat ternama. Antaranya sebagai contoh (saya nak bagi contoh) di dalam pengalaman komersial. Pembuat piza akan memberitahu dia akan bagi piza itu (dia siapkan piza itu dalam masa 20 minit), tapi kalau dia bagi piza itu lebih daripada 20 minit jadi 25 minit, dia kena bayar lagi satu piza. Jadi itu dia punya cara. Jadi itu saya kita boleh *introduce* budaya menepati masa. Budaya menepati masa ini ialah dan budaya menepati janji. Itu satu budaya yang sangat penting yang perlu kita laksanakan.

Kedua, mengenai lampu isyarat di Batu 10 yang bertambah-tambah. Saya rasa inilah satu perkara yang paling (sangat) sukar dirancang apabila perancangan kita ini dibuat dengan tiada disiplin yang tidak boleh memberikan orang membuat pembinaan jika mereka tidak mendapat kelulusan seterusnya. Dan kedua, saya dapati kalau ada pembangunan-pembangunan itu kita mesti mengadakan satu sistem apa yang dipanggil sistem jalan raya bertingkat ataupun untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Dan ini akan perkara yang ditimbulkan ini dari Rawang

saya akan usahakan supaya apa yang dipanggil tabung pembiayaan prasarana itu dibuat dan kerajaan negeri akan mendahulukan dana tabung untuk pembuatannya. Selepas itu, kita memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengutip dari pembangunan-pembangunan yang akan dibuat di persekitaran sana.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya mohon sedikit penjelasan. Rawang ucapkan terima kasih kerana maksudnya kerajaan negeri akan inisiatifkan juga. Cuma saya ingin tahu bila akan dibuat sebab kalau ikut, projek ini patutnya bermula pada bulan Jun tahun lepas. Dan sebenarnya saya telah adakan perbincangan dengan JKR Selangor dan waktu itu PBT ada bersama. Jadi, masing-masing kurang jelas jabatan mana yang patut wujudkan tabung amanah ini dan mekanisme untuk dilaksanakan. Itulah sebabnya dalam perbincangan yang terakhir masih dibincangkan akan dibawa satu cadangan. Jadi saya kalau boleh minta dimuktamadkan dalam bulan April ini juga.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, jabatan yang akan memiliki jalan tersebut kerana jalan itu mesti mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (jalan tersebut). Jadi, oleh sebab itulah kita mencadangkan jalan tersebut dibina melalui kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi apabila dibina, mereka akan juga menentukan pembangunan pegangan persekitaran itu akan membiayai pembinaan tersebut. Dan *trust fund* ataupun dana pemegang amanah itu adalah *trust fund* yang dikuasai oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Perkara ini bukan hanya untuk Pihak Berkuasa Tempatan Selayang, Petaling Jaya sudah melakukannya dan Shah Alam sudah melakukannya. Untuk menentukan supaya Pihak Berkuasa Tempatan tidak terlupa (jadi saya nak terangkan untuk menentukan Pihak Berkuasa Tempatan tidak terlupa) untuk mengutip dana dari pemaju-pemaju persekitaran. Kerajaan akan memberi (bukan memberi geran). Kerajaan memberi pinjaman dan faedah kerana dengan cara itu sudah tentu Pihak Berkuasa Tempatan akan mengutip peruntukan-peruntukan tersebut. Jadi, selepas sudah dikutip semua dia boleh terus membayar kepada Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Y.B. Pelabuhan Klang, saya nak tanya tentang berapa kali kita telah membangkitkan perkara tanah di Johan Setia dan kawasannya. Adakah tempohnya di mana bekuan ini akan teruskan ataupun kita akan di dalam peringkat-peringkat akan berikan kuasa kepada pejabat tanah dan juga majlis perbandaran untuk membangkitkan ataupun

membangunkan kawasan ini sebab ada ramai yang bertanya dengan kita yang memiliki tanah-tanah di dalam kawasan itu untuk adakan satu program yang tertentu. Dan masanya *is that time frame* yang kita akan (boleh dikatakan) kita boleh gunakan ataupun boleh bagi mereka tahu untuk melaksanakan pekerja-pekerja di dalam kawasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, terima kasih. Seri Andalas, satu perkara yang Seri Andalas mungkin tahu atau pun saya akan beritahu ialah semasa pemberian tanah-tanah tersebut, iaitu tanah-tanah dipanggil "Revolusi Hijau" di mana tiap-tiap pemohon mendapat 3 ekar tanah atau pun 2 ekar tanah untuk dimiliki. Tetapi pada masa tersebut, tiada geran yang tetap dikeluarkan atau *land survey* yang dilakukan. Oleh sebab itu kadang-kadang *boundary's* atau pun sempadan itu pun tidak tetap. Jadi itu satu perkara yang perlu diselesaikan.

Kedua, dalam pemberian tanah-tanah tersebut dia tidak mengambil kira tentang caruman atau pun rizab parit dan jalan tidak termasuk dalam usaha tersebut. Jadi apabila parit dan jalan diambil kira maka sudah ada perkara yang perlu di selesaikan. Apa yang telah saya lakukan sekarang iaitu saya telah meminta Pihak Berkuasa Tempatan Klang bersama Pejabat Daerah menyediakan parit dan jalan, rizab parit dan jalan dan juga akan mengambil tanah-tanah untuk menyiapkan parit supaya satu perkara yang selalu berlaku di Johan Setia ialah tentang kebakaran di tanah gambut di sana. Selepas itu kita akan umumkan pemilikan-pemilikan tanah. Ada dua cara yang boleh kita buat untuk menyelesaikan masalah keseluruhannya. Iaitu kita boleh tawarkan untuk mengambil alih tanah keseluruhannya dan dipulangkan balik kepada pemilik-pemilik mengikut hanya tanah-tanah ditolak rizab jalan dan rizab parit. Itu satu cara yang paling cepat.

Ketiga, memanggil pemilik-pemilik tanah untuk menyelesaikan rizab tanah dan rizab parit. Jawapan ini agak sukar dilaksanakan kerana tanah-tanah ini walaupun tidak mempunyai pemilikan, sudah bertukar tangan 3, 4 kali jadi itu sebab sekarang kita membuat kajian bagaimana untuk menyelesaikan perkara ini. *Insyah-Allah* saya ingat dalam masa 2 atau 3 bulan kita akan membuat pengumuman-pengumuman untuk menyelesaikan masalah pemilikan tanah dan pembangunan di Johan Setia.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tuan Speaker. Tan Sri Menteri Besar memang saya faham isu plot dan tanah program kehijauan di sana. Tetapi ada juga orang-orang yang memiliki geran yang tertentu yang telah dimiliki oleh mereka. Bolehkah kita bersama-sama *at the same time* yang kita buat kajian atas tanah-tanah ini selain dari yang ada geran tetapi yang ada geran dan sudah pun kelihatan bahawa mereka ini ialah *clean card honest of the land* bolehkah mereka-mereka ini bersama dengan Majlis Perbandaran Klang dan

juga Pejabat Daerah/Tanah Klang melaksanakan pembinaan di atas tanah-tanah yang dimiliki oleh mereka semua yang ada geran dan dia miliki tanah itu sendiri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Andalas boleh dibincangkan. Saya tidak semestinya boleh dipersetujui tetapi boleh dibincangkan. Sebab ada juga pemilik-pemilik tanah membina bangunan-bangunan secara haram. Jadi itu yang kita boleh dibincangkan sebab kita akan menyelesaikan secara keseluruhannya dan sudah tentulah pemilikan-pemilikan itu mesti dibuat dan pembangunan-pembangunan tersebut mesti dibuat mengikut tatacara yang maknanya rizab parit dan rizab jalan akan dimasukkan di dalam kelulusan-kelulusan tersebut. Jadi sudah tentulah perkara ini bukan satu perkara yang senang, satu perkara yang sangat kompleks untuk diselesaikan. Dan dia melibatkan harta sekarang, harta sekarang. Dulunya boleh jadi tak sampai pembelian masa orang membeli tanah yang tiga ekar tu tak sampai RM 3,000.00 sekarang kita bukan bercakap RM300,000.00 tetapi boleh jadi RM3 juta. Jadi itu yang perlu kita perhatikan juga.

Permatang membangkitkan isu mengenai pemilikan tanah dan pembaharuan pendudukan sementara. Kerajaan Negeri mengambil berat tentang perkara ini kerana apa, kita dapati kita mesti memberi keutamaan kepada pemilikan tanah untuk kediaman. Itu keutamaan yang kita beri dan kita dapati begitu ramai rakyat Selangor yang duduk di atas tanah yang mereka tiada mempunyai milikan dan juga mereka dikatakan tidak memiliki untuk sementara. Jadi oleh sebab itu kita telah meminta setiap Pejabat Daerah untuk membuat *survey*, kajian mana-mana tanah-tanah kerajaan yang diduduki oleh masyarakat yang sudah begitu lama mereka duduk 15 ke 20 tahun dan tapak rumah akan kita berikan kepada mereka sebagai hak mereka. Dan tapak rumah ini oleh kerana kita dapati walau pun setengah ekar tetapi oleh kerana nilai tanah-tanah di Selangor ini tinggi, kalau dia membayar premium mengikut cara pengiraan yang biasa sudah tentu dia akan membayar RM40,000.00 ke RM50,000.00. Jadi oleh sebab itu kita telah meluluskan supaya pembayaran ini dibuat dengan hanya RM1,000.00 sahaja. Itu telah kita tapi kita juga dapat permohonan yang bertindih untuk pengetahuan Permatang ada juga orang yang bernasib baik mendapat 3 keping tanah atas nama yang sama. Jadi oleh sebab itu apabila kita buat kajian, dia bukan orang yang tiada ada tanah. Orang yang ada tanah. Jadi kalau orang yang ada tanah jadi kalau kita bagi balik dengan harga yang begitu dan kita akan bererti tidak menolong orang-orang yang tiada bertanah. Jadi mengapa kita tahu mengenai ini. Untuk pengetahuan Ahli Dewan, semua rekod-rekod pemilikan tanah sudah kita kemaskinkan di dalam komputer. Kalau saya bagi nama kad pengenalan saya, untuk disemak mereka akan tahu mana rumah dan kedai kalau saya ada memiliki di Selangor. Jadi kita tahu tentang tanah-tanah yang bertindih dan oleh sebab itu saya nak mengingatkan bahawa itu sebab apabila mereka memiliki satu atau dua tanah kita kenakan apa yang dipanggil bayaran ikut harga pasaran. Dan jika mereka rasa ini yang perlu jika mereka rasa, mereka terhimpit, kerana tersebut mereka boleh buat permohonan mengatakan yang

sebenarnya ini saya hanya mempunyai tanah ini sahaja untuk itu dan Pejabat Daerah, Pegawai Daerah kita benarkan untuk berbincang supaya mereka menggunakan kemudahan RM1,000.00 tersebut. Tetapi saya hendak tunjukkan dalam rekod bahawa ada pemilik-pemilik tanah yang dikenakan bayaran mengikut harga premium pasaran. Sebab kalau tidak, besok kita akan dapati terlalu ramai orang yang mendapat kemudahan sama dengan orang yang dulunya tidak memiliki tanah. Jadi itu sebab rekod itu mesti dikemaskini. Dan Kerajaan Negeri tidak bercadang bukan untuk pengetahuan Yang Berhormat Permatang, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mendapatkan pendapatan untuk mereka-mereka yang memerlukan tanah-tanah tersebut. Dan itu tidak termasuk dalam kiraan pendapatan premium kita untuk perbelanjaan Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Beri penjelasan. Saya ucapkan terima kasih cuma sedikit sahaja saya nak minta penjelasan mengenai selepas tamat tempoh pajakan ya, macam mana beberapa kes tamat pajakan sewaktu mereka dalam 99 tahun itu bertaraf *agriculture* lah dengan izin, pertanian tetapi apabila mereka buat pembaharuan, mereka diminta untuk menukar permohonan itu atas pembangunan bercampur. Mungkin kawasan itu sudah dibangunkan kawasan sekitaran itu di kawasan pembangunan. Jadi mereka terpaksa membuat bayaran premium berdasarkan harga semasa, sampai RM1.5 juta. Jadi sebenarnya tanah itu mereka duduki secara adik-beradik memang menjadi kawasan kediaman mereka yang sudah hampir 99 tahun yang lalulah. Jadi apakah mereka-mereka ini pun layak untuk membuat permohonan dengan kadar RM1,000.00 untuk mereka menjelaskan RM1.5 juta tadi bertaraf premium yang dikenakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Permatang, perkara itu boleh dipertimbangkan. Maksudnya dia tidak menghalang daripada mereka mendapat kemudahan yang RM1,000.00 itu. Tetapi sudah tentulah apabila mereka menjualnya dengan harga pasaran, kita akan kenakan kutipan premium lebihan tersebut. Jadi itu boleh kita lakukan dan saya rasa untuk itu kalau Yang Berhormat dalam Dewan bertanya, ini sudah kita masukkan ke dalam Selangor Land Rule dia dipanggil undang-undang cara-cara tanah itu sudah dimasukkan. Tetapi saya berharap sekali lagi saya nak ingatkan Ahli Dewan Permatang, kalau dia ini mempunyai banyak tanah dan ini akan menimbulkan beberapa persoalan dan itu yang kita kena selesaikan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Ya, Puan Speaker, bagaimana pula dengan kawasan-kawasan Kampung Baru? Sebab di dalam kawasan Permatang ada beberapa kawasan Kampung Baru Cina yang mana mereka juga selepas tamat tempoh pajakan 30 tahun apabila mereka dapat kadar

premium yang baru itu memang begitu tinggi sekali dan termasuk kawasan-kawasan perniagaan yang mana mereka sendiri merasakan ini amat membebankan mereka.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Permatang, Kampung Baru tidak timbul masalah sebab kemudahan RM1,000.00 pun sudah kita berikan. Terutama saya ingat Taman Medan tahu tentang di Petaling Jaya sendiri, tanah-tanah di Petaling Jaya juga kalau ikut harga pembaharuan untuk memiliki tanah tersebut, dia punya harga terlalu tinggi tetapi kita telah serupa untuk seluruh Negeri Selangor kita gunakan sistem pembiayaan RM1,000.00 satu *title*. Itu telah kita lakukan tetapi saya sangat-sangat berharap *the second and third buyer* tak boleh dapat. Saya sangat-sangat berharap sebab saya tahu ada orang pergi membeli tanah kepada orang yang dijual lepas tu bila dia datang kita *check* rupanya dia baru beli tanah. Dia tak boleh dapat. Itu yang saya nak kurangkan apa yang dipanggil penyalahgunakan itu, saya nak kurangkan bukan maknanya kita hadkan. Saya nak kurangkan. Saya juga ramai Ahli-Ahli Dewan bertanya tentang Projek Mitigasi II. Mitigasi II itu ialah satu projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan yang itu memang Kerajaan Persekutuan telah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri antara perkara yang kita kehendaki agak kurang percaya tentang usaha yang dilakukan oleh Puncak Niaga dan SYABAS dalam usaha mempertingkatkan pembangunan prasarana penyaluran air dan juga loji pembersihan air. Jadi oleh sebab itu Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk memperuntukkan RM600 juta. Walau bagaimana pun dari RM600 juta itu hanya RM327 juta diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk pembinaan pertama untuk meningkatkan kapasiti naik taraf loji Sungai Selangor. Kedua kita juga pengagihan semula kapasiti air Loji Sungai Selangor iaitu kita akan menyambung paip besar dari Bestari Jaya sampai ke Kajang dan ke Langat sebab kita akan membawa air ke sana dan skim pemindahan Rasah yang telah dibincangkan kerja-kerja penantian aset di Loji Sungai Semenyih sebab kita akan membawa air sampai ke Sungai Semenyih. Perkara ini di bawa jagaan Unit Perancang Ekonomi Negeri dan tender di buat secara terbuka dan pengawasan tentang pelaksanaan ini dibuat oleh SPAN iaitu Suruhanjaya Pengurusan Aset Air Negara. Dan lebih itu RM270 juta telah dimasukkan di dalam akaun Syabas iaitu untuk mengurangkan *Non Revenue Water* tapi dan ini bersetuju apabila Kerajaan Negeri mengambil alih aset ini, Kerajaan Negeri akan menguasai juga peruntukan Kerajaan Persekutuan. Jadi itu saya harap kita mengapa pula kita dimasukkan ke dalam bajet. Ah itu saudara akan bertanya sebenarnya cara yang dibuat apabila Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan RM327 juta itu kita masukkan ke dalam pendapatan Negeri Selangor iaitu *The Consolidated Account*. Jadi untuk menarik keluar daripada pendapatan negeri Selangor kita akan kena membuat perbelanjaan yang dipersetujui oleh Dewan ini. Itu sebab dia jadi ada rekod duit masuk daripada Kerajaan Persekutuan ada rekod penggunaan duit daripada Kerajaan Persekutuan. Permatang dan rakan juga telah mempersoalkan kalau begitu lebih senanglah buat sahaja bajet RM337 juta tak payah susah-susah atau pun buatlah bajet untuk Jambatan Kelang RM400 juta. Tapi saya rasa saya tidak berapa itu tidak melihatkan satu disiplin iaitu kalau pun

kita buat bajet umpamanya pada tahun 2013 dulu masa bulan November. Kita katakan kita nak bajet untuk Kelang sebanyak RM400 juta, boleh jadi diluluskan sudah tentu diluluskan tetapi kiraan kita RM400 juta tidak boleh digunakan dalam tahun 2014 kerana dia ada masa berperingkat-peringkat. Jadi oleh sebab itu sebagai disiplin kita akan beritahu Dewan berapa banyak yang digunakan. Walau pun kita tahu Dana ada jadi kita tidak membuat cara itu. Itu salah satu daripada disiplin penjagaan Dana. Itu sebab ada orang kata kenapa selalu sangat datang ke Dewan untuk membuat permohonan. Ada baiknya ada buruknya, untuk pengurusan lebih baik tak payah beritahu Dewan lebih sampai dah siap baru beritahu Dewan dan minta sebanyak-banyak yang kita nak. Itu boleh jadi satu cara dan kedua satu lagi cara ialah meminta supaya kita ada dapat jangkaan-jangkaan penggunaan. Yang saya buat ialah cara yang kedua saya rasa Dewan akan lebih senang hati akan dapat mengetahui keadaan perkembangannya. Untuk ini tahun hadapan sudah tentu saya akan lagi memberitahu Dewan tentang kita perlukan sekurang-kurangnya RM120 juta untuk pembangunan Jambatan Kelang. Jadi baru RM50 juta kita datang nak RM120 juta. Lepas itu tahun satu lagi kita juga akan datang ke Dewan tapi untuk itu salah satu daripada peranan Ahli Dewan Negeri boleh jadi katanya bawa saya melawat mana Jambatan yang dibuat dan berapa banyak duit yang sudah digunakan. Jadi itu adalah dipanggil dari segi *Management* ialah satu *check* dan *balancenya*. Perkara ini bukan boleh jadi tidak dibuat untuk negeri noted negeri tidak boleh dibuat. Tapi untuk Syarikat-syarikat yang saya rasa bertaraf antarabangsa Nestle atau pun saya juga anggap Guthrie Syarikat Antarabangsa jadi sebab dia mempunyai pemilikan ladang yang terbanyak ladang sawit yang terbesar di dunia. Jadi boleh jadi taraf Antarabangsa dia dibuat walaupun saya menanam sawit 3 tahun saya gunakan tiap-tiap tahun saya akan buat bajet untuk diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah. Jadi dengan cara itu kita tahu dalam perkembangan yang berlaku, itu teknik yang kita buat okey.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh mencela sikit.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih YAB Menteri Besar. Saya boleh terima kewajaran jawapan daripada pihak Kerajaan tapi ialah dalam kita menguruskan satu projek yang sebesar itu saya menyatakan kita ada anggaran peruntukan perbelanjaan yang sudah dibuat oleh pihak-pihak teknikal sama ada Agensi JKR atas sebagainya yang boleh menjangkakan berapa kadar bajet yang diperlukan untuk projek berkenaan. Daripada projek kadar peruntukan yang diperlukan katakan RM400 juta barangkali sudah tentu boleh juga dianggarkan tahun semasa penggunaan kerana peratusan kemajuan kerja pun boleh dijangkakan oleh pihak Kerajaan, oleh pihak teknikal. Saya merasakan bahawa permohonan peruntukan ini bermula sebelum projek bermula yang menjadi satu kesangsian kepada saya jadi sepatutnya peruntukan dah ada anggaran perbelanjaan tender dibuat oleh pihak teknikal dan juga anggaran tahun penggunaan semasa pun boleh

dibuat anggaran. Jadi tak perlu datang ke Dewan setiap kali untuk membuat peruntukan tambahan, itu yang saya jelaskan tadi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya nak jelaskan itu sebab Tuan Speaker masa kita bersetuju untuk membuat Jambatan itu kita sudah ada angka yang *is called The General* angka bukan angka yang tetap, tetapi angka yang besar kita tahu dan kita akan kata kita kata telah beritahu Dewan lebih kurang harganya RM400 juta. Dah kita buat tapi kita untuk ini mengapa Kerajaan Negeri tidak memberitahu Dewan tentang kos pembuatan Jambatan ini. Masa saya bercakap tender sudah dihantar kepada semua orang kita belum mendapat *The Tender Specification* lagi. Jadi yang bagusnya belum tender pun dah buat kelulusan untuk perjalanan, jadi maknanya ia lebih cepat dibuat jadi apabila kita berjumpa pada Dewan Persidangan Yang Kedua untuk tahun ini saya sudah memberitahu tentang berapa tender yang pemenang, apa yang kita lakukan, apa semua. Jadi dengan cara itu kita lebih cepat ah itu sebab salah satu daripada masalah yang kita hadapi di JPS dulu. Dia tunggu Dewan luluskan peruntukan lepas itu dia tunggu surat yang diluluskan itu lepas dia tunggu barulah dia mula buat kerja nak buat rancangan tender. Jadi apa yang berlaku, kelulusan telah dibuat pada bulan November, tender dibuka pada bulan April, pergerakan berjalan pada bulan Jun lepas itu tunggulah tahun depan sebab dia punya kes begitu sekarang saya membuat terus jadi tak payah tunggu, tunggu lagi. Itu sebab saya telah mengubah, mengubah tatacara yang kita telah buat. Jadi untuk itu saya rasa kita cuba lakukan ini supaya dapat memberikan Dewan peluang bukan sahaja mengetahui tapi mempersoalkan status-status projek tersebut. Sri Muda membangkitkan tentang kos penyelenggaraan yang kita juga perlu ambil kira kemudian keutamaan itu yang paling teruk Sri Muda tapi semua yang utama. Oleh sebab itu saya telah memberitahu pihak berkuasa tempatan untuk menyenaraikan pada saya manakah projek-projek prasarana jalan, parit yang utama. Dia kata ada 50 yang utama jadi berbincanglah dengan Ahli Dewan Undangan Negeri dan untuk mengutamakan yang utama. Jadi baru kita selesaikan perkara ini sebab duit kita terhad tapi kita nak mesti menyelesaikan perkara yang utama.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI: Mencela sedikit Tuan Speaker, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar di atas keprihatinan untuk memberikan keutamaan kepada yang utama. Walau bagaimana pun kalau kita dapati projek di antara Sg. Rasah saya bukanlah kecil hati, kecil hati terasa hati jugalah kerana daripada segi banjir ini dua-dua tempat ini pun teruk cuma di Sri Muda ini keadaan agak lebih kritikal sedikit memandangkan kedudukan yang lembah yang sekian lama setiap kali hujan lebat banjir. Masalahnya bila buat baiki di Shah Alam Kota Anggerik di Sg Rasah dia akan banjir di Sri Muda. Jadi sebab itu saya fikir eloknya kita buat sekali sama seperti jalan di Kampung Johan Setia. Apa yang dilakukan dulu ialah dia buat jalan dulu naik taraf jalan RM23 juta untuk 8 km tetapi longkang itu tidak di *upgrade* daripada parit tanah kepada konkrit. Jadi jalan

itu mendap bila mendap terpaksa kita keluarkan duit lagi RM8 juta untuk membaiki....

TUAN SPEAKER: Sri Muda boleh sambung esok?

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI: Saya habiskan.

TUAN SPEAKER: Sambung esok. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian jam telah menunjukkan pukul 4.30 petang maka saya tangguhkan Dewan hingga esok 16 April 2014 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang)